


**Jilid 1
Bil. 51**



**Hari Isnin
26hb Mac, 1979**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5239]

KENYATAAN Y.A.B. PERDANA MENTERI:

Kertas Putih Bank Rakyat [Ruangan 5298]

USUL:

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga [Ruangan 5299]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Rayuan Pekerja-pekerja Perusahaan Elektronik [Ruangan 5356]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- .. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- .. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- .. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- .. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- .. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- .. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- .. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- .. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- .. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- .. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK (Alor Gajah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- .. TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- .. TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- .. TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- .. TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- .. TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- .. DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- .. TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- .. TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- .. TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- .. TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- .. TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- .. TUAN P. PATTO (Menglembu).
- .. TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- .. TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- .. DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- .. TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- .. DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- .. TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- .. PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- .. TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 26hb Mach, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KILANG PENAPIS MINYAK
PETRONAS

1. **Tuan Alias bin Md. Ali** minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang telah dicapai oleh Petronas sehingga hari ini berkaitan dengan mendirikan kilang penapis minyaknya sendiri yang telah diumumkan oleh bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak beberapa tahun lalu.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, "Master Plan Studies" mengenai industri minyak di Malaysia oleh C. Itoh telah mencadangkan pembinaan sebuah lagi kilang Penapis Minyak di Malaysia. Dalam tahun 1978, Petronas telah menjemput Pakar-pakar Perunding membuat cadangan untuk menjalankan kajian kemungkinan mengenai kilang penapis minyak itu. Terdapat dua puluh Pakar-pakar Perunding yang berminat. Sekarang Petronas adalah di peringkat akhir dalam memilih Pakar Perunding yang akan dilantik itu. Apabila Pakar Perunding telah dilantik, laporan kajiannya dijangka siap enam bulan kemudiannya.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sebuah kilang penapis minyak memerlukan perbelanjaan yang besar. Perkara-perkara seperti permintaan pasaran di dalam dan luar negeri, tempat didirikan, saiz, pecahan pengeluaran serta kos pembinaan kuang, perlu ditimbangkan dengan mendalam.

LAWATAN PERDANA MENTERI
KE INDIA/PAKISTAN

2. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Perdana Menteri menyatakan hasil rundingan-rundingan yang telah dibuat antara beliau dan Perdana Menteri India dan Pakistan semasa lawatan beliau baru-baru ini ke negara-negara tersebut dan sama ada rundingan-rundingan tersebut menguntungkan Malaysia.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini yang sama maksudnya dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Sarikei pada 22hb Mac, 1979. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah diberikan itu.

PERKHIDMATAN PANGGILAN
RADIO

3. **Tuan Bujang bin Haji Ulis (di bawah S. O. 24 (2))** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau akan menimbang mengadakan perkhidmatan panggilan radio di pusat-pusat yang mempunyai bilangan penduduk yang besar di kawasan-kawasan pedalaman Sarawak seperti Ng. Engkuah, Katibas, Ng. Merit, Batang Rajang, Ng. Ibum, Pila, Ng. Entawau, Balleh, Long Buseng dan Long Jawe sebagai satu alat perhubungan sekiranya berlaku kecemasan dan juga sebagai satu alat perhubungan dengan ketua Masyarakat, guru-guru desa dll.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya Jabatan Telekom telahpun mengadakan Perkhidmatan Radio Call Service di setengah-setengah pusat yang mempunyai penduduk di kawasan luar bandar Sarawak. Perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah diadakan dengan wang peruntukan yang dibekalkan oleh Kerajaan Negeri

Sarawak dan juga oleh Jabatan Perubatan. Jabatan Telekom pada prinsipnya bersedia menimbangkan cadangan mengadakan perkhidmatan yang serupa pada setengah-setengah kawasan termasuk, jika perlu, kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat jikalau juga syarat butir-butir lengkap bagi membiayai perkhidmatan ini dipersetujui termasuk kemungkinan orang-orang di tempat itu dikehendaki membayar alat radio transceivers dan jikalau sanggup membayar bayaran apabila mereka itu membuat panggilan.

PEMERINTAHAN KERAJAAN DEMOKRASI

4. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa ada segolongan pemimpin dan rakyat tidak berpuashati dengan sistem dan pemerintahan kerajaan demokrasi yang ada sekarang, dan masih lagi mempersoalkan demokrasi dan kebebasan yang telah diamalkan begitu longgar dan menyenangkan kepada mereka. Jika sedar apakah ketegasan Kerajaan dalam memelihara keutuhan sistem dan pemerintahan demokrasi yang ada sekarang, agar tidak disalahgunakan kebebasan yang diberikan kepada mereka untuk melahirkan subversif terhadap negara, oleh itu:

- (a) apakah Kerajaan bercadang membenarkan mereka yang tidak berpuashati dan tidak mahu berterima kasih itu meninggalkan negara ini, untuk mereka pergi mencari dan menuju ke negara yang dicita-cita yang lebih demokratik dan kebebasan sepenuhnya, sebagaimana yang difahami oleh mereka itu; dan
- (b) apakah tolak-ansur yang diberikan oleh Kerajaan kepada mereka selama ini, telah dianggap sebagai hak mutlak mereka iaitu dari segolongan yang tidak mahu memahami sejarah negara ini.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, memang ada segolongan mereka yang tidak puashati dengan sistem dan pemerintahan demokrasi yang diamalkan sekarang. Ini adalah satu perkara yang biasa, kerana dalam sistem dan pemerintahan oleh Kerajaan

manapun, pasti ada yang tidak berpuashati. Yang harus dititikberatkan ialah adanya kritikan dan kecaman yang dibuat oleh mereka adalah bukti yang jelas bahawa demokrasi wujud dalam negara. Jika tidak ada demokrasi atau pemerintahan yang diamalkan tidak demokratik seperti didakwa oleh golongan ini, maka mereka sudah lama akan dimasukkan dalam tahanan. Malangnya mereka ini tidak pernah bersyukur dan mereka sengaja tidak mahu mengaku keburukan yang terdapat di negara yang mengikut mereka kononnya demokratik.

Satu lagi bukti bahawa tuduhan mereka tidak berasas ialah keengganan mereka ini meninggalkan Malaysia kita dan nyah pergi ke negara yang disanjung tinggi oleh mereka. Mereka tahu mereka akan diperhinakan di negara-negara itu.

Kerajaan tidak akan menghalang pemergian mereka tetapi malangnya tidak ramai dari mereka ini yang ingin pergi dan yang pergi pula tidak mahu melepaskan kerakyatan Malaysia. Mereka bersikap seperti kata orang Inggeris, "want their cake and eat it as well."

Tuan Chan Teck Chan: Memandangkan kian lama kian banyaknya profesional-profesional telah meninggalkan Malaysia kerana mereka tidak merasa puashati atau merasa putus asa atas dasar pemerintahan Kerajaan, maka demi kepentingan bangsa dan negara kita adakah Kerajaan akan bertindak untuk menyiasat supaya langkah-langkah yang berkesan boleh dicari untuk mengatasi masalah pemergian doktor-doktor dan orang-orang profesional ini ke seberang laut.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rumah yang bahagia ini saya telah menjawab soalan yang sama ataupun teguran yang sama berkali-kali. Pemergian ahli-ahli profesional daripada sebuah negara ke negara yang lain adalah satu perkara biasa yang dilakukan bukan sahaja di negara kita tetapi juga berlaku di lain-lain negara. Terdapat ramai daripada orang-orang profesional daripada India yang berhijrah ke Britain, ke Amerika Syarikat juga ke Malaysia dan terdapat juga orang-orang British yang profesional yang berhijrah ke Australia dan ke Amerika dan perkara ini

sering berlaku dan wafat apa sekalipun kita buat terhadap mereka ini, mereka boleh menjual khidmat mereka di tempat-tempat lain, selalunya tidak puashati dengan keadaan di tempat mereka sendiri. Oleh itu tidak ada gunanya kita membuat siasatan kerana kita tahu sebabnya.

Wan Mohd. Najib bin Wan

Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyedari tentang rakyat jelata yang ada sekarang tidak begitu mampu menerima cara sistem demokrasi yang ada sekarang? Oleh itu, dengan keadaan demokrasi yang kita bendungkan selama ini akan hancur oleh demokrasi itu sendiri apabila ianya dipergunakan oleh segolongan pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab. Jika sedar adakah Kerajaan bercadang membentuk satu cara sistem demokrasi berparlimen cara Malaysia sendiri iaitu yang lebih tegas dan lebih ketat lagi demi untuk faedah rakyat jelata bukan untuk faedah segolongan pemimpin yang tidak bertanggungjawab itu?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mengawasi segala perkembangan di dalam negara kita berkenaan dengan penyalahgunaan kuasa-kuasa dan hak-hak di dalam demokrasi seperti yang diamalkan di dalam negara kita ini. Jika kita dapati bahawa penyalahgunaan itu akan membawa kepada keburukan bagi negara kita ini, maka tindakan akan diambil dan tindakan yang diambil itu tidaklah akan dibuat secara tergesa-gesa sehingga mungkin melibatkan pihak-pihak yang lain yang tidak menyalahgunakan kuasa mereka. Sebab itu Kerajaan tidak dapat pada waktu ini menukar corak demokrasi yang ada sekarang kerana kita belum dapati bukti bahawa penyalahgunaan itu adalah meluas dan akan membina-sakan negara kita.

GURUBESAR SEKOLAH MENENGAH

5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar bahawa Gurubesar-gurubesar kategori C1 dan C2 yang sedang bertugas sebagai Gurubesar Sekolah Menengah sekarang akan ditukar menjadi Gurubesar Sekolah Menengah Rendah dan Gurubesar Sekolah

rendah Gred A. Jika benar adakah Kerajaan sedar bahawa mereka itu mempunyai pengalaman yang cukup bagi mentadbir sesebuah sekolah, dan sebahagian mereka telah membuktikan kebolehan mereka yang lebih daripada setengah-setengah gurubesar siswazah. Nyatakan bilangan guru-guru tersebut di seluruh negara yang akan terlibat dengan tindakan Kerajaan itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, perkara yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu ada hubungannya dengan urusan menggredkan semula sekolah-sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat urusan tersebut masih bertaraf sulit. Kementerian saya akan mengemukakan perkara ini apabila tiba masanya.

Tuan Bujang bin Haji Ullis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita dapati sekarang dengan pelaksanaan gaji gurubesar, ramai daripada guru-guru C2 atau C1 yang belum begitu lama mengajar telah mendapat gaji yang lebih tinggi daripada guru C2 atau C1 yang lebih lama lagi mengajar daripada guru-guru yang mendapat perubahan itu. Jadi adakah pihak Kementerian bercadang hendak menaikkan secara otomatis taraf guru-guru C2 dan C1 itu ke tingkatan yang lebih tinggi daripada mereka yang terlibat di dalam pelaksanaan gaji gurubesar yang saya maksudkan itu?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah lari sedikit daripada pokok jawapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, tak mahu jawablah?

Dato' Chan Siang Sun: Tidak.

HARGA TV WARNA

6. Tuan Au How Cheong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apabila perkhidmatan talivisyen berwarna dimulakan:

- (a) berapakah bilangan keluarga yang mampu memiliki peti TV berwarna mengikut jangkaan/bayangan Kerajaan;
- (b) apakah kedudukan pembekalan peti TV berwarna sekarang, iaitu berapa set dipasang dalam Negeri dan berapa diimportkan; dan

(c) adakah benar atau tidak bahawa harga peti TV berwarna masih tinggi disebabkan permintaan adalah melebihi daripada bekalan pada masa sekarang; jika ya, sama ada Kerajaan akan menjadi bekalan ditambah secara besar-besaran.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini lebih kurang 630,000 lesen TV telah dikeluarkan oleh Kerajaan. Setelah berbincang dengan pembuat TV tempatan, Kementerian saya menganggarkan bahawa lebih kurang 10% daripada tuan punya TV akan menukar kepada TV berwarna pada tiap-tiap tahun. Ini bermakna bahawa di dalam tahun 1979, permintaan untuk TV berwarna adalah di dalam lingkungan 63,000 buah.

Pembekalan peti TV berwarna yang dipasang di dalam negeri ini adalah sebanyak 4,200 yunit sebulan. Buat masa ini, tidak ada perangkaan yang menunjukkan jumlah peti TV berwarna yang diimport.

Adalah tidak tepat jika dinyatakan bahawa harga peti TV berwarna yang dipasang di dalam negeri adalah tinggi oleh kerana permintaan pasaran melebihi pembekalan. Harga peti TV berwarna yang dipasang di dalam negeri adalah ditetapkan melalui perundingan yang diadakan di antara pihak Kerajaan dengan pemasang-pemasang peti TV berwarna dan penjual-penjual peti TV berwarna. Adalah diperhatikan bahawa walaupun pembekalan peti TV berwarna ditambah, ini tidak akan mengubah harga-harga peti TV berwarna tersebut. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telahpun menurunkan duti impot daripada 45% ad valorem atau \$250 tiap-tiap satu, yang mana lebih tinggi, kepada 25% ad valorem bagi peti TV berwarna yang bersaiz 26 cm dan kurang daripadanya. Bagi peti TV berwarna yang bersaiz 26 cm dan lebih, duti impot telah dikurangkan kepada 35% ad valorem. Adalah dipercayai bahawa dengan pengurangan duti impot ini, TV berwarna bolehlah diimport dari luar negeri sekiranya terdapat kekurangan bekalan peti TV berwarna.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar walaupun duti impot sudah diturunkan tetapi

TV yang dibeli di negara jiran yang berhampiran negara kita walaupun dibayar impot duti adalah lebih murah lagi daripada TV yang dipasang (assemble) di negara kita. Adakah ini menunjukkan bahawa kilang-kilang TV di negara kita mengambil keuntungan yang lebih?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, kita mesti membezakan harga peti TV yang dipasang di dalam negara kita ini dengan TV yang kita impot dari luar negeri. Di negara kita ini oleh sebab kita ada 8 buah kilang yang memasang TV pasaran TV itu terhad, jadi tidak dapat menggunakan economies of scale, jadi kos TV yang dipasang di negara kita ini mesti tinggi. Jadi kalau kita bandingkan dengan TV yang diimport yang mana sekarang TV dipasang di negara kita berkurang 18 inci ke atas dan TV kurang daripada 18 inci kita tidak ada memasang (assemble) TV seperti itu. Jadi adalah harus kalau kita impot TV bersaiz kurang daripada 18 inci juga kalau kita bayar cukai impot boleh dikatakan rendah harganya daripada TV tempatan tetapi TV itu tidak dapat dipasang di negara kita ini. Kalau kita bandingkan TV yang ada dipasang di negara kita ini yang bersaiz 20 inci ke atas harganya tidak boleh dikurangkan.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan, menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan kilang-kilang yang ada di Malaysia terhad untuk 8 kilang sahaja. Adakah masa akan datang Kerajaan akan membuat satu dasar tidak lagi membenarkan kilang-kilang tempatan memasang TV, sebab pasaran di Malaysia adalah terhad, barang-barang yang dipasang di Malaysia mesti dijual dengan harga yang tinggi?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, mengenai bilangan kilang untuk membuat barang-barang pembuatan, Kementerian saya ini mesti mengkaji dari semasa ke semasa. Pada masa sekarang kilang pembuat TV cuma ada 8 dan kita anggap ini cukup untuk permintaan negara kita ini tetapi apabila ada permintaan yang naik barangkali daripada permintaan dan pengeluaran, kalau tidak seimbang kita boleh timbang, kalau sesuai kita tambah.

Tuan Bujang bin Haji Ullis: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dasar Kerajaan sekarang ialah menggalakkan majoriti rakyat menikmati adanya TV, maka soalan saya ialah, adakah pihak Kementerian bercadang untuk

mereka yang kurang mampu membeli TV di luar bandar di subsidiise ataupun menghantar sebuah TV kepada segolongan penduduk-penduduk di luar bandar yang tidak mampu itu iaitu sebuah kampung diberi sebuah TV dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini lain daripada soalan asal.

PASUKAN PETUGAS DI PELABUHAN KELANG

7. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Pengangkutan menyatakan iaitu oleh kerana Pelabuhan Kelang sekali lagi terancam dengan kesukaran-kesukaran untuk memindahkan barang-barangan yang bertimbun-timbun sekian lama itu, sehingga kapal-kapal tiada mahu atau enggan singgah di Pelabuhan Kelang, apakah yang telah jadi kepada apa yang katakan Pasukan Petugas (Task Force) yang dibentuk untuk menyelesaikan timbunan-timbunan itu.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pelabuhan Kelang tidak mengalami sebarang kesukaran dalam pengendalian barang-barang daripada kawasan pelabuhan dan dengan demikian tiada kesesakan berlaku untuk menyerahkan barang-barang. Jumlah kargo yang ada dalam simpanan gudang transit, gudang simpanan dan lapangan-lapangan Lembaga adalah diawasi supaya tidak melebihi daripada peringkat biasa yang boleh diuruskan dan sekiranya jumlah kargo itu kalau didapati mendekati peringkat kesesakan maka pihak Lembaga akan mengambil langkah-langkah yang tertentu.

Pelabuhan Kelang tidak sedar tentang adanya kapal-kapal yang dijadual singgah di Pelabuhan Kelang enggan atau tidak mahu berbuat demikian. Sebaliknya, apa yang diketahui jumlah kargo dan kapal yang singgah di Pelabuhan Kelang telah bertambah tiap-tiap tahun. Misalnya, jumlah kapal yang singgah di Pelabuhan Kelang telah meningkat daripada 3,536 buah dalam tahun 1976 menjadi 3,631 buah dalam tahun 1977 dan 3,834 buah dalam tahun 1978.

Berkenaan dengan Pasukan Bertugas yang telah dibentuk untuk menyelesaikan masalah

kesesakan kontener, pasukan itu sentiasa memainkan peranannya bila-bila diperlukan tetapi peranan mereka berkurangan semenjak tiadanya kesesakan di Pelabuhan Kelang. Bagaimanapun, jika perlu pasukan itu akan mengadakan perbincangan.

JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PELAJARAN

8. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran memberi satu laporan mengenai kerja dan kemajuan yang dicapai oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelajaran, juga nyatakan mengapa jawatankuasa tersebut masih belum lagi menyiapkan kajiannya sungguhpun lima tahun telah berlalu dan nyatakan bilakah laporan tersebut akan siap.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pengkajian yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet ke atas pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan berada di peringkatnya yang akhir. Pengkajian ini ialah suatu tinjauan semula yang amat sukar dilakukan bukan saja kerana isu-isu yang dikupas kesemuanya paling penting tetapi juga kerana bidang yang dikaji begitu luas dan menyeluruh. Tanggungjawab yang sedemikian berat pasti tidak boleh diabaikan, sebaliknya setiap perbincangan dan segala pemikiran perlu dibuat dengan berhati-hati dan penuh teliti. Keadaan seumpama inilah yang menyebabkan Jawatankuasa Kabinet telah mengambil masa yang agak lama sedikit untuk membentangkan laporannya. Walau bagaimanapun, pada ketika ini Jawatankuasa Kabinet sedang menguruskan penulisan laporan tersebut.

MISSI GALAKAN PELABURAN

9. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) apakah hasil-hasil tertentu yang telah dicapai oleh misi galakan pelaburan ke negeri Jepun yang beliau buat baru-baru ini;
- (ii) dalam cara apakah misi-misi galakan pelaburan selain daripada misi ke negeri Jepun telah berhasil di dalam penubuhan lebih banyak lagi industri-industri usahasama di Malaysia; dan
- (iii) berapa banyak lagi misi-misi galakan pelaburan yang beliau bercadang hendak

mengetuai dan di negeri manakah yang akan dituju dalam tahun ini dan apakah yang beliau harap akan mencapai.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua,
(i) Rombongan galakan pelaburan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian pada bulan Oktober/November 1978, ke Jepun adalah merupakan rombongan yang ketiga selepas rombongan-rombongan ke Eropah dan Amerika Syarikat. Semasa rombongan ini berada di Jepun, seminar-seminar pelaburan telah diadakan di bandaraya-bandaraya Tokyo dan Osaka. Seramai 243 para pengusaha, ahli-ahli bank dan perunding telah menghadiri seminar-seminar itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rombongan dari Malaysia mengandungi 33 orang wakil dari sektor swasta.

Berhubung dengan hasil rombongan pelaburan ke Jepun, sukacita saya nyatakan bahawa Kementerian saya telah menerima 9 permohonan projek-projek baru dengan kepentingan Jepun dan telahpun diluluskan oleh Kementerian saya. Sembilan projek baru ini akan melibatkan pelaburan modal (termasuk sumbangan tempatan) sejumlah \$44.2 juta dan memberi peluang pekerjaan sejumlah 1,742 orang.

Beberapa rombongan dari Jepun telah juga melawat Malaysia untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut mengenai peluang pelaburan di Malaysia. Rombongan-rombongan tersebut ialah:

- (a) Fujinomyia Chamber of Commerce and Industry.
- (b) Japan Machinery Investment Study Team
- (c) ANJ Investment Study Team
- (d) Nagoya Chamber of Commerce and Industry
- (e) International Wool Secretariat of Tokyo.

Selain daripada ini 6 buah syarikat-syarikat Jepun telah juga menghantar wakil-wakil mereka ke Malaysia untuk mengadakan perbincangan lanjut.

(ii) Hasil daripada rombongan ke Eropah dan Amerika Syarikat adalah menggalakkan.

Dari Eropah, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa dalam jangka masa bulan Jun hingga bulan Disember, 1978, sebanyak 10 permohonan projek-projek baru telah diterima dan diluluskan oleh Kementerian saya. Sepuluh projek baru ini akan melibatkan pelaburan modal (termasuk sumbangan tempatan) sejumlah \$91 juta dan akan memberi peluang pekerjaan sejumlah 1,002 orang.

Beberapa rombongan dari Eropah telah juga melawat Malaysia untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut mengenai peluang pelaburan di Malaysia. Rombongan-rombongan tersebut ialah:

- (a) National Confederation of German Furniture and Wood-working Industries
- (b) The French Centre for the Promotion of Wood-based Industries
- (c) Finland Trade Delegation
- (d) Industrial Mission from Sweden
- (e) London Chambers of Commerce and Industry
- (f) German Development Co.

Selain daripada ini 25 buah syarikat-syarikat dari Eropah telah juga menghantar wakil mereka ke Malaysia untuk mengadakan perbincangan lanjut.

Dari Amerika Syarikat pula, sebanyak 4 permohonan untuk projek-projek baru telah diterima dan telahpun diluluskan oleh Kementerian saya dan satu projek lagi sedang diproses. Empat projek baru ini akan melibatkan pelaburan modal (termasuk sumbangan tempatan) sejumlah \$24.2 juta dan akan memberi peluang pekerjaan sejumlah 2,977 orang.

Satu rombongan dari Amerika Syarikat juga telah melawat Malaysia untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut mengenai peluang pelaburan di Malaysia. Rombongan ini ialah Overseas Private Investment Company.

Selain daripada ini, 9 buah syarikat-syarikat dari Amerikat Syarikat telah juga menghantar wakil-wakil mereka ke Malaysia untuk mengadakan perbincangan lanjut.

- (iii) Bagi tahun ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan mengadakan tiga lagi rombongan pelaburan ke luar negeri, iaitu:

	<i>Tarikh</i>
(a) Rombongan Galakan Pelaburan ke bandar-bandar Milan, Munich dan Manchester	April 79
(b) Rombongan Galakan Pelaburan ke negara Hong Kong, Korea dan Jepun	Julai 79
(c) Rombongan Galakan Pelaburan ke negara-negara Scandinavia	September 79

Rombongan-rombongan tersebut adalah bertujuan untuk mencapai matlamat-matlamat yang berikut:

- (a) Dalam jangka pendek, kami harap dapat mengujudkan suatu kesedaran di kalangan para-para pelabur mengenai peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan pelaburan yang terdapat di Malaysia.
- (b) Dalam jangka panjang pula ialah untuk menambahkan kemasukan pelaburan asing dalam bentuk projek-projek perindustrian. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan industri-industri yang berasaskan pertanian, sumber-sumber logam, kelapa sawit, kayu kayan dan tanah liat/pasir. Kami juga berharap dapat menarik projek-projek yang berorientasikan eksport dan yang mempunyai tingkat teknologi yang tinggi.
- (c) Rombongan-rombongan tersebut adalah dijangka akan menguatkan lagi perhubungan yang sedia ada dengan para pengusaha asing dan juga untuk menghapuskan sebarang keraguan atau kebimbangan, berhubung dengan dasar-dasar pelaburan Kerajaan Malaysia.
- (d) Akhirnya, ialah untuk membolehkan peserta-peserta dari pihak sektor swasta Malaysia mengujudkan hubungan dengan rakan sejawat mereka di seberang laut. Berhubung dengan ini, sukacita dinyatakan bahawa penyertaan mereka adalah semakin meningkat walaupun mereka dikehendaki

menanggung segala perbelanjaan yang terlibat. Misalnya 19 orang peserta dari pihak swasta menyertai rombongan pelaburan ke Amerika Syarikat pada tahun lepas, 33 orang ke Jepun dan untuk rombongan ke Eropah yang akan datang ini, yang akan dilaksanakan pada bulan depan, lebih daripada 60 orang di jangka akan menyertainya. Ini jelas menunjukkan yang peserta-peserta swasta yakin bahawa rombongan-rombongan ini adalah sangat berfaedah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa 9 permohonan projek-projek baru telah diterima dan telah diluluskan oleh Kerajaan akibat lawatan misi pelabur Malaysia ke negeri Jepun dan juga 10 permohonan telah diterima dan telah diluluskan oleh Kerajaan akibat lawatan ke Eropah dan juga 4 permohonan telah diterima dan diluluskan akibat lawatan ke Amerika Syarikat. Suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sama ada kesemuanya projek-projek ini ada dalam peringkat pelaksanaan, jika tidak, berapa buah yang ada dalam peringkat pelaksanaan ini?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang katakan tadi ini hasil daripada lawatan rombongan itu dan juga kedatangan para pelabur dan lepas itu Kementerian ini telah meluluskan. Jadi, pada lazimnya daripada tarikh kelulusan dan tarikh dalam production akan memakan masa satu tahun setengah sampai dua tahun. Jadi boleh dikatakan ini semua dalam planning dan juga dalam proses pembinaan.

PERKHIDMATAN TELEFON

10. **Tuan V. David** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilangan permohonan untuk mendapatkan telefon yang telah diterima oleh Kementerian beliau dari 1hb Januari, 1978 hingga 31hb Disember, 1978; berapa bilangan permohonan yang telah berjaya mendapatkan telefon dan bilangan yang masih menunggu. Apakah sebab-sebab kelewatan yang sedemikian boleh berlaku. Adakah disebabkan pihak Perkhidmatan Telefon telah menjadi tidak cekap dan tidak berupaya menyelenggarakan tuntutan yang

kian bertambah. Apakah cara-cara yang telah diperolehi untuk menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, suka saya menyatakan bahawa dari tempoh 1hb Januari sehingga 31hb Disember, 1978 kedudukannya adalah seperti berikut:

	<i>Bilangan permohonan</i>
Semenanjung Malaysia ..	77,952
Sabah	4,115
Sarawak	5,703
Jumlah	<u>87,770</u>
	<i>Bilangan pemasangan</i>
Semenanjung Malaysia ..	47,203
Sabah	2,576
Sarawak	5,615
Jumlah	<u>55,394</u>
	<i>Bilangan penunggu</i>
Semenanjung Malaysia ..	30,749
Sabah	1,539
Sarawak	88
Jumlah	<u>32,376</u>

Kelewatan untuk memasang telefon kepada pemohon-pemohon adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Bilangan pemohon-pemohon adalah bertambah dengan kadar yang tinggi lebih-lebih lagi baru-baru ini. Tetapi bagi merancang dan melaksanakan satu-satu projek seperti mengadakan lebih banyak lagi muatan ibu sawat telefon, talian-talian pelanggan dan lain-lain lagi adalah mengambil masa yang agak lama.
- (ii) Jabatan Telekom hingga ke masa ini masih mengalami kekurangan kakitangan terutama kakitangan terlatih. Walaupun Jawatan-jawatan telah diwujudkan tetapi proses pengambilan dan melatih kakitangan ini selalunya

mengambil masa tiga tahun. Saya sedar Jabatan Telekom sekarang belum berupaya memberi perkhidmatan telefon awam secepat yang dijangkakan. Bagi memperbaiki keadaan ini usaha-usaha berikut telah dan sedang dijalankan oleh Jabatan Telekom:

- (a) mendapat peruntukan tambahan di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga;
- (b) membuat perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi melicinkan lagi urusan perlantikan kakitangan.

Bagi mengatasi masalah kekurangan kakitangan Jabatan Telekom sekarang sedang menggunakan kontraktor-kontraktor swasta untuk melaksanakan setengah-setengah kerja yang selalunya dijalankan oleh Jabatan Telekom sendiri seperti menanam dan menyambung kabel-kabel telefon pelanggan. Memasang alat-alat ibu sawat telefon baru dan sebagainya. Jabatan Telekom sentiasa berusaha dan menyiasat cara-cara supaya pembangunan projek-projek dapat dilaksanakan lebih cepat supaya perkhidmatan telefon dapat diberi dengan secepat mungkin.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di Bandaraya Kuala Lumpur terdapat lebih kurang 10,000 telah membuat permohonan untuk mendapat perkhidmatan telefon tetapi sehingga hari ini mereka belum mendapat perkhidmatan telefon dan memandangkan kepada perkara ini sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri akan membuat satu arahan supaya Jabatan Telekom di Bandaraya Kuala Lumpur akan mengambil tindakan yang wajar untuk menegerakan semua applications itu?

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin membetulkan angka yang telah diberi oleh Yang Berhormat itu. Sebenarnya, bukan 10,000 tetapi 21,000 di Wilayah Persekutuan yang masih belum lagi mendapat perkhidmatan telefon. Suka saya menyatakan bahawa pihak Kementerian saya telahpun mengambil tindakan-tindakan bagi mengurangkan lagi bilangan yang masih menunggu untuk mendapat perkhidmatan telefon seperti menambahkan lagi bilangan kontraktor-kontraktor. Kalau pada masa lalu kita hanya ada satu kontraktor sahaja tetapi sekarang ini kita ada sebanyak tujuh bilangan kontraktor.

Selain daripada itu juga pihak Kementerian saya akan memberi perhatian yang istimewa kepada kawasan Wilayah dalam penyusunan semula yang sedang diusahakan oleh Kementerian saya dengan pihak-pihak berkenaan. Suka saya menyatakan juga bahawa akibat daripada tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh Kementerian saya, kita sekarang ini boleh nampak bibit-bibit kejayaan dalam usaha untuk mengurangkan bilangan penunggu-penunggu di dalam kawasan Wilayah. Bilangan sebenarnya telefon berkurangan kalau dibandingkan dengan pada tahun lalu. Walau bagaimanapun, usaha ini akan memakan masa atas sebab-sebab tertentu dalam kawasan Wilayah seperti kesulitan menanam kabel di kawasan-kawasan yang lama di kawasan Wilayah dan juga jalan-jalan baru yang sedang dibina di kawasan Wilayah ini menyulitkan lagi usaha-usaha kita untuk menanam kabel bawah tanah di kawasan Wilayah.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau akan memberi keutamaan juga kepada kawasan-kawasan luar bandar yang bukan hanya menunggu untuk mendapat telefon, tetapi setakat hari ini tidak adapun talian telefon ke kawasan-kawasan ini. Jadi adakah beliau dalam masa memberi keutamaan kepada Wilayah Persekutuan memberikan juga keutamaan kepada kawasan-kawasan luar bandar?

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak meninggalkan kawasan luarbandar dan suka saya menyatakan bahawa ibusawat-ibusawat yang moden iaitu ibusawat mobile telahpun didirikan dalam kawasan-kawasan luar bandar dan ini kita akan tambahkan dari semasa ke semasa.

KEMEROSOTAN MUTU SUKAN DAN OLAHRAGA MALAYSIA

11. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah di antara sebab-sebabnya ahli-ahli Sukan dan Olahraga kita tidak banyak mendapat kejayaan dalam pertandingan-pertandingan antarabangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang

seperti ini seringkali ditimbulkan dalam Dewan ini. Antara sebab-sebabnya ahli sukan kita dan juga para olahragawan kita tidak banyak mendapat kejayaan di pertandingan antarabangsa ialah bahawa pasukan-pasukan kita masih muda dan tiada mempunyai pengalaman yang luas di dalam lapangan peringkat antarabangsa.

Memandangkan hakikat ini adalah menjadi satu matlamat besar Kementerian saya untuk meninggikan mutu sukan negara dan memprojeikkan imej negara di dalam arena sukan di antarabangsa. Saya sukacita mendapati ada tanda-tanda baik kita akan maju dalam lapangan ini.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya sama ada Kementerian sedar atau tidak bahawasanya pada hari ini yang menitikberatkan masalah sukan di dalam negara ini ialah semata-mata daripada pihak Kerajaan sahaja dan kurang sangat sambutan ataupun galakan yang dibuat oleh pihak-pihak swasta, walhal pihak swasta di sini sepatutnya sama-sama bertanggungjawab dan pihak swasta yang mempunyai kemampuan juga melihatkan hasil daripada keuntungan yang mereka perolehi di dalam negara kita.

Dalam perkara ini saya hendak bertanya kepada pihak Kementerian dan pihak Kerajaan, apakah usaha-usaha dan langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mendapatkan kerjasama hubungan rapat pihak-pihak swasta supaya sama-sama membiayai rancangan-rancangan sukan dan meninggikan mutu olahraga dan sukan dalam negara kita?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa pada ketika ini kebanyakan para swasta tidak begitu berminat untuk menyertai rancangan-rancangan Kerajaan di dalam bidang sukan, akan tetapi sebagaimana yang telah saya terangkan tadi oleh kerana daripada pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah begitu rapat hubungannya dengan para swasta, ada tanda-tanda yang baik kita akan mendapat kerjasama dan dapat kemajuan daripada lapangan ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kemerosotan ahli-ahli sukan atau olahragawan Malaysia kita di pertandingan antarabangsa, termasuk jugalah pertandingan badminton yang telahpun dikalahkan oleh India baru-baru ini, apakah pihak Kementerian bercadang mengadakan latihan sepenuh masa dengan memberi cuti atau layanan yang sempurna kepada ahli-ahli sukan atau, olahragawan kita demi untuk menaikkan imej negara kita di peringkat antarabangsa dan adakah juga Kementerian bercadang mengadakan latihan pusat kepada bakat-bakat baru muncul dalam masa yang lama dan berlanjutan supaya dapat mengekalkan standard permainan kepada ahli-ahli sukan kita?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan berbagai-bagai rancangan untuk memberi peluang kepada belia-belia Malaysia yang berumur di bawah daripada 15 tahun supaya memberi bimbingan yang lebih baik lagi kepada belia-belia ini supaya mereka mendapat latihan yang agak mahir dalam bidang sukan dan juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan hubungan yang begitu rapat dengan pihak Kementerian Pelajaran supaya kedua-dua Kementerian ini dapat bekerjasama untuk meninggikan lagi mutu sukan di negara kita.

LESEN PERAHU PUKAT TUNDA

12. **Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah banyaknya lesen yang dikeluarkan kepada perahu pukut tarik pada tahun 1978;
- (b) berapakah banyaknya lesen perahu pukut tarik yang dikeluarkan kepada nelayan Pulau Pangkor dan Pantai Remis;
- (c) sama ada beliau sedar bahawa pemilik perahu itu dikehendaki memusnahkan perahu mereka sebelum Jabatan Perikanan memberi kebenaran kepada pembinaan sebuah perahu itu; dan

- (d) jika ya, apakah langkah pembetulan yang diambil oleh beliau untuk mencegah kerugian kepada pemilik perahu yang dikehendaki memusnahkan perahu lama mereka sebelum lesen dapat dibaharui dan sebuah perahu baru dapat dibina.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah lesen pukut tunda yang dikeluarkan dalam tahun 1978 ialah 4,502.
- (b) Jumlah lesen pukut tarik yang dikeluarkan kepada nelayan Pulau Pangkor ialah 71 dan kepada nelayan-nelayan Pantai Remis 397.
- (c) dan (d) Bot-bot yang hendak diganti disebabkan kulit-kulit bot tersebut terlalu buruk dan tidak ekonomik untuk diperbaiki lagi. Sementara bot baru itu siap, pemilik bot dibenarkan menggunakan bot lamanya. Dari itu pemilik bot tersebut tidak mengalami apa-apa kerugian.

BERAS YANG DIIMPOT

13. **Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) peratus beras yang diimpot mengikut negeri; dan
- (b) adakah menjadi matlamat Kementerian Pertanian untuk mengeluarkan beras yang cukup untuk kegunaan sendiri dari "Dasar Pertanian Negara".

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Negara mengimpot sebanyak 15% daripada keperluan beras negara. Daripada peratusan tersebut, peratus yang diimpot dalam tahun 1978 adalah seperti berikut:

China	43%
Thailand	42%
Filipina	12%
Nepal	3%

- (b) Memanglah menjadi harapan Kerajaan untuk mengadakan pengeluaran beras yang cukup untuk kegunaan negara.

HAD LAJU BAGI LORI-LORI

14. **Tuan Ibrahim bin Muhammad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan lori-lori yang digunakan oleh kontraktor untuk mengangkut barang-barang, tanah dan batu membawa barang dan berjalan lebih daripada had laju yang ditetapkan dan ada pula antaranya yang tidak menggunakan Cukai Jalan yang sah. Oleh itu demi untuk keselamatan awam, apakah langkah-langkah dan tindakan tegas yang telah diambil oleh Kementerian untuk mencegah daripada berlakunya penipuan dan penyelewengan yang boleh membahayakan orang ramai.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Tek): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada terdapat lori-lori yang digunakan oleh kontraktor-kontraktor yang membawa barang-barang binaan bangunan yang melebihi had muatan dan memandu had laju yang dibenarkan.

Berkenaan lori-lori yang lebih muatan, pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa mengadakan pemeriksaan mengejut dari masa ke semasa. Baru-baru ini beberapa operasi terhadap lori membawa muatan lebih telah dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan di Johor, Pahang dan Selangor. Sejumlah 183 buah lori telah ditangkap dan tuannya serta pemandu dikompaun sebanyak \$84,000.

Bagi lori-lori yang dipandu melebihi had laju yang dibenarkan, biasanya pihak Polis mengambil tindakan di samping tindakan yang diambil oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Pengangkutan Jalan. Begitu juga dengan kes di mana lori-lori itu didapati digunakan di atas jalanraya dengan tidak mempunyai cukai jalan yang sah. Tindakan mahkamah diambil terhadap tuannya dan pemandu kenderaan-kenderaan yang berkaitan.

BALAI BOMBA TANAH MERAH

15. **Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebuah balai bomba baharu telahpun dicadangkan untuk menggantikan balai bomba yang ada sekarang yang terlalu kecil di

bandar Tanah Merah, Kelantan, dan jika ya, apakah kedudukan rancangan tersebut setakat hari ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar yang sebuah balai bomba baru telahpun dicadangkan untuk dibina di kawasan Tanah Merah, Kelantan. Ini adalah untuk menggantikan balai bomba yang ada sekarang yang mana terlalu kecil. Projek ini adalah salah satu daripada 29 projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Buat masa ini Kementerian saya sedang bekerjasama dan berdamping rapat dengan Kerajaan Negeri Kelantan bagi mendapatkan tempat atau tapak yang sesuai untuk balai bomba baru ini. Setelah tapak ini selesai diperolehi maka kajian mengenai ujian tanah tersebut (soil investigation) akan dilakukan. Apabila semua ini selesai maka tawaran akan dipelawa oleh pihak Jabatan Kerja Raya bagi pembinaan balai bomba baru ini.

KECEMARAN AIR DI SUNGAI MATANG

16. **Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar kejadian kecemaran air sungai di dalam Kawasan Parlimen Matang disebabkan kilang kelapa sawit makin menjadi-jadi hingga mengganggu kesihatan dan punca pendapatan penduduk dikiri kanan sungai tersebut, jika sedar:

- (a) adakah beliau bercadang supaya satu tindakan undang-undang perlu dikenakan kepada kilang-kilang yang menyebabkannya; dan
- (b) apakah rancangan beliau supaya kejadian seperti ini dapat dielakkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Masalah pencemaran air di Matang adalah berpunca dari kilang-kilang kelapa sawit yang mana dua buah dari kilang-kilang itu adalah terletak di Sungai Sepetang, satu di Sungai Temerloh dan sebuah lagi di Sungai Jebong.

(a) Buat masa ini tindakan undang-undang tidak boleh diambil sehingga selepas 1hb Julai, 1979, oleh kerana Akta Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) Peraturan 1977 (P.U.A. 342) memberi masa perantaraan selama satu tahun untuk kilang-kilang itu membina sistem pengolohan mereka. Selepas tarikh 1hb Julai, 1979, tindakan mahkamah akan diambil sekiranya kilang-kilang tersebut gagal untuk mengolah effluen mereka kepada paras sekurang-kurangnya 2000 ppm BOD.

(b) Buat masa ini, pegawai-pegawai dari Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah berhubung dengan pihak pengurus kilang itu untuk mengawasi kemajuan di dalam pelaksanaan langkah-langkah pengolohan dan jika didapati perlu, menasihati pihak itu mengenai langkah-langkah kawalan tambahan yang sesuai. Ahli Yang Berhormat juga ingin tahu bahawa sejak langkah-langkah pengolohan itu diambil, keadaan telah bertambah baik dan kemajuan-kemajuan yang sama bolehlah dijangkakan di dalam kawasan Ahli Yang Berhormat tidak lama lagi. Saya amat menghargai perhatian yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat mengenai keadaan yang ada dan mengalu apa-apa maklumat-maklumat balas daripada Ahli Yang Berhormat.

KEMALANGAN DI LEVEL CROSSING

17. **Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan kemalangan jalanraya yang melibatkan kenderaan dan keretapi di "level-crossing" dekat Kampung Permatang Tinggi, Seberang Perai Tengah, dari 1-1-1974 hingga 31-12-1978. Di samping itu, mengapa Kementerian yang berkenaan itu tidak memasang pintu keretapi di "level-crossing" ini untuk mencegah kemalangan yang sering berlaku.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, dua kejadian kemalangan jalanraya yang melibatkan kenderaan dan Keretapi telah dilaporkan berlaku di lintasan

rata terbuka dekat Kampung Permatang Tinggi, Seberang Perai Tengah dari 1hb Januari, 1974 hingga 31hb Disember, 1978. Bagaimanapun di bawah Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, lintasan rata terbuka yang berkenaan akan diubah kepada lintasanrata berpagar.

HARGA ROTI

18. **Tuan P. Patto** (di bawah S. O. 24 (2)) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) sama ada Kementeriannya telah meluluskan kenaikan dalam harga roti yang dicadangkan dan jika ya, nyatakan mengapa kenaikan itu dibenarkan memandangkan kepada hakikat harga tepung gandum di pasaran antarabangsa telah turun;

(b) sama ada beliau sedar harga kopi telah menurun dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan harga kopi; dan

(c) mengapa harga gula masih dijual sebanyak 65 sen sekati apabila harga gula di dalam pasaran antarabangsa telah turun dan sama ada beliau sedar harga gula di Thailand dan Singapura adalah lebih murah daripada harga gula yang dijual di Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian saya telah menerima permohonan daripada Persatuan Pembuat-pembuat Roti Selangor untuk menaikkan harga sebuku roti yang beratnya 11 aun baru-baru ini. Ini adalah disebabkan kenaikan harga tepung gandum sebanyak 5 sen, iaitu daripada 35 sen kepada 40 sen sekati, sejak 15hb Februari, 1979. Permohonan tersebut sedang dikaji oleh Kementerian saya dan keputusan mengenainya akan dibuat tidak berapa lama lagi.

(b) Mengenai soalan (b), harga biji kopi tempatan memang telah turun sejak tahun 1977. Harga jualan purata biji kopi di Kelang dalam tahun 1977 adalah sebanyak \$436 sepikul, sementara harga

dalam bulan Februari, 1979 adalah \$282.50 sen sepikul.

Penurunan harga biji kopi tempatan ini telah memberi kesan kepada harga serbok kopi di pasaran tempatan. Berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang dikumpulkan oleh Kementerian saya, harga runcit purata serbok kopi Gred I dalam tahun 1977 adalah \$5.64 sen sekati, sementara harga purata pada dua bulan pertama tahun ini, adalah sebanyak \$4.44 sen sekati.

Oleh hal yang demikian, berdasarkan maklumat-maklumat di atas, adalah didapati bahawa harga serbok kopi telah turun selaras dengan penurunan harga biji kopi tempatan.

- (c) Bagi soalan (c), iaitu soalan mengenai harga gula, soalan ini telah beberapa kali ditimbulkan di Dewan yang mulia ini dalam persidangan-persidangan yang lepas. Walau bagaimanapun, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya menjelaskan bahawa harga gula dalam negara ini adalah bergantung kepada faktor-faktor berikut:

(i) *Harga gula mentah di bawah Kontrek Bekalan Jangkapanjang dengan Australia dan Fiji*

Pada awal tahun 1978, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan-kerajaan Australia/Fiji telah berunding membincangkan soal menurunkan harga gula di bawah Kontrek Jangkapanjang selaras dengan penurunan harga gula di pasaran dunia. Walaupun dalam rundingan tersebut harga gula di bawah kontrek Jangkapanjang itu telah dapat diturunkan daripada harga di bawah kontrek asal, harga yang baru ini masih lebih tinggi daripada harga gula di pasaran dunia pada masa ini. Oleh kerana bekalan gula mentah daripada Australia adalah merupakan kira-kira 70% daripada impot gula mentah Negara ini, maka harga gula di Malaysia adalah lebih dipengaruhi oleh harga gula di bawah Kontrek Jangkapanjang itu dan bukan harga gula di pasaran antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya Malaysia tidak berjaya menurunkan harga gula mentah di dalam rundingan tersebut, harga gula di pasaran tempatan dalam tahun-tahun 1978, 1979 dan 1980 akan meningkat kepada kira-kira 78, 84 dan 91 sen bagi tahun-tahun yang berkenaan. Dengan adanya rundingan semula itu harga gula dalam negeri dapat distabilkan di paras 65 sen sekati pada masa ini.

(ii) *Kos Pengeluaran Kilang-kilang Gula Tempatan*

Pada masa ini terdapat 4 buah kilang gula yang disatukan di Negara ini. Oleh kerana pengeluaran sebenar kilang-kilang ini kecil berbanding dengan daya pengeluaran maksima kilang-kilang tersebut, dan juga disebabkan oleh masalah seperti kemarau dan tanah yang kurang sesuai, kos pengeluaran kilang-kilang tempatan ini adalah tinggi. Bagaimanapun, harga runcit gula di paras 65 sen sekati pada masa ini dirasakan boleh memberi galakan kepada kilang-kilang gula ini untuk menambah pengeluaran masing-masing supaya Negara kita tidak bergantung sangat kepada bekalan gula daripada luar negeri. Selain daripada kenyataan di atas, suka juga saya menegaskan di sini bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan bagi menjamin bekalan gula yang mencukupi dengan harga yang stabil dan berpatutan bagi Negara kita.

Mengenai harga gula di Thailand dan Singapura, saya sedar bahawa harga gula di Thailand adalah lebih rendah daripada harga gula di Negara ini. Harga gula di Thailand pada masa ini adalah lebih-kurang 40 sen sekati berbanding dengan 65 sen sekati di Semenanjung Malaysia dan 70 sen sekati di Sabah dan Sarawak.

Adalah tidak benar bahawa harga gula di Singapura lebih rendah daripada harga gula di Malaysia. Harga gula di Singapura pada masa ini adalah 75 sen sekati, iaitu 10 sen lebih

tinggi daripada harga di Semenanjung Malaysia. Selain daripada Thailand, sukacita saya menyatakan bahawa harga gula di Negara-negara ASEAN yang lain adalah lebih tinggi lagi daripada harga di Negara kita.

Tuan Lee Kaw: Pada tahun 1977 harga biji kopi adalah berharga \$900 sepikul. Persatuan Pekedai-kedai Kopi yang menjual kopi telah meminta Kementerian menaikkan harga minuman kopi tidak susu sampai 25 sen
.....

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana?

Tuan Lee Kaw: Kopi tidak susu (Kopi "O") (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Apa! Tidak susu?

Tuan Lee Kaw: sampai 25 sen dan Kementerian telah meluluskan permohonan ini dengan syarat jikalau harga kopi tidak lebih \$600 sepikul. Tetapi.....

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan Lee Kaw: Tetapi menurut jawapan pada hari ini harga biji kopi ialah \$282.50 sepikul tetapi hari ini harga kopi "O" masih 25 sen secawan. Jadi bilakah harga ini boleh diturunkan kerana kebanyakan orang yang meminum kopi "O" adalah orang yang miskin?

Tuan Yang di-Pertua: Barang yang sudah naik itu payah hendak turun (*Ketawa*).

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soalan mengenai kopi 'O', saya fikir soalan asal ialah mengenai kopi pada keseluruhannya. Walau bagaimanapun, di dalam persetujuan yang telah dibuat dengan Persatuan Pekedai-pekedai Kopi/Teh Negeri Selangor dalam tahun 1977, apabila harga kopi "O" (Kopi tidak ada susu) dinaikkan daripada 20 sen ke 25 sen, salah satu daripada syarat yang telah dikenakan ialah sekiranya harga serbuk kopi turun ke paras \$3.20 sekati, harga kopi "O" mestilah diturunkan kepada 20 sen. Jadi sekarang ini harga kopi sebagaimana yang saya katakan tadi, adalah \$4.60 dan masih tinggi daripada paras \$3.20 yang dipersetujui dalam tahun 1977. Oleh itu, harga kopi "O" tidak boleh turunkah (*Ketawa*).

PENYELEWENGAN DASAR EKONOMI BARU

19. **Tuan Hashim bin Endut** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang terdedahnya banyak penyelewengan serta sabotaj yang bertujuan menggagalkan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan terutama sekali di kalangan sektor swasta; dan jika ya, apakah tindakan positif yang telah diambil terhadap orang-orang yang menjadi penghalang kepada kejayaan menyusun semula masyarakat dengan Dasar Ekonomi Barunya.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang agak sama telah diberikan di Dewan yang mulia ini pada 19hb dan 21hb Mac, 1979 semasa menjawab pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kemaman dan Parit. Saya tidak bercadang hendak membuat apa-apa tambahan mengennainya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 60 adalah diberi di bawah ini*).

KEBUDAYAAN NASIONAL

20. **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang akan diambil oleh Kementerian ini bagi mengujudkan "Kebudayaan Nasional" dan nyatakan setakat manakah langkah-langkah ini didapati berkesan dan mendapat sambutan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Pembentukan Kebudayaan Nasional adalah satu proses yang akan memakan masa yang panjang. Ia juga melibatkan khususnya bukan sahaja Kementerian-kementerian juga agensi-agensinya yang lain bahkan melibatkan semua masyarakat am.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai agensi Kerajaan, bersama-sama bertanggungjawab dalam usaha pembentukan kebudayaan nasional sedang mengambil berbagai-bagai

tindakan dan menjalankan kegiatan, antaranya:

- (i) Kerajaan telah menubuhkan Majlis Penasihat Kebudayaan Kebangsaan berkenaan kebudayaan pada tahun 1976. Bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara berkenaan dasar Kebangsaan, kebudayaan amnya, dan penyertaan semua kaum dalam pelaksanaan dasar kebudayaan kebangsaan dan seterusnya memberi nasihat dan syor kepada Menteri.
- (ii) Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyelaras untuk mengadakan penyelarasan dan pelaksanaan dasar kebudayaan supaya tidak timbul perkara-perkara yang bertentangan di dalam urusan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan yang ada hubungan dengan kebudayaan amnya;
- (iii) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menjalankan berbagai-bagai kegiatan dalam segi penyelidikan kebudayaan, menyebarkan maklumat dan penerangan berkenaan dengan kebudayaan, mengadakan berbagai-bagai pertunjukan kebudayaan dan penggalakan berbagai-bagai kegiatan kebudayaan yang lain, semuanya untuk memberi kesedaran kepada semua lapisan masyarakat dan menggalakkan penerimaan aspek-aspek Kebudayaan Nasional.

Berhubung dengan soalan setakat manakah langkah-langkah ini didapati berkesan dan mendapat sambutan, suka saya menyatakan bahawa memandangkan proses pembentukan Kebudayaan Nasional akan memakan masa yang panjang seperti yang saya sebutkan tadi dan usaha mencapai objektif-objektif adalah perkara yang berterusan maka tidaklah dapat dipastikan tentang berkesan atau sebaliknya. Walau bagaimanapun, dari tanda-tanda dan respon daripada masyarakat umum adalah didapati bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mendapat sambutan yang memuaskan.

SEJARAH NEGARA BAGI PENUNTUT ALIRAN SAINS

21. Tuan Azharul Abidin Bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa ramai dari penuntut-penuntut Aliran Sains tidak mengetahui sejarah negara ini, mengakibatkan mereka tidak merasai tanggungjawab kepada negara; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang Kerajaan akan ambil untuk mengatasi bahaya ini demi kepentingan keutuhan negara dan mempertahankan Perlembagaan negara ini.

Menteri Pelajaran (Dato Musa Hitam):

- (a) Adalah tidak tepat mengatakan ramai penuntut Aliran Sains tidak mengetahui sejarah negara ini. Sebenarnya pelajaran sejarah telah diajar kepada semua murid dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat sekolah menengah rendah (Tingkatan III).

Kandungan sukatan pelajaran sejarah di kedua-dua peringkat ini menekankan aspek persejarahan tempatan Malaysia. Oleh itu, benih semangat tanggungjawab dan kasihkan negara telah ditanam awal-awal lagi. Jadi, soal murid-murid aliran sains tidak merasai tanggungjawab kepada negara sepatutnya tidaklah timbul. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran menyedari bahawa penuntut-penuntut aliran sains di Tingkatan IV, V dan VI, tidak mempelajari matapelajaran sejarah. Sebagai gantinya pendidikan sivik (tatarakyat) yang menekankan sifat-sifat bertanggungjawab kepada negara diajar kepada semua murid diperingkat sekolah menengah atas sama ada aliran sains ataupun sastera.

- (b) Bagi menjamin semua murid-murid sama ada aliran sains atau sastera sedar akan tanggungjawab mereka kepada negara, kurikulum pendidikan sivik (tatarakyat) telah disusun semula dan di laksanakan di Tingkatan IV tahun 1978 dan di Tingkatan V tahun 1979.

BINATANG-BINATANG YANG DIPERLINDUNGGAN

22. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menjelaskan, adakah pihak Kementerian ini

bercadang untuk membatalkan binatang-binatang seperti babi-hutan, kera, beruk dan tupai, daripada senarai binatang-binatang yang dipelihara, memandangkan binatang-binatang tersebut telah mendatangkan bencana dan kerugian besar kepada hasil tanaman petani-petani di luar bandar, jika ada bilakah akan dimulakan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Pihak Kementerian tidak bercadang untuk membatalkan binatang-binatang liar seperti babi hutan, kera dan beruk daripada senarai binatang-binatang yang dipelihara. Binatang-binatang liar yang tidak dipelihara seperti tupai-tupai kampung atau tupai pinang yang merosakkan tanam-tanaman boleh dibunuh tanpa lesen atau permit. Binatang-binatang liar seperti babi hutan, kera dan beruk adalah diberi perlindungan tetapi permit atau lesen tidak perlu untuk membunuh hidupan liar tersebut jika ia merosakkan tanam-tanaman.

PEKERJA BUKAN WARGANEGARA DI SABAH

23. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) bilangan pekerja-pekerja bukan warganegara yang diambil bekerja di Sabah dan bangsa mereka;
- (b) sejauh manakah kehadiran mereka ini memberi kesan kepada kedudukan pekerjaan di Sabah; dan
- (c) sama ada mereka mendatangkan masalah yang serius kepada pencari-pencari pekerjaan tempatan baik secara pengambilan kerja dan pembayaran gaji.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato Richard Ho Ung Hun):

- (a) Terdapat dua kategori orang-orang bukan warganegara yang bekerja di Sabah. Pertama mereka yang menjadi penduduk tetap dan kedua Pegawai-pegawai Dagang. Mereka yang menjadi penduduk tetap bekerja dengan pas kerja yang dikeluarkan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sementara Pegawai-pegawai Dagang berkhidmat dengan pas kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen.

Pada 28hb Februari, 1979 bilangan mereka yang memegang permit kerja yang sah yang dikeluarkan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ialah 3,444 orang. Sementara angka mereka yang berkhidmat dengan menggunakan pas yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dukacita tidak dapat diperolehi;

- (b) Pada keseluruhannya, pengajian orang-orang bukan warganegara di Sabah tidaklah banyak mempengaruhi situasi pekerjaan di Sabah. Tidak ternyata bahawa orang-orang bukan warganegara ini telah merebut peluang-peluang pekerjaan daripada orang-orang tempatan. Semua orang-orang bukan warganegara dibenarkan bekerja hanya apabila tidak ada orang-orang tempatan yang diperolehi untuk pekerjaan itu. Kemasukan mereka ke Sabah telah diluluskan oleh pihak-pihak berkuasa tertentu sama ada sebelum sampai atau pada ketibaan di Sabah dan mereka mempunyai orang-orang yang menganjurkan mereka untuk bekerja di negeri ini. Dengan lain perkataan, orang-orang bukan warganegara ini dibenarkan bekerja di Sabah atas sebab bahawa orang-orang tempatan tidak dapat diperolehi untuk kategori-kategori pekerjaan yang telah dipohonkan. Dengan itu, pengajian orang-orang bukan warganegara ini tidaklah menjejaskan situasi pekerjaan tempatan. Kategori orang-orang bukan warganegara ini di hadkan terutamanya kepada kumpulan teknikal, eksekutif dan pengurusan. Terdapat kekurangan di dalam kategori kakitangan serupa ini di Sabah. Di samping ini terdapat juga pekerja-pekerja yang bukan warganegara yang diberi kebenaran bekerja sebagai buruh kasar, di ladang-ladang, di dalam perusahaan balak dan pembinaan di mana hanya sedikit sahaja orang-orang tempatan yang sedia bekerja.
- (c) Mengenai soalan sama ada pengajian orang-orang bukan warganegara akan memberi masalah yang serius kepada pencari-pencari pekerjaan tempatan dari segi kadar pembayaran gaji, jawapannya adalah lebih merupakan

negatif daripada positif atas alasan bahawa orang-orang bukan warga-negara yang masuk ke negeri ini melalui saluran yang betul akan sentiasa meminta bayaran gaji yang lebih tinggi dan faedah-faedah lain yang lebih baik. Dengan itu ianya akan memberi peluang kepada orang-orang tempatan untuk menuntut bayaran gaji yang sama dengan orang-orang bukan warga-negara. Pada amnya, pengajian orang-orang bukan warganegara tidak menurunkan kadar gaji tempatan bahkan menaikannya lagi.

Pengajian kategori orang-orang bukan warganegara yang lain yang kebanyakan mereka adalah buruh kasar juga tidak merupakan masalah yang serius kepada pencari-pencari kerja tempatan. Oleh sebab permintaan untuk buruh selalu melebihi bekalan, soal mengenai pengajian orang-orang bukan warga-negara menjejaskan pembayaran kadar gaji bagi orang-orang tempatan tidak akan timbul. Mengikut angka-angka yang diperolehi dari Jabatan Buruh Sabah pada bulan Februari, 1979 terdapat 350 kekosongan pekerjaan di ladang-ladang dan perusahaan balak yang masih belum dipenuhi. Adalah tidak mungkin bahawa teori ekonomi mengenai permintaan dan pembekalan akan terganggu oleh pengajian orang-orang bukan warganegara dalam segi ini.

JAMBATAN MENGHUBUNGAN PULAU PINANG—SEBERANG PERAI

24. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Kerjaraya dan kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada Kerajaan masih berniat hendak membina jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Seberang Perai. Jika niat ini positif bilakah projek ini akan dimulakan dan apakah anggaran perbelanjaannya sekarang.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon): Bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya suka menyatakan bahawa tidak ada perubahan dalam keputusan Kerajaan hendak membina jambatan yang menghubungkan Pulau

Pinang dengan Seberang Perai. Kerja-kerja merekabentuk jambatan itu adalah sedang giat dijalankan dan kerja pembinaan jambatan itu dijangka akan dimulakan pada akhir tahun 1980 atau awal tahun 1981. Anggaran perbelanjaan projek ini ialah sebanyak \$360 juta.

TAHANAN POLITIK BERUGAMA ISLAM

25. Tuan P. Patto minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa tahanan-tahanan politik dan lain-lain tahanan yang beragama Islam yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di Kem Tahanan Kemunting tidak dibenarkan menunaikan sembahyang Jumaat, dan jika ya, mengapa Kerajaan menghalang mereka daripada hak-hak keagamaannya yang dijamin oleh Perlembagaan kita dan sama ada Kerajaan akan berhenti melakukan sekatan ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Telah berkali-kali saya menjelaskan di Dewan Rakyat ini bahawa tidak ada tahanan politik di mana-mana tempat tahanan pun di negara ini. Mereka yang ditahan di Tempat-tempat Tahanan Perlindungan adalah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana menjalankan kegiatan-kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara, perkhidmatan-perkhidmatan perlu atau kehidupan ekonomi negara.

Fatwa mengenai soal orang yang ditangkap dan ditahan mengikut undang-undang sama ada diizinkan bersembahyang Jumaah bersama khalayak sudah dirojok kepada Bahagian Ugama, dan jawapan sedang ditunggu.

PENERBANGAN TAMBANG MURAH DENGAN AUSTRALIA

26. Tuan Lee Boon Peng minta Menteri Pengangkutan menyatakan keadaan kedudukan sekarang berkenaan dengan perundingan dengan Australia bersabit dengan dasar baru penerbangan awam antara-bangsa, terutamanya terhadap dasar "tambang murah" yang terlaksana pada 1hb Februari, 1979.

Tan Sri V. Manickavasagam: Satu mesyuarat Menteri-menteri ASEAN-Australia

telah diadakan di Jakarta pada 20-21hb Mac, 1979 untuk membincangkan penyertaan negara-negara ASEAN di dalam sekim tambang murah di antara Australia-Eropah.

Mengenai permintaan ASEAN untuk syarikat-syarikat penerbangannya mengambil bahagian dalam sekim tambang murah tanpa persinggahan (non-stopover fare) di antara Australia dan U. K./Eropah, Menteri-menteri tersebut telah bersetuju iaitu kajian-kajian secara mendalam adalah diperlukan atas perkara ini. Berkenaan dengan kadar tambang persinggahan (level of stopover fare) di antara Australia dan U. K./Eropah, Menteri-menteri tersebut telah juga bersetuju bahawa kajian tambahan atas perkara ini patutlah dijalankan supaya suatu kadar tambang yang sesuai dapatlah disyorkan. Menteri-menteri tersebut telah mengarah pegawai-pegawai yang berkenaan membuat kajian selanjutnya atas kedua-dua perkara ini dan melaporkan kepada Menteri masing-masing dalam tempoh satu bulan.

Menteri-menteri ASEAN-Australia telah bersetuju secara dasar atas "range of low fares" yang disyorkan oleh Menteri-menteri ASEAN untuk perjalanan di antara negara-negara ASEAN dan Australia. Kadar tambang tersebut akan menjadi asas perundingan "bilateral" di antara Australia dengan negara-negara ASEAN. Negara-negara ASEAN juga akan mengemukakan kepada pihak Australia cadangan-cadangan mengenai "intra-ASEAN stopover fares" yang akan dicantumkan dengan tambang murah di antara Australia dan negara-negara ASEAN.

Mesyuarat di antara ASEAN dan Australia bagi peringkat pegawai-pegawai dijadual diadakan dalam bulan April 1979.

TAR DI JALAN-JALAN DI LUAR BANDAR

27. **Tuan Ibrahim bin Muhamad** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa jalan-jalan luarbandar atau jalan-jalan tanah telah lama dibina di Kelantan, tetapi tidak pernah sempurna walaupun terpaksa dibaiki pada tiap-tiap tahun dengan belanjanya dibiayai peruntukan projek kecil Kerajaan. Jika ya, sama ada Kementerian bercadang hendak mengetarkan semua jalan-jalan tanah di luarbandar yang

telah lama wujud itu dengan dibiayai dari peruntukan penyenggaraan jalan-jalan tersebut.

Dato' Lee San Choon: Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan sedar banyak jalan-jalan luarbandar yang dibina di Kelantan perlu diperbaiki tiap-tiap tahun kerana telah tidak dibubuh batu. Mengikut pendaftaran jalan Jabatan Kerja Raya, Negeri Kelantan ada sepanjang 218 batu jalan yang perlu dibubuh batu di negeri itu selain daripada jalan-jalan yang tidak memenuhi taraf (sub-standard). Dalam pada itu langkah-langkah sedang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki jalan-jalan tersebut. Pada masa sekarang tindakan telahpun diambil untuk membubuh batu pada sepanjang 124 batu atau 57% daripada jumlah jalan-jalan itu.

Selain daripada itu Kerajaan juga sedang mengambil tindakan untuk memperbaiki jalan-jalan yang tidak memenuhi taraf seperti jalan-jalan Pegawai Daerah sebelum tindakan selanjutnya diambil untuk membubuh batu pada jalan-jalan tersebut. Peruntukan bagi membina jalan-jalan itu adalah dibuat daripada peruntukan "Accelerated Rural Roads Programme" dan bukan daripada peruntukan penyelenggaraan jalan-jalanraya.

KUASA PENGAWAL KESELAMATAN

28. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan pertubuhan-pertubuhan perniagaan termasuk lombong-lombong dan ladang-ladang menggunakan pengawal-pengawal keselamatan yang bersenjata untuk mengawal dan melindungi hartabenda dan kepentingannya, jika sedar, apakah syarat-syarat yang dikenakan untuk membenarkan mereka menggunakan senjata ini dan adakah pengawal-pengawal keselamatan ini mempunyai kuasa sesama Polis bila mereka menjalankan tugas, jika tidak, apakah kuasa-kuasa pengawal-pengawal keselamatan ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Firma-firma perdagangan, lombong-lombong dan ladang-ladang serta perbadanan-perbadanan diberi kebenaran menggunakan pengawal-pengawal bersenjata adalah di atas keperluan dan

mustahaknya untuk menjaga dan melindungi harta-harta persendirian mereka. Kebenaran menggunakan senjatapi itu adalah tertakluk kepada kelulusan lesen oleh Ketua Polis Negara di bawah Seksyen 4 Akta Senjata 1960, dan senjatapi-senjatapi itu dilesenkan di atas nama firma-firma atau perbadanan yang berkenaan. Pengawal-pengawal keselamatan itu adalah mempunyai kuasa untuk menyoal, memeriksa dan menangkap sesiapa yang mencerobohi atau melakukan jenayah di dalam kawasan dan tempat mereka bertugas, dan menyerahkannya kepada pihak Polis. Pada masa ini terdapat pengawal-pengawal keselamatan perbadanan-perbadanan seperti Jabatan Penerbangan Awam, Bank Negara, Felda dan Persatuan Penanam-Penanam Getah Malaysia yang dilantik sebagai Polis Bantuan (Auxiliary Police) di bawah Seksyen 47 Akta Polis 41/67. Pada masa menjalankan tugas, mereka adalah mempunyai kuasa-kuasa seperti seorang pegawai Polis.

HARGA PETI TALIVISYEN WARNA

29. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) adakah beliau sedar bahawa harga peti talivisyen warna masih lagi tinggi sungguhpun pengurangan harga baru-baru ini, dan tidak termampu dibeli oleh ramai orang Malaysia; jika ya adakah Kerajaan akan mengambil langkah-langkah selanjutnya untuk mengurangkan harga talivisyen warna; dan
- (ii) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau dan Kementerian Kewangan bagi menentukan bahawa harga-harga barangan adalah menasabah, terutamanya benda-benda yang diberi pengurangan cukai oleh Belanjawan 1979, dan adalah mampu dibeli oleh kebanyakan orang-orang Malaysia.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):

- (i) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga peti talivisyen warna memanglah tinggi jika dibandingkan hitam putih. Keadaan ini berlaku di semua negeri yang ada siaran talivisyen warna. Bagi

negara kita ini, sebahagian daripada peti talivisyen warna adalah diimpot dan sebahagian pula ada dipasang (assembled) oleh kilang-kilang tempatan. Adalah sukar bagi Kementerian saya untuk mengawasi harga peti talivisyen yang diimpot kerana harganya ditetapkan oleh negara-negara pengeluar. Bagi peti talivisyen warna yang dipasang di sini, Kementerian saya bersama dengan Kementerian Kewangan telah mengadakan beberapa rundingan dengan pengeluar-pengeluar talivisyen tempatan dalam bulan Januari lalu dan hasil daripada rundingan itu semua harga peti talivisyen warna tempatan telah dikurangkan mulai 18hb Januari, 1979. Harga yang sedia ada didapati berpatutan jika dibandingkan dengan kos pengeluaran, pengedaran dan kos jualan runcit. Sekiranya harga itu dikurangkan lagi, ada kemungkinan pengeluar-pengeluar tempatan akan mengalami kerugian dan dengan itu mereka mungkin akan menghentikan pengeluaran mereka.

- (ii) Kementerian saya telah mengambil berbagai-bagai langkah yang perlu bagi menjamin supaya harga barang-barang adalah menasabah. Antara langkah-langkah utama yang telah diambil ialah:
 - (a) Pekilang-pekilang barang-barang yang dianggap perlu diberi perlindungan tarif dan/atau impot, pengecualian cukai atau galakan-galakan cukai tidak dibenarkan menaikkan harga barang-barang keluarannya tanpa kelulusan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian;
 - (b) Permohonan-permohonan harga adalah dikaji oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Jawatankuasa Ulangkaji Harga yang dianggotai oleh ahli-ahli Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan. Kebenaran kenaikan harga akan hanya diberi kepada pekilang-pekilang sekiranya terdapat sebab-sebab yang berpatutan seperti kenaikan kos pengeluaran atau bahan-bahan mentah. Juga kenaikan harga akan diberi

setelah mendapat persetujuan daripada Menteri Perdagangan dan Perindustrian sendiri ataupun Jumaah Menteri.

- (c) Telah membentuk suatu Jawatankuasa Bersama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian/ Kementerian Kewangan Mengenai Barang-barang Terpilih untuk mengkaji cara-cara bagi memastikan bahawa harga barang-barang perlu adalah di paras yang menasabah. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan dalam bulan Februari 1979 dan sekarang ini sedang meneliti pengeluaran, pemasaran, pengedaran dan sistem harga bagi beberapa jenis barang-barang perlu. Sebagai permulaan, Jawatankuasa ini meneliti susu tepung, makanan kanak-kanak, sayur-sayuran, makanan laut dan buah-buahan. Sungguhpun begitu, senarai ini tidaklah muktamad kerana Jawatankuasa ini akan menimbangkan barang-barang lain dari semasa ke semasa. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Y.B. Timbalan Menteri Kewangan dan Y.B. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Berhubung dengan barang-barang yang diberikan pengurangan cukai di dalam Belanjawan 1979, saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa untuk set TV warna, Kerajaan telah mengurangkan harga jualan runcit bagi set-set keluaran tempatan yang mula berkuatkuasa pada 18hb Januari, 1979. Bagi buah-buahan yang diimpot, pemeriksaan yang telah dibuat oleh pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menunjukkan bahawa harga buah-buahan telah turun selepas Belanjawan dan Kementerian saya berpuashati kerana faedah-faedah pemotongan cukai bagi kedua-dua barangan di atas telah dinikmati oleh pengguna.

MINI ASRAMA BAGI MURID-MURID LUAR BANDAR

30. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian ada menyediakan mini asrama bagi murid-murid luar bandar;

- (b) jika ada, nyatakan tempatnya, bilangannya dan jumlah perbelanjaan yang dibelanjakan bagi menguruskan asrama-asrama ini dalam masa setahun; dan
- (c) jika tidak, sama ada Kementerian bercadang hendak mendirikan asrama seumpama itu.

Dato' Musa bin Hitam:

- (a) Ada disediakan.
- (b) Di Sarawak iaitu untuk sekolah rendah sebanyak 54 buah dibiayai dari pinjaman ke 4 Bank Dunia. Asrama ini dibina di kawasan-kawasan pendalaman. Hitung panjang penghuni bagi sesebuah asrama ialah 37 orang murid. Hitung panjang belanja mengurus dalam setahun ialah \$400,000.
- (c) Kementerian tidak bercadang untuk mendirikan asrama seperti ini di Semenanjung dan di Sabah. Ini adalah disebabkan apabila Kementerian ini merancang sesuatu penubuhan sekolah, sedaya-upayanya sekolah-sekolah itu diletakkan di mana ianya boleh menampung murid-murid sekitar berasaskan kemudahan-kemudahan jalanraya dan pengangkutan yang ada.

RATIO MURID/GURU DALAM KELAS

31. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada ratio murid/guru dapat ditetapkan tidak melebihi 30 orang dalam satu darjah memandangkan masa yang ditetapkan dalam satu-satu matapelajaran iaitu 30 minit yang bererti satu minit bagi seorang murid. Kajian keciciran (drop-out) menunjukkan bahawa faktor-faktor yang menyebabkan ramai murid yang tak tahu membaca dan menulis selain daripada terlalu banyak buku teks yang dibebankan adalah juga sistem kenaikan darjah secara automatik. Sama ada Kementerian akan membuat kajian dan membetulkan perimbangan murid/guru sesuai dengan perkembangan pelajaran murid-murid.

Dato' Musa bin Hitam: Pada masa ini Kementerian saya tidak dapat menetapkan ratio murid/guru supaya tidak melebihi 30

orang dalam satu darjah. Ini tidak dapat dilakukan oleh kerana beberapa sebab:

- (a) Dengan mengecilkan saiz kelas kepada 30 orang, bilangan kelas akan bertambah dengan banyaknya. Ini memerlukan banyak bilik-bilik darjah. Pada masa ini Kementerian saya dengan ratio yang ada pun belum dapat lagi mengatasi kekurangan bilik darjah. Banyak sekolah-sekolah terpaksa diadakan dalam dua sidang pagi dan petang terutama di sekolah-sekolah dalam bandar. Sehingga banyak bilik-bilik darjah tambahan dapat diadakan ratio yang disebutkan tidak dapat ditimbangan.
- (b) Bertambahnya bilangan kelas bermakna bilangan guru-guru yang dikehendaki juga akan bertambah dengan ramainya dengan secara mengejut. Kita masih belum mempunyai kelebihan guru yang begitu ramai untuk mengendalikannya kelas-kelas yang bertambah ini.
- (c) Kos pengurusan juga akan bertambah seperti kos tanggungan (maintenance), gaji guru-guru dan juga tambahan kakitangan yang lain. Peruntukan bagi tambahan kos perbelanjaan ini juga perlu dikaji dahulu.
- (d) Walau bagaimanapun Kementerian saya menyedari tentang adanya murid-murid yang tak tahu membaca dan menulis. Langkah-langkah sedang diambil untuk mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk melatih guru-guru dalam tugas-tugas pemulihan bagi matapelajaran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira supaya murid-murid yang lemah 3M dapat diajar di dalam kelas-kelas pemulihan. Bahkan kelas-kelas pemulihan ini telah pun dijalankan di sekolah-sekolah yang mempunyai guru-guru pemulihan yang telah menjalani latihan. Apabila lebih ramai lagi guru-guru pemulihan dilatih, lebih banyak sekolah lagi akan mengadakan kelas pemulihan ini untuk murid-murid yang lemah dalam 3M.

PENGGANAS KOMUNIS

32. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

menyatakan memandangkan adanya ancaman pengganas komunis dalam negeri ini, sama ada Kerajaan akan menahan mereka yang disyaki komunis sama seperti yang dikenakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sambil penyiasatan dijalankan. Jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan Ahli Yang Berhormat tidak begitu jelas. Sebenarnya AKDN memberikan kuasa kepada pihak Polis untuk menangkap dan menahan selama tempoh tidak lebih dari 60 hari bagi maksud penyiasatan terhadap seseorang yang mempunyai sebab-sebab yang boleh dipercayai menjalankan apa jua kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara, perkhidmatan-perkhidmatan perlu (essential services) atau keadaan ekonomi negara.

Keputusan untuk menahan, menyekat atau membebaskan seseorang yang ditahan oleh pihak Polis itu dibuat oleh Kerajaan setelah menimbang dengan teliti hasil dari penyiasatan itu. Kerajaan tidaklah menahan seseorang yang semata-mata ditohmahkan atau disyaki sebagai komunis tanpa bukti-bukti.

BRICKFIELDS—KAJIAN SYARIKAT PERUNDINGAN KUTTNER COLLINS INTERNATIONAL

33. **Tuan V. David** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah benar bahawa Kerajaan Malaysia telah menugaskan Syarikat Perunding Kuttner Collins International Pty. Ltd. untuk membuat kajian yang besar ke atas masa depan kawasan Brickfields, satu kawasan tanah 185ha yang penting di tengah Kota Kuala Lumpur untuk pembangunan semula. Kiranya jawapannya benar, sila beritahu Dewan sama ada pihak perunding telah membuat syor mereka. Kiranya telah siap, sila berikan butir-butir syor itu.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Hussein Onn): Kerajaan telah melantik Syarikat Perunding Kuttner Collins International Pty Ltd. khusus untuk mengkaji kemungkinan memindahkan "railway marshalling yard" di Brickfields ke satu tempat yang lebih sesuai. Kajian itu bukanlah untuk membangunkan semula seluruh kawasan Brickfields.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, syor-syor yang dibuat oleh Syarikat Perunding itu adalah sedang dalam kajian Kerajaan. Oleh yang demikian, adalah tidak wajar bagi syor-syor tersebut dihuraikan di dalam Dewan pada ketika ini.

PENYIASATAN PENYELUDUPAN KEDUTAAN MALAYSIA DI INDIA

34. Tuan V. David minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dalam tahun 1978 seorang Setiausaha kepada Penolong Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Madras telah disoal oleh pihak berkuasa Polis Adyar (Madras) kerana membeli alat stereo yang dicuri dengan tujuan mendapatkan untung dari seorang kawan Penyambut Tetamu dari Pejabat Penolong Pesuruhjaya Tinggi itu. Adakah penyiasatan dalam perkara tersebut masih tertangguh. Adakah Menteri memperakukan kepada Dewan ini bahawa hak-hak istimewa diplomat tidak disalahkan. Selanjutnya adakah Menteri akan memberitahu Dewan ini keputusan bersabit dengan penyiasatan penyeludupan kedutaan Malaysia di Delhi di masa yang lalu.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Sukalah saya memaklumkan bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut sebenarnya melibatkan seorang daripada Kakitangan Ambilan Tempatan di Pejabat Penolong Pesuruhjaya Tinggi kita di Madras. Hasil dari penyiasatan Kementerian, saya berpuashati bahawa beliau telah membeli alat stereo tersebut dengan ikhlas tanpa menyangka alat tersebut adalah barang curian.

Bersabit dengan aktiviti-aktiviti penyeludupan di New Delhi adalah dimaklumkan bahawa penyiasatan yang dijalankan telahpun selesai dan Lembaga Tatatertib yang berkenaan telahpun memperakukan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk mengambil tindakan tatatertib yang sewajarnya terhadap pegawai-pegawai yang terlibat.

Di sini sukalah saya menegaskan sekali lagi bahawa saya sangat-sangat memandang berat terhadap penyalahgunaan hak-hak istimewa oleh pegawai-pegawai diplomat kita, di luar negeri. Saya tiada menafikan yaitu, ada satu dua peristiwa penyalahguna ini berlaku. Pihak

Kementerian telah pun mengambil tindakan-tindakan yang tertentu dan tegas dalam hal ini, untuk mengelakkan berulangnya kejadian seperti ini.

PENYELEWENGAN ATAS PENDATANG HARAM VIETNAM

35. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Undang-undang menyatakan bilangan pegawai-pegawai Kerajaan yang telah ditangkap kerana disyaki terlibat dalam penyelewengan ke atas pendatang-pendatang haram dari Vietnam di pantai timur Malaysia. Sejauh manakah Biro Siasatan Negara telah menjalankan penyiasatan ke atas penyelewengan yang berlaku sekarang.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Belum ada seorang pun pegawai Kerajaan yang telah ditangkap oleh Biro Siasatan Negara kerana disyaki terlibat dalam penyelewengan ke atas pendatang-pendatang haram dari Vietnam di pantai timur Malaysia. Penyiasatan sedang dijalankan sekarang.

KESELAMATAN KAKITANGAN KEDUTAAN MALAYSIA DI IRAN/KAMPUCHEA

36. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa keselamatan duta-duta kita dan keluarga mereka serta kakitangan kedutaan kita di Iran dan di Kampuchea terancam oleh kerana pergolakan kuasa di negara-negara tersebut, jika ya sama ada beliau akan memanggil mereka balik dan apakah pendirian Malaysia mengenai perkara ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Ahli Yang Berhormat sedia maklum adalah tugas Wisma Putra mengikut segala perkembangan-perkembangan politik di luar negeri, lebih-lebih lagi pada masa sekarang ini di Iran, di mana terdapat Kedutaan Besar Malaysia. Semasa pergolakan politik di Iran, Wisma Putra sentiasa berhubung dengan Kedutaan Besar di Tehran. Berdasarkan kepada laporan yang diterima, Kerajaan berpuas hati bahawa keselamatan kakitangan-kakitangan di Kedutaan Besar di Tehran itu dan keluarga mereka adalah terkawal. Oleh kerana itu Kerajaan tidak memikirkan perlu memanggil pulang kakitangan-kakitangan

dan keluarga mereka dari Tehran. Keadaan di Tehran sudahpun beransur-ansur pulih seperti sediakala. Namun begitu langkah-langkah perlu sentiasa diambil oleh setiap kakitangan kita yang bertugas di Kedutaan Besar itu bagi menjaga keselamatan diri mereka dan keluarga mereka.

Malaysia menganggap krisis di Iran itu sebagai masalah dalam negeri Iran sendiri dan harus diselesaikan oleh rakyat Iran sendiri tanpa sebarang campurtangan dari luar. Dengan itu, perhubungan di antara Kerajaan kita dengan pemerintahan baru di Iran terus berjalan seperti biasa.

Mengenai Kampuchea, oleh kerana Malaysia cuma mentauliahkan Duta Besar kita di negeri China ke Kampuchea maka ini bermakna kakitangan Kedutaan Besar kita tidak tinggal di Phnom Penh. Oleh itu masalah keselamatan mereka tidak timbul.

TV WARNA RANGKAIAN KETIGA

37. **Tuan Mark Koding** minta Menteri Penerangan menyatakan kenapa rancangan TV warna tidak diadakan di rangkaian ke 3 sedangkan kemudahan-kemudahan untuk mengadakannya sudah sedia ada.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Pelancaran siaran berwarna oleh TV Malaysia adalah secara berperingkat-peringkat bermula dengan Rangkaian Nasional. Sabah dan Sarawak kini dapat mengikuti siaran berwarna menerusi Rangkain Nasional.

Sayugia saya nyatakan bahawa peruntukan bagi siaran warna Rangkaian 3 TV Malaysia belum diperolehi lagi. Ini adalah kerana keutamaan sedang diberi kepada pelaksanaan siaran berwarna menerusi Rangkaian Nasional. Namun begitu Kementerian saya ada cadangan untuk menambahkan masa bagi siaran warna bagi Sabah dan Sarawak untuk satu jam lagi tiap-tiap hari.

Sebagai termaklum setudio RTM di Kota Kinabalu adalah dalam keadaan yang tidak sempurna dan perlu di rancang semula. Kementerian saya bercadang untuk membina sebuah kompleks baru di situ, lengkap dengan kemudahan-kemudahan sewajarnya. Mengenai siaran Rangkaian 3 TV Malaysia yang berpunca dari stesyen tersebut dan

kaitannya dengan siaran warna saya suka menyatakan bahawa kedua-dua perkara itu sedang dipertimbangkan dalam cadangan Kementerian saya untuk menyelaraskan siaran TV Malaysia ke seluruh negara dan juga menyeragamkan semua rancangan-rancangan TV Malaysia antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak.

JALAN JURU DI SEBERANG PERAI TENGAH

38. **Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Jalan Juru yang menuju ke Kuala Juru di Seberang Perai Tengah berada di dalam keadaan buruk. Jika ya, bila akan beliau memperbaikinya; jika tidak, mengapa.

Dato' Lee San Choon: Sebagai menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam adalah dimaklumkan bahawa Jalan Juru yang menuju ke Kuala Juru di Seberang Perai Tengah adalah Jalanraya Negeri. Peruntukan untuk memperbaiki jalanraya tersebut telahpun disediakan dan kerja-kerja akan dimulakan dan dijangka akan siap pada penghujung tahun ini.

UNDANG-UNDANG ISLAM

39. **Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan lawatan rasmi beliau baru-baru ini ke Pakistan di mana beliau dilaporkan telah mendapat sambutan negara yang hangat, adakah perbincangan-perbincangan lain telah dijalankan mengenai pelaksanaan undang-undang Islam di negeri ini, di samping perbincangan-perbincangan yang telah diumumkan, dan apakah sikap Kerajaan dalam soal tersebut.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soal pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini tidak pernah ditimbulkan dalam mana-mana perbincangan semasa lawatan rasmi ke Pakistan baru-baru ini.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE INDIA/PAKISTAN

40. **Tuan Alias bin Mohamad Ali** minta Perdana Menteri menyatakan hasil-hasil

konkrit yang telah dicapai dari lawatan beliau baru-baru ini ke India, Pakistan dan Thailand.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun menerangkan hasil-hasil lawatannya ke India, Pakistan dan Thailand semasa menjawab soalan yang sama maksudnya daripada Ahli Yang Berhormat dari Bacok pada 19hb Mac dan daripada Ahli Yang Berhormat dari Sarikei pada 22hb Mac, 1979. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah diberinya itu.

PERKHIDMATAN MAS BOEING 737 KE SABAH

41. **Tuan Aliuddin Pengiran Haji Mohd. Tahir** bertanya kepada Menteri Pengangkutan adakah pihak MAS akan menggantikan kapalterbang-kapalterbang jenis Fokker dengan kapalterbang-kapalterbang jenis Boeing 737 untuk perkhidmatan dalam Negeri Sabah terutama sekali ke Labuan, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau.

Tan Sri V. Manickavasagam: Pihak MAS bercadang untuk menggantikan jenis kapalterbang F27 dengan kapalterbang jenis besar seumpama kapalterbang jenis B737. Penggantian kapalterbang itu adalah bergantung kepada beberapa faktor terutama sekali sama ada perkhidmatan ke sesuatu lapanganterbang itu ekonomik atau tidak dengan mengguna kapalterbang yang lebih besar daripada jenis F27 dan yang kedua, sama ada landasan lapanganterbang itu sesuai bagi kapalterbang jenis itu atau pun tidak. Kajian-kajian sedang dibuat oleh MAS dan juga Kerajaan mengenai landasan kapalterbang di beberapa lapanganterbang di Sabah dan Sarawak.

KAD PENGENALAN BAGI ORANG-ORANG SABAH

42. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa kesemua orang-orang Sabah yang mempunyai awalan "H" diperlukan menukar kad pengenalan mereka; dan

- (b) sama ada pelarian Filipino telah diberi kewarganegaraan Malaysia untuk penukaran ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Sebenarnya, tidak ada tindakan yang telah dijalankan untuk menukar kad pengenalan yang mempunyai awalan huruf "H" di Sabah, kecuali kepada mereka yang telah sampai masanya mengikut kehendak Peraturan 17 Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara (Sabah) 1972, yang bermaksud—'sesiapa yang telah beroleh kad pengenalan atau gantian sebelum berumur 18 tahun bahawa ia adalah dikehendaki mendaftar semula bagi menggantikan kad pengenalannya itu, yang telah dikeluarkan selepas 6 tahun dari tarikh pengeluaran kad tersebut, dalam tempoh selama 36 bulan.
- (b) Tidak. Pelarian Filipino tidak diberikan tindakan penukaran ini, oleh itu pemberian taraf kewarganegaraan Malaysia kepada mereka tiada timbul.

UNIVERSITI DI PERAK

43. **Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandang kepada penduduk-penduduk yang ramai di negeri Perak sama ada Kerajaan ada rancangan mendirikan sebuah universiti di Perak.

Dato' Musa bin Hitam: Buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk mendirikan sebuah universiti di negeri Perak.

SEKIM PEMBANGUNAN TANAH DI KAPIT

44. **Tuan Sibat Miyut anak Tagong** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau bercadang hendak mengadakan Sekim Pembangunan Tanah di Kapit dalam Bahagian Ketujuh di Sarawak untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk di kawasan itu.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof): Buat masa ini Kementerian saya

tidak bercadang hendak mengadakan Sekim Pembangunan Tanah di Kapit dalam Bahagian Ketujuh di Sarawak.

BEKALAN AIR

45. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada ampangan yang sedang dibina di Kuala Pansoon, Ulu Langat, Selangor yang dijangka siap dalam tahun 1982 itu akan membekalkan air ke seluruh kawasan di Daerah Ulu Langat atau ke kawasan-kawasan lain seperti Ampang, Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Dato' Lee San Choon: Sebagai menjawab pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Langat itu, saya suka menjelaskan bahawa keperluan air Daerah Ulu Langat sebanyak 6.5 juta gelen sehari adalah dibekalkan dari loji pembersihan air di Cheras. Dalam pada itu loji ini hanya dapat membekalkan air sebanyak 5 juta gelen sehari dan oleh itu bekalan perlulah ditambah dari loji pembersihan air Sungai Langat di Batu 10.

Ampangan yang sedang dibina di Kuala Pansoon, Ulu Langat ialah sebuah "Regulating Dam" yang akan membekalkan air untuk dibersihkan diloji pembersihan air Sungai Langat itu. Air yang dibersihkan dari loji ini akan digunakan untuk membekalkan air bukan saja ke kawasan Lembah Klang seperti Kuala Lumpur, Ampang, Petaling Jaya, Shah Alam dan Klang tetapi juga ke kawasan Bangi Bahru dan sebahagian daripada kawasan Serdang di dalam Daerah Ulu Langat. Pada masa sekarang sebanyak 2-3 juta gelen adalah dibekalkan kepada kawasan Bangi Bahru dan Serdang itu.

PEMBINAAN MASJID

46. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bertambah ramainya umat Islam yang hadir menyempurnakan fardhu Jumaat (Fardhu Ain) di masjid-masjid seperti di beberapa buah masjid di Semerah, adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa peruntukan membina sebuah masjid di atas tanah gambut dengan harga \$35,000 itu adalah tidak mencukupi hingga tergendala dan jika sedar, peruntukan itu mohon ditambah sekali ganda lagi.

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Peruntukan untuk projek-projek keagamaan selalunya diberi dengan mencukupi mengikut permohonan yang dibuat kepada Kerajaan.

Sekiranya peruntukan itu tiada mencukupi Ahli Yang Berhormat bolehlah memohon peruntukan tambahan kepada Pegawai Kemajuan Negeri Johor supaya perkara itu dikaji dan tindakan yang sewajarnya dapat diambil oleh Kerajaan.

SUMBER BEKALAN AIR

47. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan memandangkan bertambah pesatnya rancangan-rancangan Pembangunan dan juga bertambah luasnya kawasan-kawasan pertanian di Semerah, Batu Pahat, Johor, adakah Kementerian yang berkenaan sedar dan telah menjalankan segala daya usahanya bagi membina loji-loji dan mencari sumber-sumber bekalan air baru bagi kegunaan jangka pendek dan jangka panjang.

Dato' Lee San Choon: Sebagai menjawab soalan oleh Ahli Yang Berhormat dari Semerah, Kementerian saya adalah sedar tentang keperluan bekalan air yang mencukupi bukan sahaja bagi kawasan Batu Pahat tetapi juga di kawasan-kawasan lain di negara ini. Bagi memenuhi keperluan bekalan air yang semakin bertambah Kerajaan telah dan akan terus berusaha untuk menambah bekalan air yang sedia ada. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sahaja Kerajaan telah pun mengadakan peruntukan sebanyak \$125 juta bagi projek Bekalan Air Luarbandar, dan sebahagian daripada peruntukan ini adalah bagi Rancangan Bekalan Air Luarbandar di daerah Batu Pahat.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, keperluan bekalan air di daerah Batu Pahat sekarang ini berjumlah sebanyak 7 juta gelen sehari dan ini dibekalkan daripada punca bekalan air yang boleh menampung bekalan air berjumlah 9 juta gelen sehari.

NILAI SIJIL SPM/STP

48. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sijil-sijil SPM/STP mempunyai nilai paspot yang sama

untuk pelajaran tinggi di institusi-institusi pelajaran tinggi seperti sijil-sijil MCE/HSC atau mereka yang mempunyai sijil-sijil tersebut akan dikehendaki mengambil peperiksaan yang lain.

Dato' Musa bin Hitam: Sijil SPM/STP adalah sama taraf dengan MCE/HSC. Oleh itu pemegang sijil ini tidak perlu mengambil peperiksaan lain untuk masuk ke institusi pelajaran tinggi.

TAR JALANRAYA DI SABAH/ SARAWAK

49. Tuan Lee Kaw minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah jalanraya di dalam negeri Sabah dan Sarawak akan diperbaiki dan ditarkan supaya keadaan kehidupan rakyat Sarawak dan Sabah boleh diperbaiki, jika tidak, apakah sebabnya.

Dato' Lee San Choon: Sebagai menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang, saya suka menarik perhatian beliau bahawa cara soalan itu dikemukakan beliau nampaknya cuba menunjukkan bahawa jalan-jalanraya di dalam negeri Sabah dan Sarawak tidak pernah diperbaiki atau dibubuh tar. Oleh itu saya suka menjelaskan di sini untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan bukan saja memperbaiki dan membubuh tar tetapi juga membina jalan-jalanraya baharu di negeri Sabah dan Sarawak.

Di negeri Sabah jumlah batu jalanraya telah meningkat dari sepanjang 1,054 batu dalam tahun 1962 kepada 2,550 batu sekarang. Jumlah batu jalanraya yang telah dibubuh tar telah meningkat dari sepanjang 243 batu dalam tahun 1962 kepada 763 batu sekarang.

Kemajuan yang pesat juga telah dicapai dalam pembinaan jalan-jalanraya di negeri Sarawak. Jumlah batu jalanraya di negeri Sarawak telah bertambah dari sepanjang 566 batu dalam tahun 1965 kepada 1,372 batu sekarang. Jumlah batu jalanraya yang telah dibubuh tar telah bertambah dari 142 batu dalam tahun 1965 kepada 337 batu sekarang.

Kerajaan akan meneruskan kerja-kerja memperbaiki dan membubuh tar kepada jalan-jalanraya di negeri Sabah dan Sarawak tetapi pekerjaan itu terpaksa dijalankan

secara berperingkat-peringkat dari setahun ke setahun.

PELABUHAN KUANTAN

50. Dr Tan Tiong Hong minta Menteri Pengangkutan menyatakan apa sebab 'Pelabuhan Kuantan' yang berharga \$250 juta di Tanjung Gelang cepat mula mengalami keretakan di salah satu dari empat buah dermaganya dan memandangkan perkara ini telah juga dirujukkan kepada Kabinet bagi mendapatkan kelulusan untuk membaiki kerosakan yang berlaku itu.

Tan Sri V. Manickavasagam: Perkara kerosakan di Pelabuhan Kuantan sedang disiasat. Satu rombongan daripada Asian Development Bank akan melawat projek tersebut dan selepas itu akan mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai yang berkaitan diwaktu lawatan mereka pada 27hb Mac hingga 2hb April ini. Oleh itu saya fikir adalah lebih baik jika ditunggu sehingga kesimpulan-kesimpulan pendapat diperolehi oleh mereka itu.

TARAF KERAKYATAN

51. Tuan P. Patto minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada memandangkan masalah yang dihadapi oleh beribu-ribu penduduk Malaysia yang masih belum menjadi warganegara Malaysia kerana mereka tidak mempunyai dokumen-dokumen yang diperlukan untuk membuktikan bahawa mereka telah lahir di Malaysia pada hal sebenarnya mereka lahir di negara ini, kerana kejahilan ibubapa mereka yang tidak mendaftarkan kelahiran mereka, sama ada Kerajaan bercadang memberikan taraf kerakyatan kepada mereka yang mempunyai kad pengenalan yang menunjukkan tarikh kelahiran mereka di antara tahun-tahun 1940 dan 1945, iaitu semasa Perang Dunia yang Kedua dan boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia dan bersedia mengangkat sumpah taat setia kepada negara ini dan raja.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kerajaan tidak bercadang memberikan taraf kewarganegaraan Malaysia kepada mereka yang tidak memenuhi syarat-syarat sepertimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan.

SABOTAJ DI JABATAN KERJARAYA

52. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar tentang adanya "sabotaj" berlaku dalam Jabatan Kerjaraya, sehingga mengakibatkan adanya projek-projek pembangunan Kerajaan tidak lancar dan menjadi sungutan rakyat, terutamanya mereka yang tinggal di luar-bandar, dan jika ya, apakah tindakan yang telah diambil mengenai perkara ini.

Dato' Lee San Choon: Saya tidak sedar tentang adanya perbuatan sabotaj berlaku di dalam JKR. Jika Ahli Yang Berhormat itu ada bukti-bukti yang nyata mengenai perkara itu, saya sangatlah bersukacita sekiranya beliau dapat memberikan kerjasama untuk mengemukakan butir-butir lengkap mengenai tuduhan itu kepada saya supaya siasatan dapat dijalankan dan seterusnya tindakan sewajarnya akan diambil terhadap pegawai-pegawai yang terlibat.

PERGERAKAN KOMUNIS MALAYA DAN MNLF

53. Tuan Haji Mohd. Yusuf bin Malim Kuning minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Pergerakan Komunis Malaya dan Kumpulan-kumpulannya seperti MNLF dan lain-lain, masih di bawah pemimpin lama atau sudah bertukar kepada pemimpin-pemimpin yang baru.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tujuan Parti Komunis Malaya untuk menggulingkan Kerajaan melalui pemberontakan bersenjata yang bermula di dalam tahun 1948 telah dipatahkan dalam tahun 1960. Dari seramai 12,000 orang anggotanya cuma kira-kira 600 orang saja yang dapat menyelamatkan diri dan lari bersembunyi di kawasan sempadan Thailand/Malaysia. Mereka cuba membina semula tenteranya tapi hanya berjaya mencapai angka 2054 sahaja. Pada bulan Jun 1968 Parti Komunis Malaya mengumumkan hasratnya untuk mengulangi perjuangan bersenjata untuk merampas kuasa politik negara ini. Melalui Rancangan Lima Tahunnya yang memuncak dengan pemberontakan berleluasa seluruh negara dalam tahun 1973/74.

Dalam tahun 1974 satu perpecahan telah berlaku dalam organisasi Parti Komunis Malaya. Parti Komunis Malaya telah berpecah tiga iaitu:

- (i) Parti Komunis Malaya Induk;
- (ii) Parti Komunis Malaya Kumpulan Revolusi (RF)
- (iii) Parti Komunis Malaya Marxist—Leninist (ML)

Tiap-tiap satunya mempunyai golongan bawah tanahnya sendiri.

- (i) Parti Komunis Malaya Induk—Barisan Pembebasan Nasional Malaya—Liga Belia Demokratik Baru Malaya;
- (ii) Parti Komunis Malaya Kumpulan Revolusi—Barisan Pembebasan Rakyat Malaya;
- (iii) Parti Komunis Malaya Marxist—Leninist—Liga Pembebasan Rakyat Malaya.

Biar apa juga pertubuhan yang diwujudkan, ancamannya terhadap negara adalah membahayakan. Oleh yang demikian kita akan terus berusaha untuk menghapuskannya. Setakat yang diketahui Parti Komunis Malaya masih lagi di bawah Chin Peng.

SEKIM NO-FAULT ACCIDENT LIABILITY

54. Tuan Karpal Singh minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengenakan skim "no-fault accident liability" sepertimana diterima di New Zealand.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Bagi menjawab soalan ini saya sukacita memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa soal menubuhkan skim yang dikenali sebagai "no-fault accident compensation scheme" masih lagi sedang dikaji oleh sebuah jawatankuasa yang bernama Jawatankuasa Pampasan Kemalangan Jalanraya.

Oleh kerana skim ini akan melibatkan orang ramai, perkara-perkara kewangan dan penggubalan undang-undang baharu serta pindaan undang-undang yang sedia ada, maka jawatankuasa tersebut dan juga Kementerian Undang-undang perlulah

menelitinya secara mendalam sebelum mengemukakan skim ini, dengan syor-syornya, kepada Kerajaan.

MAS SEBAGAI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM

55. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan untuk mencapai satu daya perkhidmatan yang lebih cemerlang dan atas dasar hendak menjaga satu agensi Pengangkutan Negara supaya tidak diganggu tergugat oleh musuh-musuh dan pengkhianat nasional, adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) supaya dijadikan satu perkhidmatan pengangkutan awam negara seperti Keretapi Tanah Melayu, dan jika ya, apakah rancangan Kerajaan untuk persediaan bagi menghadapi masalah akan datang berkaitan dengan pengangkutan awam setelah mengkaji dari peristiwa pertikaian MAS baru-baru ini, supaya kegiatan yang menjejaskan imej dan ekonomi negara tidak berulang lagi.

Tan Sri V. Manickavasagam: Jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Kangar, saya fikir telahpun dijelaskan dan berbincang dengan panjang lebarnya di dalam Dewan ini pada 20-3-79 waktu membahar usul Y.A.B. Perdana Menteri berhubung dengan Pertikaian MAS dengan Kesatuan Pekerja Penerbangan (AEU).

PETANI-PETANI DI LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU

56. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa petani-petani di dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) mendapat hasil yang lebih baik, hasil daripada penyeliaan yang lebih berkesan. Jika sedar apakah Kementerian bercadang memperluaskan lagi kawasan pertanian yang masuk ke dalam lingkungan KADA, supaya lebih ramai petani-petani menerima nikmat daripada perkhidmatan KADA; itu.
- (b) apakah Pihak Kementerian bercadang untuk mencantumkan Kawasan Perairan Bukit Yong dengan Kawasan Perairan Besut, supaya berada di bawah

satu badan pentadbiran atau di bawah pentadbiran KADA, walaupun kedua-dua perairan ini terkeluar dari perairan KEMUBU.

Dato' Shariff Ahmad:

- (a) Saya sedar petani-petani di dalam kawasan KADA mendapat hasil pengeluaran yang lebih baik dari penyeliaan yang lebih berkesan. Kawasan KADA sekarang meliputi kawasan padi yang berkelompok-berkelompok di mana Kementerian Pertanian berpendapat dari segi pengurusan air, kawasan-kawasan ini tidak perlu dimasukkan ke dalam lingkungan pengurusan KADA, kerana kawasan-kawasan tersebut mempunyai sistem pengairannya sendiri. Kementerian ini akan memberi perhatian kepada kawasan-kawasan terpencil ini supaya mendapat kemudahan dan perkhidmatan pertanian yang seimbang dengan kawasan KADA.
- (b) Kawasan perairan Bukit Yong dan kawasan perairan Besut mempunyai sistem perairan yang berasingan. Oleh kerana kedua kawasan ini berjauhan daripada kawasan KADA, Kementerian ini berpendapat kedua-dua kawasan ini tidak sesuai untuk dimasukkan ke dalam lingkungan KADA.

KESELAMATAN NELAYAN DI SELAT MELAKA

57. **Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah telah diambil oleh Kementerannya untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum nelayan Melaka khasnya dan Malaysia amnya, seperti masalah keselamatan penangkapan ikan di Selat Melaka, masalah pencemaran minyak dan pampasan yang masih belum dibayar kepada 444 orang nelayan dari Melaka yang terlibat dalam pencemaran minyak pada tahun 1976 sepertimana yang dinyatakan dalam surat yang dikemukakan kepada Y.B. Menteri pada 9-2-1979.

Dato' Shariff Ahmad: Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk

mengatasi masalah-masalah nelayan adalah seperti berikut:

- (a) Berkenaan dengan keselamatan nelayan di Selat Melaka, Jabatan Perikanan sentiasa menghubungi Tentera Laut Di Raja Malaysia dan Polis Laut Di Raja Malaysia untuk memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan di Selat Melaka.
- (b) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ada menjalankan tugas untuk mengesan pencemaran minyak di Selat Melaka. Di samping itu bot-bot Jabatan Perikanan dalam rondaannya juga ada membuat laporan sekiranya ada terdapat tanda-tanda pencemaran. Berhubung dengan tuntutan 444 orang Nelayan dari Melaka, ianya cuma dikemukakan kira-kira tujuh bulan selepas tumpahan minyak berlaku dan selepas penyiataan ke atas semua tuntutan-tuntutan yang lain diselesaikan. Pada lazimnya tuntutan ini tidak harus dilayani oleh kerana kebenarannya sukar dipastikan. Walau bagaimanapun siasatan ke atas tuntutan itu dijalankan juga oleh Kementerian. Ini mengambil masa sedikit sebelum sesuatu keputusan dibuat untuk menyelesaikannya.

UCAPAN Y. B. MARK KODING DI PARLIMEN

58. **Tuan Chan Teck Chan** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan-tindakan telah diambil terhadap laporan rasmi yang telah dikemukakannya kepada Y.A.B. Perdana Menteri pada 4-11-1978 mengenai Y.B. Mark Koding, Ahli Parlimen bagi Kinabalu membuat ucapan yang berbau sensitif dan hasutan di Dewan Rakyat pada 11-10-1978 dan sama ada perkara ini sudah dirujuk kepada Kementerian Undang-undang dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk tindakan yang sewajarnya; jika ya, apakah tindakan telah diambil oleh kedua-dua Kementerian tersebut.

Dato Hussein Onn: Suatu laporan telah dibuat kepada pihak polis pada 26hb Oktober 1978 berhubung dengan suatu ucapan oleh Yang Berhormat Ahli bagi Kinabalu yang dibuat dalam Dewan Rakyat pada 11hb Oktober, 1978 dan laporan ini mengatakan

bahawa ada bahagian-bahagian ucapan itu berbau sensitif dan hasutan.

Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara telahpun mengambil tindakan mengarahkan pihak polis menjalankan penyiataan berhubung dengan laporan itu. Berikutan dari arahan itu, pihak polis telah memulakan penyiataan tetapi ianya masih belum lagi selesai.

LESEN EMPAT NOMBOR EKOR

59. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan lesen-lesen agensi Empat Nombor Ekor yang dikeluarkan setakat ini, dengan memberi nama dan alamat mereka yang diberikan lesen-lesen tersebut; sama ada benar lesen-lesen agensi dikeluarkan kepada mereka yang mempunyai pertalian politik yang tinggi.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Bilangan kebenaran agensi Empat Nombor Ekor (E.N.E.) yang dikeluarkan sehingga 15hb Mac, 1979 ialah sebanyak 299. Memandangkan bahawa bilangan lesen ini terlampau banyak adalah tidak wajar bagi saya membacakan nama dan alamat mereka-mereka yang telah diberi kebenaran ini satu persatu.

Adalah tidak benar kebenaran agensi Empat Nombor Ekor diberi kepada mereka yang mempunyai pertalian politik yang tinggi sahaja. Bagi menentukan siapa yang layak menjadi ajen Empat Nombor Ekor adalah hak mutlak syarikat yang berkenaan. Mengikut dasar yang diamalkan sekarang sesuatu kebenaran agensi Empat Nombor Ekor hanya akan diberi setelah sesuatu permohonan itu diterima daripada syarikat yang berkenaan dan setelah siasatan dijalankan oleh pihak Polis terhadap pemohon tersebut. Jika ada di antara mereka-mereka yang dicalonkan oleh Syarikat yang berkenaan terdiri daripada mereka-mereka yang mempunyai pertalian politik yang tinggi, maka itu adalah hak syarikat yang berkenaan. Kementerian ini tidak pernah memberi kebenaran agensi berdasarkan kepada pertalian politik yang tinggi seseorang pemohon sahaja.

TAR JALANRAYA DI SEMANGGANG/ SARIKEI

60. **Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan

Awam menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan menaruh tar di Jalanraya Simanggang/Sarikei dan bilakah kerja tersebut akan selesai.

Dato' Lee San Choon: Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sarikei adalah dimaklumkan bahawa kerja-kerja menaruh tar di Jalanraya Simanggang/Sarikei adalah merupakan sebahagian daripada Projek Jalanraya Kuching/Sibu dan projek memperbaiki Jalan Repok.

Peringkat-peringkat kerja yang dilaksanakan di dalam projek menaruh tar di Jalanraya Kuching/Sibu adalah seperti berikut:

- (i) Kerja-kerja lapis permukaan "wearing course" ke atas jalanraya sepanjang 81 batu dari Serian ke Simanggang.
- (ii) Kerja-kerja memperbaiki aliran (alignment) dan permukaan jalanraya sepanjang 99 batu dari Simpang Simanggang ke Bandar Jakar.
- (iii) Kerja-kerja memperbaiki aliran (alignment) dan mengetar jalanraya 13 batu dari Sarikei/Simpang Bulat ke Binatang/Simpang Sibu.
- (iv) Kerja-kerja memperbaiki aliran (alignment) permukaan jalanraya sepanjang 56 batu dari Maktab Rajang hingga ke Bandar Sibu.

Projek di atas telah dilaksanakan semenjak Rancangan Malaysia Kedua dan kemajuan yang telah dicapai adalah memuaskan. Setakat ini kerja mengetar jalanraya Serian/Simanggang telahpun disiapkan kecuali kerja-kerja lapis permukaan. Kerja-kerja mengetar jalanraya sepanjang 13 batu dari Sarikei/Simpang Bulat ke Binatang/Simpang Sibu dijangka akan siap tidak lama lagi.

Di samping itu projek memperbaiki Jalan Repok sejauh 7 batu sedang dilaksanakan dan dijangka akan siap pada tahun 1982. Setakat ini sepanjang 2 batu jalanraya itu telahpun diperbaiki.

KENYATAAN Y.A.B. PERDANA MENTERI KERTAS PUTIH BANK RAKYAT

3.36 ptg.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membuat satu kenyataan bagi menerangkan kepada Dewan ini sebab kelewatan membentangkan Kertas Putih mengenai kedudukan Bank Rakyat.

Kenyataan saya ini bukanlah pula disebabkan tuntutan Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang saya terbaca dalam sebuah akhbar pagi ini. Saya memang hendak membuat kenyataan ini pada hari yang sesuai iaitu pada hari ini.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam kenyataan saya di Dewan ini pada 14hb Disember tahun lalu, saya telah menerangkan beberapa sebab yang tertentu mengapa firma jurukira, iaitu Price Waterhouse and Company, yang telah ditugaskan untuk menyelidik menyiasat dan membetulkan akaun-akaun Bank Rakyat, telah mengambil masa yang agak panjang untuk menghabiskan kerja-kerjanya.

Pada ketika itu, firma jurukira itu menjangkakan laporannya dapat disiapkan pada akhir bulan Januari ini. Tetapi, oleh kerana bidang yang diliputi dalam penyelidikan, penyiasatan dan membetulkan kira-kira Bank Rakyat itu amat luas, masalah yang dihadapinya amat rumit dan laporan yang hendak disiapkan adalah menyeluruh, firma jurukira itu terpaksa mengambil masa tambahan untuk menyatu, menyusun, mencetak dan menjilidkan laporannya. Laporan itu baru sahaja siap dan telah diserahkan oleh firma jurukira itu kepada Pengurusan Bank Rakyat pada 17hb Mac, 1979. Laporan itu ialah sebanyak lima jilid. Oleh yang demikian, Kerajaan memerlukan masa untuk menyediakan Kertas Putih yang telah dijanjikan itu. Kerajaan meminta maaf kepada Dewan ini kerana tidak dapat membentangkan Kertas Putih itu dalam mesyuarat Dewan kali ini. Kerajaan akan membentangkan Kertas Putih itu dalam mesyuarat Dewan ini yang akan datang.

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang terus dicapai dalam usaha melaksanakan penggal pertama Rancangan Malaysia Ketiga; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan serta keamanan dan keselamatan negara; meluluskan dan menyetujui Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga yang dirangka untuk meliputi program-program dan langkah-langkah dasar, bertujuan mempergiatkan pertumbuhan ekonomi serta usaha-usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 13 tahun 1979. Bahawa dalam meluluskan Kajian Semula ini, Dewan ini menyeru rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh (23hb Mac, 1979).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini, hari yang kelima Dewan ini menimbang dan membahaskan usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dan hari esok mengikut jadual ialah bagi Menteri-menteri menjawab, tetapi sekiranya saya dapati ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini, maka saya akan meminta Yang Berhormat Menteri-menteri supaya menjawab esok mulai pukul 5.00 petang supaya memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Pada masa Dewan ini ditangguhkan pada hari Jumaat yang lalu, Ahli Yang Berhormat dari Dungun baru sahaja memulakan ucapannya, dengan sebab itu, sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Dungun menyambung ucapannya.

3.40 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya pada petang Jumaat.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan petang Jumaat—Jumaat petang!

Tuan Awang bin Jabar: Terima kasih. Saya kagum, Tuan Yang di-Pertua, kerana setelah pemimpin-pemimpin kita menempuh onak dan duri, halangan dan rintangan sama ada yang nampak dan tidak, sama ada lahir dalam bentuk-bentuk subversif, sama ada yang lahir melalui parti lawan tetapi dengan keikhlasan niat dan keteguhan semangat, hasrat dan cita-cita Kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat itu terkabul jua. Saya rasa bangga kerana negeri Trengganu yang selama ini disifatkan sebagai negeri yang tertinggal telah juga turut memainkan peranannya di dalam pertumbuhan ekonomi negara dalam sektor perlombongan khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan terjumpanya telaga-telaga minyak di laut Trengganu, pengeluaran petroliaam dalam negara kita telah meningkat dari 96,000 tong sehari tahun 1975 kepada 229,000 tong sehari tahun 1978 dan ini adalah satu kadar peningkatan yang baik. Walaupun negeri Trengganu mendapat anugerah secara langsung hanya sejuzuk yang kecil sahaja dari hasil petroliaam ini, namun begitu saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan di atas kemurahan itu kerana berdasarkan kepada firman Allah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

“La-in sya-kartum la-azi dan-nakum; wala-in kafartum inna-azabi la-syadi”.

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa Malaysia-nya!

Tuan Awang bin Jabar: “Jika sekiranya anda bersyukur, nanti kami akan tambahkan dan jika sekiranya engkau mengkufuri nikmat itu, nantilah azab Ku amat pedih.”

Lebih-lebih lagi, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Pengerusi PETRONAS, sebuah agensi Kerajaan yang mengendalikan pengeluaran petroliaam di negara ini telah mengumumkan beberapa projek yang berasaskan kepada petroliaam akan diwujudkan di Trengganu. Jadi sebelum projek-projek yang akan memberi banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Trengganu yang miskin itu diwujudkan, masalah-masalah yang bersabit dengan petroliaam yang ada

hendaklah diselesaikan supaya adanya atau wujudnya projek-projek ini akan memberi makna yang benar-benar kepada rakyat Trengganu secara khususnya.

Antara masalah-masalah yang ada sekarang, Tuan Yang di-Pertua, yang saya selalu diberitahu ialah pengambilan buruh-buruh yang bekerja di pelantar minyak di tengah laut. Pengambilan buruh-buruh ini diambil kebanyakannya bukan daripada orang-orang tempatan di Trengganu, yang paling malangnya pula badan ataupun kompeni yang mengendalikan buruh-buruh ini bukan daripada kompeni tempatan. Jadi masalah ini telah menjadi semacam issue juga di kalangan segolongan rakyat di Trengganu. Jikalau perkara ini dapat kita atasi, insya Allah issue ini akan hilang dan keyakinan rakyat terhadap petroliaam yang diusahakan oleh Kerajaan ini akan lebih mendalam lagi dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menuruti Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga ini kita dapati bahawa pelajaran telah diberi penekanan yang agak serius kerana barangkali umum maklum bahawa pelajaran adalah merupakan investment negara secara jangka panjang. Tetapi bila kita menuruti tentang jadual-jadual ataupun perenggan-perenggan kejayaan pada mulanya, pada peringkat pertamanya barangkali kita merasa semacam kita sudah berjaya sungguh-sungguh di dalam pelajaran ini kerana tujuan utama sistem pelajaran yang terdapat dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah untuk memupuk penyatuan dan perpaduan negara tetapi kalau kita halusi sungguh-sungguh, kita teliti benar-benar tujuan ini sipi-sipi sahaja, ianya tidak menepati matlamat, tidak menepati target kerana falsafah dasar pelajaran kita sekarang ialah "Pelajaran untuk Pekerjaan" kerana daripada data-data yang ada kita nampak bahawa trend pelajaran kita sekarang ialah ke arah hendak memberi pekerjaan seberapa yang banyak kepada penduduk-penduduk ataupun kepada rakyat yang mempunyai pelajaran itu. Ini akan menimbulkan satu masalah negara juga, kerana apabila pelajaran ini sudah diberi dengan sebanyak-banyaknya hinggalah dalam tahun 1975 murid-murid di sekolah menengah ada 838,467 orang.

Saya katakan ini akan menimbulkan masalah juga, kerana jika sekiranya pelajaran

ini kita bandingkan untuk pekerjaan maka sudah tentu negara kita tidak akan dapat memenuhi mereka itu dengan pekerjaan-pekerjaan yang sesuai kerana dalam tahun 1976/1978 Kerajaan kita hanya dapat menyediakan peluang pekerjaan sebanyak 474,000 pekerjaan sahaja. Jadi ini nampak bahawa bilangan orang-orang yang tidak berpeluang mempunyai pekerjaan ini agak besar dan ini akan menimbulkan perkara-perkara yang tidak diinginkan oleh negara kita kerana apabila budak-budak itu tidak berpekerjaan, budak-budak ataupun orang-orang muda ini akan terlibat dengan berbagai-bagai perkara seperti dadah dan sebagainya, ini akan menimbulkan beban pula kepada negara kita. Barangkali perkara ini berlaku, kerana ada kemungkinan kita tidak sedar ataupun mungkin kita sedar tetapi satu perkara yang nyata ialah Bahagian Kerjaya di Kementerian Pelajaran umpamanya tidak menjadikan Bahagian Kerjaya itu satu bahagian yang efektif di dalam mengalirkan ataupun di dalam membuat penerangan-penerangan tentang subjek pelajaran yang dipelajari oleh murid-murid itu.

Setakat apa yang kita tahu Bahagian Kerjaya ini hanya menerangkan kepada umum bahawa awak lulus LCE awak boleh bekerja di sini, pejabat ini, Kementerian ini akan menerima awak; awak lulus SPM lain pula, begitulah seterusnya tetapi tidak difalsafahkan, tidak diterangkan secara filosofi akan subjek-subjek yang dipelajari oleh murid-murid di sekolah masing-masing tiap-tiap hari. Di sini timbul tanggapan bahawa menuntut ilmu di sekolah itu adalah untuk mendapat pelajaran sahaja. Saya rasa sudah sampailah masanya kerana Kerajaan masih ada masa untuk hendak mengubah hala (trend) falsafah pelajaran negara kita ini, iaitu ke arah "Pelajaran untuk Pelajaran".

Untuk ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya Bahagian Kerjaya di Kementerian Pelajaran itu diberi nafas baru dalam erti kata diberi tanggungjawab yang lebih lagi supaya Bahagian Kerjaya ini dapat bukan sahaja menerangkan kepada murid-murid, menerangkan kepada umum kelulusan sekian akan mendapat peluang pekerjaan sekian, tetapi boleh menerangkan secara detail tentang matapelajaran yang diambil itu dan kaitannya dengan kehidupan penuntut-penuntut ataupun murid-murid itu sendiri di

masa yang akan datang. Hal ini juga berlaku adalah disebabkan oleh kualiti guru-guru kita di dalam membuat kesedarannya ataupun menekankan kesedaran tentang ini kurang. Jadi, saya merasakan bahawa sudah sampailah masanya Kementerian Pelajaran memperbaiki kualiti guru-guru dalam erti kata kita mestilah mewujudkan sebanyak mungkin guru-guru yang boleh memberi kesedaran yang sungguh-sungguh kepada anak-anak kita di masa yang akan datang.

Peranan yang ketiga yang boleh dimainkan untuk mengubah trend pelajaran untuk pelajaran ini, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ialah Persatuan Ibubapa/Guru-guru kerana ibubapa selain daripada guru-guru adalah memainkan peranan penting di dalam pendidikan sesebuah negara itu. Sekarang ini apa yang kita nampak bahawa skop yang diberi kepada PIBG ini amatlah sempit sekali iaitu di sekitar sekolah sahaja, ia tidak menjangkau, tidak boleh melangkah ke peringkat Daerah, ke peringkat Negeri dan ke peringkat Kebangsaan. Oleh sebab saya nampak bahawa peranan guru-guru ini penting di dalam pembentukan pendidikan di negara ini, saya mengesyorkan Persatuan Ibubapa/Guru-guru (PIBG) ini diperbesarkan dan diperluaskan skopnya ke peringkat Daerah, peringkat Negeri dan seterusnya kepada peringkat Kebangsaan dan satu penyelarasan mestilah diwujudkan sekiranya majlis ataupun Persatuan Ibubapa/Guru-guru peringkat Kebangsaan ini akan dapat benar-benar memberi pengertian kepada konsep pendidikan kita di negara ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, satu juga daripada cara hendak mewujudkan perpaduan di negara kita, hendak mewujudkan penyatuan di negara kita ini ialah melalui dakwah khususnya di kalangan orang-orang Islam sendiri.

Apa yang kita nampak di masa-masa yang akhir ini dakwah telah banyak tumbuh di sana-sini, ada yang sungguh-sungguh ber-dakwah dan ada yang berdakwah. Jadi, di dalam membuat dakyah-dakyah ini pendakwah itu berdakwahlah. Kita mengucapkan terima kasih dan kita sanjung di atas usaha-usaha baik tetapi ada yang berdakwah untuk satu-satu kepentingan sama ada kepentingan peribadi ataupun kepentingan perkumpulan, itu terserahlah kepada tanggapan masing-masing tetapi hakikatnya dakwah itu berlaku.

Saya rasa supaya peluang-peluang dakwah ini dapat kita developkan supaya dia benar-benar jadi dakwah, saya rasa satu penyelarasan dakwah di peringkat Kebangsaan ini mestilah diadakan.

Kita tahu bahawa sekarang ini sudah ada Yayasan Dakwah, tetapi saya nampak oleh sebab skop Yayasan Dakwah ini terlalu besar, ada bahagian-bahagiannya, Bahagian Penerbitan, Bahagian Kewangan dan banyak lagi bahagian-bahagian lain sedangkan pegawai-pegawai yang diberi tugas untuk mengendalikan tugas ini terhad bilangannya, maka saya rasa kelancaran perjalanan Yayasan Dakwah itu seperti sekarang, ertinya tidak dapat sebagaimana kehendak kita supaya dia itu benar-benar dakwah. Sepatutnya sekarang ini sudah wujud satu penyelarasan yang benar-benar dakwah, maknanya tidak ada lagi orang ini berdakwah, orang ini berdakyah, tidak ada lagi di peringkat sekarang ini kerana Yayasan Dakwah sudah lama wujud, tetapi oleh sebab barangkali halangan-halangan yang dihadapi oleh Yayasan itu sendiri maka Yayasan itu tidak dapat memainkan peranannya sebagaimana yang dikehendaki. Oleh sebab itu, saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya diwujudkan satu Majlis Dakwah Negara dengan tujuan untuk menyelaraskan dakwah di seluruh tanahair kita ini. Saya rasa kalau dua perkara ini kita dapat lakukan insya-Allah cita-cita kita untuk hendak mewujudkan perpaduan di negara kita ini akan kita capai.

Akhirnya, saya menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Semerah.

3.57 ptg.

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed (Semerah): Tuan Yang di-Pertua, saya merasa lapang dan sukacita dengan inisiatif bijak yang dijalankan oleh pihak Kerajaan dalam membuat Kajian Semula terhadap Rancangan Malaysia Yang Ketiga bagi tahun 1976/1980. Dengan penyemakan ini dapatlah kita mengkaji dan meneliti di mana-mana kelemahan yang harus dibaiki dan meneruskan pula segala formula-formula yang difikirkan boleh membawa kejayaan yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang berada dalam zaman renaissance, zaman reformasi dan revolusi, reformasi tanah dan revolusi mental. Sedikit sebanyak Dasar Ekonomi Baru telah berjaya membuka fikiran rakyat di mana penyertaan mereka dalam semua sektor sangatlah menggalakkan walaupun sedikit slow dan lembab. Ini disebabkan kerana mereka tidak punya asset dan modal yang mana majoritinya dibelenggu oleh kemiskinan. Baik juga tidak turun kepada taraf kepapaan kerana definisi kemiskinan seorang yang memerlukan sebanyak \$10 dia hanya memperolehi sebanyak \$6 atau \$7, manakala fakir atau papa seorang yang memerlukan \$10 dia memperolehi sebanyak \$3 atau \$4, jadi rakyat Malaysia tidak sampai ke taraf poverty. Mereka hanyalah turun kepada paras kemiskinan sahaja. Ini ialah kerana rencana-rencana sosio-ekonomi yang diatur begitu rapi dan baik di mana pembahagian bantuan ada diberikan kepada rakyat, di antaranya pelajaran dan pembelajaran yang percuma termasuk pemberian buku-buku teks, rancangan pemakanan panas, pocket money, biasiswa, bangunan sekolah tepi rumah dan lain-lain lagi. Pengurnian estet-estet getah, kelapa sawit di samping menyediakan segala infrastruktur dan pusat-pusat kesihatan dan institusi yang boleh meniupkan semangat kesedaran dan memberikan menafaat pembangunan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperergusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Dasar Ekonomi Baru ialah untuk mencapai kemajuan sebagaimana yang dicita-citakan dan target sucinya ialah untuk menyediakan perpaduan dan muhibbah di antara semua kaum yang menganggap Malaysia ini negeri mereka, selain daripada menjaga keamanan dan keselamatan.

Usaha pertama Kerajaan dapat membasmi kemiskinan ialah melengkapkan seluruh lapisan rakyat dengan berbagai-bagai pelajaran dan kerohanian dengan aman. Untuk ini Kementerian Pelajaran diberikan peruntukan yang paling besar dan wajar, mendapat lagi tambahan peruntukan kerana mengisi tujuan asas Dasar Ekonomi Baru mencapai kemajuan. Agar yang aktif untuk membolehkan kemajuan ini dicapai ialah pelajaran yang perlu diberikan dari buaian hingga ke liang lahad.

Tuan Yang di-Pertua, kemerosotan keputusan peperiksaan tahun ini saya kira adalah disebabkan oleh kurang membaca dan tidaklah sayugia kita menyalahkan kesana kemari dengan menuduh ada pihak meng sabotaj kerana untuk mendapatkan kelulusan baik dalam Kertas Am atau General Paper yang mana soalan-soalan adalah meliputi semua aspek daripada kesusasteraan, ugama, kesenian, halehwal dalam dan luar negeri, current affairs dan lain-lain. Maka di sini timbullah pula peranan dan penglibatan Kementerian Pertanian yang mendapatkan peruntukan yang kedua besarnya selepas Kementerian Pelajaran. Oleh sebab ramai bilangan pelajar yang gagal itu tinggal di luar bandar maka mereka tidaklah berkemampuan untuk membeli buku-buku bacaan tambahan yang sangat diperlukan itu. Maka saya berharaplah supaya perhatian yang serius diberikan oleh Kementerian yang berkenaan dalam perkara ini, di antara lain agar dapat mengadakan perpustakaan bergerak di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, segala puji bagi Tuhan yang menjadikan hanya dengan air sahajalah tiap-tiap sesuatu itu boleh hidup. Jadi walau bagaimanapun kita berusaha dan berikhtiar mencari benih yang baik mempelbagaikan beranika tanaman tetapi sayugialah juga dicari disedari bahawa segala tanaman ini tidak akan dapat mengeluarkan hasil yang baik tanpa mendapat air yang cukup. Setiap tahun negara kita mengalami kemarau termasuk juga sebahagian besar kawasan pertanian di Semerah. Penduduk-penduduk di kawasan Seri Menanti baru dalam Mesyuarat Agung Cawangan UMNO telah membentak-bentak kerana sudah bertahun-tahun belum mendapat bekalan air manakala penduduk dari sebuah kawasan yang lain pula datang satu rombongan ke rumah saya menuntut air. Saya tidak punya mukjizat untuk mengeluarkan air dicelah-celah jari sebagaimana Nabi Muhammad (s.a.w.) tetapi mujur juga berupaya mengeluarkan air liur di celah-celah gigi bagi menjawab dan mententeramkan perasaan mereka. Dan alhamdulillah berjaya, tetapi conscience dan hati nurani saya adalah meratap dan sedih dengan kezabab yang dideritai oleh mereka.

Di musim kemarau pula Jabatan Kerja Raya ada membekalkan air dengan lori dua

hari sekali hanya cukup untuk minum. Apa hal untuk mandi dan mencuci? Kalau tuantuan lalu di kawasan saya di tepi jalan besar nescaya akan terpandang tempayan kosong bergelimpang ada yang terlentang dan ada yang terlungkup tetapi kesemuanya kontang, tidakkah sudah sampai masanya, dengan izin, "necessity is the mother of invention." Dalam satu pertanyaan untuk jawapan mulut yang satu memukakan ialah apakah usaha-usaha Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk membuat daya usaha dan mengorak langkah bagi mencari sumber-sumber bekalan air dan membina loji-loji bagi rancangan jangka pendek dan jangka panjang. Penduduk-penduduk di Seri Menanti akan terus menderita sehingga akhir tahun 1981 apakala loji air baru yang sedang dibina di Kesang itu siap. Betapa halnya hendak menunggu selama dua tahun lagi? Untuk rancangan jangka pendek, saya ingin mencadangkan sekiranya menasabah supaya menyediakan kolam air atau tangki-tangki untuk menyimpan air hujan pada musim hujan untuk digunakan di musim kemarau. Di California mereka telah mengurung atau menyimpan air salji yang turun selama tiga bulan untuk kegunaan 9 bulan yang kemudiannya.

Kedua, berikhtiar menyalurkan air terjun yang terdapat di Gunung Ledang ke dalam saluran-saluran seperti yang dibuat oleh Kerajaan Singapura yang mengambil air di Johor Bharu di Gunung Pulai kemudian disalurkan ke kawasan-kawasan yang memerlukan air.

Saya berharap pihak Kerajaan tidaklah payah sentiasa hendak mengambil pakar perunding luar negeri dari Bangsa-bangsa Bersatu membuat kajian bertahun-tahun sedangkan perlaksanaannya tidak berapa lama dan berjuta-juta wang ringgit telah dicurahkan, didapati salah lokasi dan lain-lainnya seperti Pusat Atom Tun Dr Ismail yang dipindahkan dari Sungai Buloh ke Bangi dan juga lain-lain projek yang telah tidak dapat mencapai kejayaan yang memuaskan. Saya percaya pakar-pakar perunding tempatan pun berkemampuan juga jika fikiran dan pendapat mereka dipinta dan ongkosnya lebih murah serta pelaksanaannya dapat dijalankan segera kerana keadaan ini sudah terlalu (urgently required).

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Kementerian Pertanian pihak nelayan-nelayan

di kawasan Parit Kuda Darat inginlah menuntut kepada Timbalan Menteri Pertanian agar menunaikan janjinya yang telah dilafazkan hampir dua tahun yang lalu iaitu berkenaan dengan pembinaan jeti bernilai sebanyak \$30,000 sahaja bagi menggantikan jeti yang telah usang itu. Begitu juga sebuah balai-hentian nelayan di Seri Pengkalan bernilai hanya \$6,000 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mempengaruhi pembangunan sosio-ekonomi serta corak dan sektor pertumbuhan ekonomi maka pihak Kerajaan telah memberi keutamaan yang tinggi kepada usaha yang tersebut dengan menyediakan infrastruktur bagi mempercepatkan sumber-sumber pertanian dan semula jadi di kawasan kurang maju. Peruntukan sebanyak 22% dari jumlah Rancangan Malaysia Ketiga diberi kepada sektor pengangkutan iaitu sektor yang kedua pentingnya selepas sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya jambatan yang dibina oleh Jabatan Parit dan Taliair masih lagi mengikat struktur tahun 1906 berukuran 5 kaki x 24 kaki yang hanya layak di lalui oleh beca roda tiga, bagaimanakah pengangkutan tanah merah dan batu dengan lori-lori besar hendak memajukan kawasan pendalaman yang penuh dengan hasil-hasil pertanian? Dan macam mana pula mereka hendak membawa keluar hasil-hasil tanaman mereka melainkan dengan mengangkut seguni-seguni di atas carrier basikal atau dengan motosikal Honda. Bila ditanya, kenapa tidak boleh dibesarkan sedikit kira-kira 8 kaki x 24 kaki? Jawapannya, nanti jalan rosak. Jadi kalau takut jalan dilalui oleh lori-lori atau grader yang membina jalan itu, saya kira agaknya ini satu kemunduran dan bukan satu kemajuan. Keadaan ini berlaku di kawasan saya yang bernama Sungai Sarang Buaya Darat dan banyak lagi kawasan-kawasan yang lain mengemukakan bantahan yang sama, bahkan di satu kawasan kebun kelapa sawitnya seluas 4 batu tetapi tidak dapat mengeluarkan hasil, terpaksa membina sendiri sebuah jambatan kayu seluas 12 kaki x 24 kaki bersebelahan dengan jambatan Jabatan Parit dan Taliair yang mana peruntukannya telah diminta daripada Wakil Rakyat sebanyak \$12,000. Dari itu saya benar-benarlah merayu dan berharap supaya semua struktur pembinaan jambatan Jabatan Parit dan Taliair itu sudah sampai masanya

diluaskan sedikit sekurang-kurangnya 8 kaki x 24 kaki. Oleh sebab air berlari tidaklah terlalu deras maka lantainya diperbuat daripada kayu tebal pun cukup.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembinaan jalan-jalan kampung di luar bandar, saya dapati masih mengamalkan cara lama juga—amalan gotong royong. Sekiranya bagi satu State hanya mempunyai satu grader, Wakil Rakyatnya 12 orang, 8 orang Ahli Dewan Undangan Negeri dan 4 Ahli Parlimen, tentulah sukar benar rasanya bagi Jabatan Kerja Raya melainkan terpaksa pakai kontrak yang mana jika 1,000 lori tanah merah kampung itu hanya akan dapat 800 lori, 200 lori lagi akan ditolak upah meratakan. Jika tidak, jawapannya penduduk yang tua-tualah yang mengangkut sejempit-sejempit dengan Honda atau basikal manakala yang mudamudanya telah berhijrah ke bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa dukacita dengan sikap parti Pembangkang yang mengungkit-ungkit tentang peratus kaumnya yang mendapat rancangan Felda tetapi 7 tahun sebelum mereka ini menikmati hasil-hasil tanaman bukan bumiputra telah terlebih dahulu menikmati segala kontrak-kontrak memerun, membakar, mendirikan rumah-rumah peneroka dan lain-lainnya, selain daripada sabotaj pula dalam membekalkan benih-benih dan baka yang kurang elok. Sudahlah begitu kita lihat lebih kurang 10 hingga 12 batu sebelum menjumpai rancangan Felda, umpamanya, di Gugusan Taib Andak Kulai Johor Baharu mereka ini bukan sahaja mendirikan beribu-ribu unit rumah batu, kedai batu bahkan menyediakan juga minicasino judi, tempat-tempat hiburan, kelab-kelab malam, bar-bar, pasang lukah dan jerat kepada peneroka-peneroka yang baharu merasa nikmat supaya melakukan maksiat. Saya berharap supaya Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sendiri memberikan nikmat-nikmat sosial yang penduduk-penduduk Felda perlukan kerana kebanyakan Rancangan Felda tidak ada terdapat unsur-unsur pembangunan sosial seperti kedai-kedai batu dan panggung-panggung wayang, padang-padang permainan kanak-kanak dan juga pemuda-pemuda yang boleh mengubah cara pemikiran mereka. SEDC, UDA atau Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah haruslah berusaha

membandarkan kawasan-kawasan ini kerana kemudahan amnya potensi sebagai growth centre telah diteroka.

Tuan Yang di-Pertua, anggota parti Pembangkang dari Kota Melaka telah mencetuskan perasaan cemburunya terhadap bumiputra yang handicap kerana menikmati 90% projek pembangunan luar bandar yang serba mundur itu. Maka saya juga ingin menyarankan kepada Kerajaan bahawa bumiputra juga adalah merasa diketepikan dengan 90% kompleks perniagaan di bandar-bandar di dalam tangan bukan bumiputra, dan mencadangkan supaya 30% daripada kawasan bandar itu hendaklah diserahkan kepada bumiputra bagi merapatkan jurang perbezaan yang begitu ketara dan mana-mana rumah kedai yang terbakar apakala dibina balik hendaklah diserahkan kepada bumiputra kerana asalnya bumi Malaysia ini hak mereka. Ada pula mereka yang kononnya melaung-laungkan jadi juara perpaduan kaum tetapi setiap hari dan setiap masa menanamkan bom jangkanya di Malaysia ini supaya peristiwa berdarah 13 Mei berulang kembali dengan mendesak dan mengasakkan ke telinga kaum-kaumnya issue-issue nasional yang paling sensitif iaitu pelajaran. Bukan sahaja bagi Malaysia tidak ada tempat untuk pemimpin-pemimpin yang seumpama ini bahkan dalam senarai bakal kabinet Kerajaan parti itu pun nama beliau ini telah dilemparkan jauh ke tepi. Harus agaknya beliau ini akan memegang portfolio Ketua Menteri bawah tanah.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa di antara lain matlamat Rancangan Malaysia Ketiga ialah menyusun semula masyarakat. Untuk menyusun semula masyarakat ini tentulah memerlukan jentera-jentera moden bukan sahaja setakat membuat kertas-kertas kerja, kertas yang bekerja, orang tidak bekerja. Contohnya tersiar berita ada 8,000 jawatan kosong yang perlu diisikan. Iklannya tidak banyak. Lepas interview bertahun-tahun tiada keputusan, alih-alih kita dengar tenaga-tenaga pencen yang sudah tidak larat itu diambil bekerja semula. Akhirnya maju setapak mundur 2 tapak kebelakang padahal tenaga-tenaga muda yang sedang berkubarkubar semangat hendak berkhidmat ini patutlah diutamakan. Tanpa diberikan peluang-peluang kepada mereka yang layak

ini mereka akan merasa frust dan seolah-olah diketepikan padahal dalam teks Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga ini ada menyebutkan perkara ini, tenaga-tenaga muda perlu diasuh dan diberikan bimbingan dari sekarang supaya mereka tidak canggung dan kekok untuk memegang jawatan apakala sampai masanya kelak.

Kita berasa lega apabila mendengarkan sektor pembuatan menyediakan sebanyak 139,000 peluang pekerjaan, muka surat 66 para 160, dan penyertaan wanita dalam tenaga buruh adalah semakin meningkat tetapi tenaga dan kebolehan gadis-gadis ini telah dieksploitasikan. Ganjaran tidak setimpal dengan khidmat yang disumbangkan. Umpamanya, Johore Claycraft, gaji yang diberikan kepada pekerja wanita yang baharu masuk hanyalah \$1.80 sehari padahal kita lihat hasil-hasil pembuatan dan design-design indah yang ditunjukkan oleh mereka mendapat pasaran yang baik di luar negeri seperti di Singapura, Australia, Jerman dan lain-lain. Dari itu saya berharap supaya Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat membuat satu peraturan bagi menetapkan gaji minima bagi seorang pekerja kilang dan dipohonkan juga kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya janganlah mencanangkan di luar negeri bahawa tenaga buruh di Malaysia adalah sangat murah, kerana pelabur-pelabur asing ini terutama Jepun kalau bekerja dengannya memang dia perah betul tenaga buruh itu sampai mencungap-cungap tidak setimpal dengan bayaran yang diberi dan sudahlah begitu kedekut pula. Tujuan mereka semata-mata hendak mendapat sebanyak-banyak keuntungan daripada sekecil-kecilnya modal dengan secepat-cepatnya dalam masa dikecualikan cukai tarif. Saya mohon ditimbang bagi sekurang-kurangnya gaji minima yang harus diberikan ialah \$6.00 sehari kerana tambang berulang alik, makan dan lain-lain di atas pekerja itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dan Lembaga Letrik Negara Daerah yang telah memberikan kerjasama pada memberikan bekalan letrik ke Semerah dan sebahagian kawasan yang belum

dikurniakan harap dapat ikhsan dan perhatian. Satu cara penting untuk menyusun semula masyarakat ialah kecepatan dan kecepatan ini boleh dibekalkan oleh tenaga letrik. Penduduk-penduduk di luar bandar hanya dapat dengan cepat meninggikan taraf ekonomi dan kehidupan mereka setelah dikurniakan bekalan tenaga ini, mereka boleh menjalankan perusahaan kecil seperti mendobi, membuat kuih-kuih dan biskut, membuka kedai-kedai gunting dan mendandan rambut, membaiki motor, bertukang besi, bertukang perabot dan lain-lain. Tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, bekalan tenaga letrik ini banyak lagi yang belum sampai bukan sahaja di kawasan luar bandar bahkan juga di kawasan bandar-bandar yang sederhana besar seperti di Sungai Balang, Seri Menanti iaitu di main road di mana Menteri-menteri lalu hendak ke Muar dan ke Kuala Lumpur masih belum dapat cahaya. Saya mohon sangat-sangatlah peruntukan lebih sedikit ke kawasan Semerah Darat, Sungai Balang, Laut, Separap dan lain-lain kerana jika tidak rombongan demi rombongan, protes demi protes membelasah Wakil Rakyat, terutamanya di kawasan Parit Bengkok yang telah saya mohonkan berkali-kali dan kebanyakan penduduk di sana telahpun merajuk dan saya percaya yang boleh memujuk ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri kita yang handsome Dato' Mohd. Najib. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kemudahan, perhubungan lain yang diperlukan oleh kawasan di luar bandar ialah public telephone. Dalam seluruh daerah Batu Pahat nampaknya cuma berhak mendapat 5 buah talipon untuk luar bandar. Kalau kata lulus untuk tahun 1979, tahun 1980 belum tahu dipasang padahal kalau penduduk-penduduk ini sakit hendak bersalin di tengah malam dini hari, Pusat Bidan jauh hendak dihubungi betapalah halnya hendak keluar dengan keadaan amat sukar. Ini baharu urusan sakit-pening, bagaimana dengan urusan perniagaan yang dituntut oleh Dasar Ekonomi Baru apakala hendak order barang-barang yang telah kehabisan 10 batu hendak berkayuh keluar dan 10 batu hendak kayuh balik dan masa yang dijangka terbuang ini semua adalah yang menumpulkan semangat. Saya pohonkan ditambahkan lagi bekalan talipon yang diperuntukkan bagi

kegunaan luar bandar daripada 5 kepada 10 buah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal pembangunan semula masyarakat tumpuan-tumpuan wajiblah juga diberikan kepada belia-belia dan beliawanis-beliawanis yang bakal mengendalikan pentadbiran dan pemerintahan negara ini yang mana tugas dan tanggungjawab itu diusahakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pada hari ini malangnya bilangan penagih dadah yang tersiar adalah terdiri daripada mereka yang berumur di antara 18 dan 21 tahun iaitu mereka ini adalah sedang dalam zaman pancaroba dan pressure serta tekanan yang keras dihadapi oleh anak-anak muda ini. Mereka berada di persimpangan. Oleh yang demikian, untuk menghindarkan mereka daripada terlibat dengan perkara-perkara yang tidak diinginkan segala latihan kejuruan hendaklah dipesatkan lagi dan bilangan belia-belia untuk diambil berlatih juga hendaklah ditambah dan dibesarkan supaya mereka itu bukan sahaja akan dapat menyumbangkan khidmat dan tenaganya di negara Malaysia yang sedang membangun pesat ini, bahkan juga mengisi peluang untuk berkhidmat dengan negara-negara lain andainya diperlukan. Pepatah yang mengatakan hujan emas negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, saya kira baiklah hujan emas di negeri orang supaya balik dapat membawa emas dan mendirikan gedung batu di negeri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu cara yang boleh meninggikan dan memperkenalkan nama baik negara ke luar negeri ialah melalui sukan. Belia-belia ini mempunyai keupayaan yang baik untuk berjaya di lapangan ini tetapi menjadi kesulitan yang maha besar ialah tentang kolam-kolam renang, padang-padang permainan, jurulatih dan lain-lain. Kemudahan-kemudahan asas umpamanya di kawasan saya Semerah setiap kali diadakan pertandingan bola sepak belia-belia itu terpaksa menumpang di Sekolah Menengah Dato Onn, kalau hendak menumpang di Sekolah Menengah Cina tidak dibenarkan.

Riadah sukan dan bermain senjata adalah mendapat galakan daripada Islam sebagaimana maksud sabda Junjungan, Ajarilah

anak-anak kamu bermain panah yakni menggunakan senjata, berenang dan lumba kuda. Usaha menaikkan imej Malaysia di lapangan sukan adalah berat. Baru-baru ini Malaysia yang pernah menyandang johan badminton sedunia atau Thomas Cup telah kalah di tangan India yang kita tidak pernah kita dengar namanya masyhur wujud dalam senarai permainan international ini. Jadi untuk menempah generasi muda yang cergas dan sihat, maka latihan-latihan yang cukup dan usaha-usaha yang bersungguh-sungguh haruslah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, hanya rakyat yang imannya subur dan jiwanya luhur sahaja mampu menjadi warganegara yang baik, patuh dan taat setia kepada pemerintahannya. Rakyat jenis ini hendaklah ditempa bukan ditempel-tempel. Dalam konteks ini, Kementerian Kesihatan bersama-sama memainkan peranan utama. Oleh sebab kebanyakan ibu-ibu memilih hospital sebagai tempat bersalin maka adalah diharapkan bahawa Kementerian yang berkenaan wajiblah menasihatkan ibu-ibu yang sihat supaya memberikan anaknya susu badan, bukan diiklankan supaya menghisap susu SMA 26. Pada hari ini telah jelas kelihatan tentang implikasi buruk yang dihadapi oleh Kerajaan dan masyarakat terhadap generasi yang berbrandkan Lactogen, Dumex atau lainnya daripada lembu dan kambing. Kata orang tua-tua, daripada buah kekenalan pohon. Sekali-sekali apabila menjelma sifat-sifat kelembuan dan kekambangannya maka halaman-halaman akhbar di muka depan, tengah dan belakang, tersiarlah berita bapa haruan mengebas tiga anak gadisnya sendiri yang berumur 19, 18 dan 13 tahun. Adik ipar yang menonton televisyen di rumah abang ipar mengkeroyok isteri abangnya. Si tua yang berumur 58 tahun sedang hendak mencabul kehormatan gadis berumur 13 tahun apabila disergah, jawabnya hendak mencari kayu. Situa membuat pakatan dengan penarik beca untuk membunuh suami.

Tuan Yang di-Pertua, krisis moral boleh menggugat ketenteraman dan menelurkan jenayah. Setiap jenayah perlu dihukum di bawah Kanun Keseksaan tetapi malangnya, hukuman yang dikenakan ke atas penjenayah ini terlalu ringan dan tidak

tegas. Umpamanya membawa senjata dan pagedaran dadah yang telahpun diluluskan oleh Parlimen dengan hukuman mati tetapi masih juga dihukum penjara dan sebat sebanyak 6 rotan. Membunuh nyawa hukumnya dibalas bunuh tetapi keputusan bicara, buang kes. Tidak hairanlah kiranya kejadian jenayah bertambah pesat lebih-lebih lagi untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru. Gadis berumur 17 tahun meragut nyawa gadis berumur 13 tahun supaya jadi kaya dengan cara instant dan cepat. Pecah amanah \$200,000 dipenjarakan dua bulan dan sebat dua rotan, keluar jel menjadi orang kaya baru. Saya mohon kepada Kementerian Kehakiman dan Undang-undang supaya segala Akta dan hukuman-hukuman yang telah diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini benar-benar diimplimentasikan mengikut kaedah perundangan Islam menghindari keburukan dan kerosakan lebih diutamakan daripada tujuan dan kepentingan kemuslihatan.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan fizikal tidak bererti jika pembangunan rohani atau spiritual kosong lompong dengan keimanan yang menjadi alat pesawat penting yang setimpal dengan kedudukan jantung. Kita merasa kurang hati dengan hukuman yang dikenakan ke atas penyebaran agama salah, dakwah songang dan dakwah sengeng, zina, khalwat dan bersekedudukan, nafkah mutaah dan lain-lain tidak sekata atau seragam di antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang lain di Malaysia ini. Saya fikir kiranya undang-undang ini dapat diseleraskan, tentulah ianya akan menjadi lebih bertenaga, dihormati dan dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu dan Islam di negara ini sejak silam walaupun mereka tidak tahu sains dan teknologi dan tidak pernah sains mengambil gaji, pandai membuat spekulasi bahawa hanya asset yang kekal seperti tanah sahaja yang boleh membantu mereka walaupun mereka sudah tidak ada lagi di dunia ini, iaitu ramai di antara mereka yang telah mengwakafkan tanah-tanahnya. Pemegang kuasanya ialah Jabatan Hal Ehwal Ugama di tiap-tiap negeri. Maka saya berpendapat dalam sekim hendak mempelbagaikan lagi pelaksanaan Dasar

Ekonomi Baru supaya harta-harta wakaf itu benar-benar dapat dimanfaatkan dan menambahkan punca-punca pendapatan kepada mereka yang berhak menerimanya.

Kita dapati ada Jabatan-jabatan Ugama Negeri yang hanya mempelbagaikan kewangannya dengan membeli saham beratus-ratus ribu ringgit dan menerima dividen yang sangat nipis satu atau dua peratus pada hal kiranya modal itu dilaburkan dalam usaha-usahanya sendiri membeli ladang getah, kelapa sawit, lombong dan sebagainya bukan sahaja dapat memberikan keuntungan yang besar bahkan yang lebih penting lagi dapat memberi peluang pekerjaan kepada bumiputra.

Jabatan Ugama adalah sebenarnya sebuah institusi ekonomi yang sepatutnya menjalankan dan mengawas segala khazanah dan kekayaan negara dan memegang peranan utama dalam mengendalikan sektor iktisad kerana untuk menjamin keadilan sosial dan membasmi kemiskinan, bahawa perniagaan, penternakan, perlombongan mencari harta-harta yang terpendam, pertanian adalah jalan yang telah diatur supaya kekayaan itu dapat diagih-agihkan kepada mereka yang berhak menerimanya iaitu selaku pembangun negara dan masyarakat. Jabatan Ugama tidaklah seyogianya memisahkan kedaulatan dengan negara bahkan hendaklah Jabatan-jabatan ini menubuhkan sektor perbadanan ekonominya sendiri bagi bersama-sama membantu Kerajaan dalam menyelamatkan tanah-tanah daripada tergadai dalam tangan orang asing. Pada hal institusi ini wajiblih tampil ke hadapan dengan mengadakan di jabatan masing-masing pakar-pakar perunding supaya boleh menerima segala harta-harta tanah-tanah dan sebagainya yang hendak digadaikan oleh orang Melayu atau orang Islam, kerana Al-Azhar sendiri telah berjaya dan telah pernah meminjamkan kepada Kerajaan Mesir berjuta-juta wangnya untuk pembangunan negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya mengambil satu langkah yang positif bagi mengkemaskinikan pentadbiran Jabatan-jabatan Ugama di seluruh

negeri yang mana Jabatan-jabatan ini mempunyai keupayaan mencarumkan peratus yang besar dalam usaha mencapai Dasar Ekonomi Baru secara dua hala iaitu kemajuan jasmaniah dan rohaniah.

Dengan ini, saya menyokong penuh Kajian Semula Laporan Separuh Penggal program Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Langat.

4.28 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Ulu Langat): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk menyokong dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah berjaya melaksanakan beberapa kemajuan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga 1976 hingga 1978. Dalam Kajian Separuh Penggal kebanyakan Kementerian telah ditambah peruntukannya. Ini bertujuan agar dapat mempercepatkan lagi pelaksanaan projek-projek pembangunan dan juga memastikan supaya rakyat betul-betul dapat menikmati hasil pertumbuhan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya hendak kemukakan ialah mengenai pelajaran dan latihan. Kita faham bahawa sistem pelajaran masa kini bertujuan untuk meningkatkan lagi intergrasi dan perpaduan rakyat berbilang kaum di negara kita ini. Ini boleh dicapai melalui pelajaran tatarakyat dan aktiviti-aktiviti kurikulum. Tujuan sistem pelajaran ini juga hendak memastikan wujudnya peluang belajar yang lebih luas lagi kepada semua pelajar-pelajar.

Saya berasa bangga apabila mendapati bahawa Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga berhubung dengan Dasar Pelajaran ialah menjamin pembahagian tempat di universiti-universiti tempatan dijalankan dengan adil dan saksama kepada pelajar-pelajar Bumiputra dan pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik. Kerajaan juga telah menegaskan bahawa pengambilalihan pelajar-pelajar bukan Melayu akan ditambah peratusannya mengikut perkembangan institusi pengajian tinggi. Tujuan yang murni ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang betul-betul layak mendapat tempat bahkan menambah peluang

yang lebih luas lagi kepada pelajar-pelajar bukan Melayu.

Berhubung dengan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di semua sekolah-sekolah, Kementerian berkenaan berusaha meninggikan mutu pelajaran bahasa Inggeris dengan mengambil guru-guru bahasa Inggeris dari United Kingdom. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga juga menunjukkan dari tahun 1976 hingga 1978 kira-kira 138,000 orang guru yang terlatih mendapat latihan di sana. Untuk mengatasi kekurangan guru bahasa Inggeris dan untuk menampung sendiri kekurangan ini pada masa hadapan, adalah mustahak kaedah-kaedah mengajar bahasa Inggeris diperbaiki dan juga menambah bilangan waktu bahasa Inggeris di semua sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kajian perusahaan pelancungan akan dikaji, namun bilangan pelancungan datang ke Malaysia bertambah 5.1% tiap-tiap tahun jika dibandingkan dengan target Rancangan Malaysia Ketiga iaitu 5%. Walaupun begitu kita hendaklah memandang berat terhadap kemudahan yang patut disediakan dan memperbaiki lagi keadaan perusahaan pelancungan negara kita kerana perusahaan ini telah memberi sumbangan yang besar terhadap pendapatan negara dan memberi peluang pekerjaan.

Semasa kajian dibuat dahulu, berbagai usaha telah dijalankan untuk menarik lebih ramai lagi pelancung-pelancung datang ke Malaysia. Usaha-usaha dijalankan terus dengan menyediakan berbagai kemudahan tempat kediaman, kenderaan dan recreation seperti pembinaan hotel-hotel baru memajukan perkhidmatan teksi, kereta-kereta sewa dan menubuhkan agensi-agensi pelancungan. Walaupun telah banyak kemudahan disediakan, adakah terlintas di kepala kita tentang satu kemudahan yang penting iaitu kemudahan di lapanganterbang.

Lapanganterbang Subang boleh dikatakan sebuah lapanganterbang yang indah di Asia Tenggara, tetapi masih terdapat sungutan orang ramai dan para pelancung iaitu sistem pembesar suara di sana agak lemah. Suara kedengaran kuat tetapi kurang jelas apa yang diperkatakan. Akibatnya ada pelancung yang ketinggalan penerbangan. Begitu juga semasa

musim hujan, penumpang-penumpang terpaksa menggunakan payung ketika keluar dari kapal terbang berjalan menuju jauh ke terminal.

Di sini satu cadangan patut dikemukakan untuk memperbaiki dan mengadakan kemudahan-kemudahan di sana. Begitu juga kebersihan perlulah diambil perhatian berat supaya penumpang-penumpang berasa selisa duduk di Bilik-bilik Menunggu terutama sekali kebersihan tandas-tandas.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Bomba telah diberi peruntukan sebanyak \$30 juta untuk mendirikan 13 buah balai bomba dan untuk membeli alat kelengkapannya. Sebanyak \$5 juta ditambah untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan bomba di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka. Walaupun peruntukan itu untuk Jabatan Perkhidmatan Bomba, tetapi apa yang membimbangkan saya ialah bandar-bandar kecil tidak dapat menikmati faedah daripada peruntukan ini.

Sebagai contohnya bangunan Balai Bomba Kajang di kawasan Ulu Langat adalah kecil, old fashioned dan tidak lengkap. Empat kejadian kebakaran dalam tempoh 6 bulan masih belum lagi dapat menyedarkan Menteri berkenaan untuk membekalkan lagi sebuah jentera moden di Kajang. Kita dapati bahawa banyak bandar-bandar kecil yang bertambah besar membangun, penduduk-penduduknya bertambah ramai dan bangunan-bangunan semakin bertambah dari setahun ke setahun. Tetapi perkhidmatan bomba di tempat-tempat tersebut terbiar. Jika pun ada jentera bomba, keutamaannya untuk mencegah kebakaran adalah disangsikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham bahawa banyak projek-projek dijalankan dan kejayaan-kejayaan yang dicapai dalam masa 3 tahun yang lalu. Saya harap semoga kemajuan terus tercapai pada masa hadapan dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk dapat dinikmati oleh semua golongan dan lapisan masyarakat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Maran.

4.38 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Yahaya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun

untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang Amat Berhormat di dalam menghuraikan Usul ini dan mengenai prestasi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga di antara lain berkata: "Kita berbuat demikian supaya Dewan ini, dan sesungguhnya seluruh negara, dapat mengetahui akan pencapaian kita sehingga ini; supaya negara tahu akan kelemahan, kekurangan, ketinggalan yang berlaku dan masalah yang dihadapi dan tindakan yang telah dan akan dibuat bagi mengatasinya".

Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat itu membuktikan suatu kejujuran: kejujuran Kerajaan di dalam mendekati masalah pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga, iaitu Kerajaan bukan sahaja berbangga di atas kejayaannya tetapi Kerajaan juga sanggup untuk membentangkan segala kelemahan, segala kekurangan dan dengan itu bersedia juga untuk mendengar segala teguran-teguran, cadangan-cadangan membina di dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Jadi berasaskan kepada semangat yang sedemikian, saya juga mengambil kesempatan di sini untuk menyuarakan beberapa pandangan dan pendapat saya mengenai dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga khususnya di atas masalah penglibatan bumiputra di dalam perdagangan dan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, dewasa ini Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah mengadakan berpuluh-puluh perbadanan, berpuluh-puluh syarikat amanah dan perbadanan-perbadanan ini pula telah menubuhkan berpuluh-puluh syarikat usahasama. Pihak Kerajaan Pusat dan Negeri telah membelanjakan berpuluh-puluh juta ringgit pula pada tiap-tiap tahun untuk memastikan kejayaan badan-badan ini dan syarikat-syarikat amanah ini: Jadi tujuan Kerajaan Negeri dan Pusat menubuhkan perbadanan serta syarikat amanah ini ialah untuk menyalurkan segala peluang-peluang kepada bumiputra sama ada peluang itu berupa kemudahan ataupun peluang melibatkan diri mereka di dalam perniagaan dan perusahaan. Jadi itulah sebabnya Kerajaan berhabis-habisan bukan sahaja setakat menggalakkan penubuhan badan-badan ini akan tetapi seterusnya memberikan

sokongan kewangan dari masa ke semasa. Perkara yang harus ditinjau oleh Kerajaan ialah sama ada jentera-jentera pembangunan ini benar-benar dapat berjalan dengan baik dan berkesan dan seterusnya memberi faedah kepada kaum bumiputra seperti yang Kerajaan harapkan. Adakah cara pelaksanaan itu benar-benar dapat memberi kesan yang menyeluruh di kalangan kaum bumiputra di peringkat bawahan ataupun sama ada peluang-peluang yang diwujudkan itu hanya lesap di peringkat pertengahan sahaja. Inilah satu perkara yang harus di-kaji dengan halus, dan teliti oleh pihak Kerajaan.

Bagi pihak saya, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengalu-alukan kejayaan yang ada di dalam masalah ini, saya berasa curiga sama ada dasar Kerajaan itu benar-benar dapat dilaksanakan dengan baik dan mengenai sasaran seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Peraturan-peraturan ataupun perjalanan mengenai dengan perbadanan yang saya sebutkan tadi sudah ditetapkan oleh akta masing-masing dan ini dapat diawasi dengan sepenuhnya oleh pihak Kerajaan menerusi Lembaga Pengarah atau ahli-ahli Lembaga Perbadanan-perbadanan berkenaan yang dilantik oleh Kerajaan. Tetapi saya berasa khuatir apabila syarikat-syarikat usahasama ditubuhkan oleh badan-badan ini kerana apabila syarikat-syarikat usahasama ditubuhkan, maka pengawasan daripada pihak Kerajaan sama ada Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat dengan sendirinya terputus. Ini ialah kerana syarikat-syarikat usahasama ini mempunyai Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya sendiri, mereka mempunyai Ahli Lembaga Pengurusannya sendiri dan mereka ini adalah berkuasa penuh di atas perjalanan syarikat-syarikat usahasama ini keseluruhannya.

Jadi sekarang ini didapati banyak syarikat-syarikat usahasama seperti ini mengalami kerugian dan kadang-kadang kerugian itu meningkat sampai kepada berjuta-juta ringgit di dalam masa dua tiga tahun sahaja dia ditubuhkan. Dan apabila dikaji dan diteliti dimanakah letaknya kerugian ini, apakah sebab-sebabnya maka berlaku kerugian ini, maka kita dapati beberapa kesilapan yang agaknyanya asas dan tidak harus berlaku. Diantaranya feasibility studies tidak dibuat

dari hasil kajian yang mendalam khususnya mengenai pembekalan dan pemasaran.

Kedua, adakalanya pengurusan adalah diserahkan kepada pihak lain dan syarikat terpaksa membayar management fee yang begitu tinggi sedangkan pihak lain itu juga kadang-kadang adalah ahli syarikat usahasama.

Ketiga, kadang-kadang perjanjian usahasama tidak kemas terutamanya mengenai urusan perbelanjaan syarikat menyebabkan penyelewengan. Pernah didapati syarikat-syarikat usahasama seperti ini di dalam perjanjian usahasamanya membenarkan perbelanjaan sampai \$250,000 tidak payah diluluskan di dalam General Meeting yang dihadiri oleh majoriti pemegang sahaja di dalam syarikat itu. Dan begitu juga kadang-kadang didapati kotrekk-kotrekk yang tidak lebih daripada dua tahun misalnya tidak payah diluluskan oleh sebilangan besar pemegang-pemegang saham. Jadi ini menimbulkan beberapa penyelewengan dan ada beratus-ratus masalah lagi. Jadi kita tidak tahu hendak menyatakan sama ada perkara seperti ini sengaja diwujudkan ataupun ada kesilapannya. Saya rasa ini adalah merupakan satu penyelewengan. Yang anih sekali kadang-kadang di dalam syarikat seperti ini pihak-pihak lain yang berusaha sama itu yang mendapat keuntungan sama ada daripada segi management feenya ataupun dengan cara mereka ini membekalkan barang-barang mentah. Jadi mereka rugi di dalam syarikat tetapi masih untung di dalam perniagaan lain pada syarikat usahasama ini, tetapi perbadanan ataupun syarat-syarat amanah Kerajaan ini sentiasa menghadapi kerugian.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang Kerajaan harus juga ambil perhatian berat ialah mengenai dengan satu trend yang saya perhatikan sekarang ini makin menjadi-jadi di dalam perbadanan-perbadanan. Ini juga amatlah dikesalkan. Ini sering berlaku di dalam perbadanan yang baru yang masih memerlukan perancangan dan juga perbadanan yang lama yang sedang giat memperkembangkan kegiatannya. Trend yang saya maksudkan ini ialah pegawai-pegawai kanan biasanya semasa mereka ini di dalam perbadanan, masa berkhidmat di sana mengadakan berbagai-bagai perancangan seperti mengadakan bangunan-bangunan, memesan bekalan-bekalan dan apabila perkara-perkara ini hendak dilaksanakan

maka pegawai ini berhenti daripada perbadanan itu dan seterusnya membuat tawaran pada tender yang dikeluarkan oleh perbadanan yang sama. Dan dengan sekejap masa sahaja mereka ini telah menjadi kaya raya. Segelintir manusia, mungkin seorang ataupun berdua.

Jadi kalau diperhatikan perkara ini sungguhpun legal, tetapi saya rasa masalah moral ada juga. Bagaimana seorang pegawai kanan yang dia sendiri telah merancang, ia sendiri ketahui apakah kehendak-kehendak Perbadanan ini di dalam satu masa kelak mereka ini telah tahu tiap-tiap pegawai di dalamnya yang juga rakan sejawat diwaktu dahulu, mereka ini telah tahu akan rahsia-rahsia di dalamnya. Tentulah mereka ini yang berjaya untuk mendapatkan tawaran-tawaran, jadi Kerajaan seharusnya memandang berat di atas perkara ini dan sepatutnya meletakkan satu peraturan bahawa pegawai-pegawai yang berhenti daripada suatu organisasi itu tidak harus dibenarkan mengambil kesempatan dengan membuat tawaran-tawaran di dalam tender Perbadanan seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, suatu lagi yang sangat menarik perhatian saya ialah mengenai dengan suatu Syarikat Amanah di sesebuah negeri yang saya tidak mahu sebutkan namanya. Ini juga kepada saya merupakan satu penyelewengan kerana tidak ada peraturan yang tertentu, tidak ada garis-garis kasar yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan bagaimana organisasi seperti Syarikat Amanah ini menjalankan kegiatannya. Syarikat ini telah ditubuhkan di sesebuah negeri di bawah galakkan Kerajaan Negeri sendiri. Kerajaan Negeri telah memberikan pinjaman sebanyak \$2 juta kepada Syarikat Amanah itu. Kemudian oleh kerana tujuan Syarikat Amanah ini ialah hendak memberi peluang seluas-luasnya kepada bumiputra untuk bergiat di dalam perusahaan perkayuan, maka beratus ribu ekar telah diberi kepada Syarikat Amanah itu. Syarikat Amanah ini telah dijalankan oleh beberapa orang pemegang amanah. Di dalam tahun 1978 Syarikat ini telah diberi lagi satu kawasan balak, jikalau dinilai 501 ekar sahaja harga sebenarnya lebih kurang \$600 atau \$700 sudah bernilai \$45 juta.

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah mudah bagi sesebuah syarikat ataupun orang perseorangan untuk mendapat satu kawasan begitu luas yang bernilai \$45 juta. Dengan

harga yang bernilai \$45 juta kepada kawasan yang begitu luas Syarikat Amanah ini sepatutnya boleh mengadakan kompleks perkayuan ataupun setidak-tidaknya membantu pekilang-pekilang kayu bumiputra di dalam negeri berkenaan yang keadaannya hidup segan mati tidak mahu. Tetapi malangnya Syarikat Amanah yang saya maksudkan ini telah mengambil tindakannya sendiri, tindakan oleh pemegang-pemegang amanah yang tidak mempertimbangkan langsung kepentingan rakyat yang telah memberikan amanah kepada mereka. Dengan tindak-tanduk mereka sendiri mereka bersetuju membeli saham daripada sebuah syarikat lain iaitu syarikat kilang bukan bumiputra. Dan Syarikat bukan bumiputra ini mempunyai harta ketika itu hanya lebih kurang \$8 juta. Saya fikir barangkali Tuan Yang di-Pertua juga sependapat dengan saya kepada Syarikat Amanah yang hendak membeli 51% saham, saham yang telah dibayar dan syarikat yang sahamnya hendak dibeli cuma mempunyai harta \$8 juta sahaja, maka tentulah pembayarannya yang dikehendaki ialah di dalam lengkongan \$4 juta lebih sedikit. Tetapi syarikat ini telah menyerah-hakkan seluruh kawasan balak ini kepada syarikat usahasama. Bermakna Syarikat Amanah ini telah menilaikan kawasan yang diberikan itu sebanyak \$50 satu ekar. Selama hidup saya, saya tidak pernah mendengar ada kawasan hutan dara yang tempatnya tempat terpilih yang berharga \$50 satu ekar. Kalau perkara ini disiasat, perkara ini benar pada segi undang-undang dan kalau kita mempunyai syarikat, dan kalau Lembaga Pengarah bersetuju hendak memberikan esset kepada sesiapa pun—tidak salah. Tetapi bagaimana pada segi moral? Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada keadaan seperti ini terus berlaku kita harus memikirkan apakah kesan-kesannya:

- (1) terhadap perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru;
- (2) apakah kesannya terhadap perpaduan orang Melayu sendiri; dan
- (3) bagaimanakah imej Kerajaan di mata orang ramai di dalam berlakunya perkara seperti ini.

Saya harap oleh kerana perkara seperti ini boleh menjejaskan matlamat Kerajaan untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, maka perkara seperti ini haruslah diambil perhatian. Kerajaan patutlah mengadakan suatu peraturan-peraturan, mengadakan

garis-garis kasar bagaimana pertumbuhan-pertumbuhan seperti ini harus menjalankan kegiatannya supaya bukan sahaja wang Kerajaan itu dibazirkan akan tetapi jikalau perjalanan ini benar maka segala perancangan Kerajaan itu tidaklah disia-siakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar.

5.00 ptg.

Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong bersama-sama ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 19hb Mac, 1979, ketika membentangkan usul bagi meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Kita telah melancarkan Rancangan Malaysia Yang Pertama dan Rancangan Malaysia Kedua. Tujuannya telah dicapai dan hasilnya kita dapat melihat banyak infrastruktur telah diadakan dan sumber hasil negara kita terutamanya dalam bidang pertanian berkembang pesat dan rakyat merasai nikmatnya. Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan dengan tujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat kita sebagaimana yang kita tahu Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru ini adalah percubaan (experiment) raksaksa yang amat berani sekali. Kita tidak sanggup melihat rancangan ini gagal dan dari sekarang kita mestilah memastikan yang kegagalan itu tidak akan berlaku. Rancangan ini akan memberi kesan yang amat besar kepada jenerasi rakyat Malaysia akan datang. Kalau gagal, rakyat kita akan menghadapi masa depannya yang gelap, penuh dengan bahaya dan penderitaan. Kita semua tentu tidak ingin perkara ini akan berlaku. Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajiban setiap warganegara berusaha untuk menjayakannya. Pihak Kerajaan pula mestilah tegas dalam perkara ini kerana ini akan menentukan masa depan negara, rakyat, pemerintah dan anak cucu kita. Kita tidak mahu anak cucu kita menderita dan menyalahkan kita kemudian hari. Ingatlah kegagalan kita hari ini ertinya kehancuran mereka pada masa hadapan.

Tujuan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang kita semua memberi pandangan sekarang ini adalah jelas sebagaimana yang diterangkan oleh Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu untuk meninjau perkembangan, memerhatikan kelemahan dan kekurangan serta kemajuannya. Walau sekalipun pihak Kerajaan mengambil berat dalam hal ini tetapi adalah diharap Kerajaan akan mengambil perhatian yang lebih berat dan lebih serius lagi terhadap pelaksanaan oleh jentera-jentera pentadbiran, baik di peringkat Federal mahupun di peringkat Negeri, khususnya di peringkat Daerah mulai dari sekarang. Ini ialah kerana jangka masa yang masih tinggal amatlah singkat, iaitu hanya dua tahun sahaja lagi.

Jika diperhatikan laporan yang disediakan dalam soal pertumbuhan ekonomi kita hendaknya janganlah memandang kepada angka-angka sahaja, umpamanya pendapatan per kapita tahun 1975 ialah sebanyak \$1,304 dan tahun 1978 sebanyak \$1,644. Kita mesti kaji hakikat atau kenyataan yang sebenar dan saya sendiri berasa ragu kerana angka-angka itu tidak membayangkan pendapatan seluruh rakyat yang sebenarnya.

Apa yang saya faham dari segi pengalaman saya bercampur-gaul dengan orang-orang kampung di luar-luar bandar yang terdiri dari petani-petani, penoreh-penoreh getah pendapatan mereka keseluruhannya hanya sebanyak \$70 hingga ke \$100.

Kemiskinan masih amat berleluasan di kalangan peladang-peladang, petani-petani dan nelayan-nelayan. Kehidupan mereka jauh ketinggalan dari golongan atau sektor yang lain di samping kurang segala kemudahannya yang disediakan oleh Kerajaan. Walau sekali pun sudah ada rancangan untuk meninggikan taraf hidup mereka tetapi banyak lagi yang harus dibuat kerana mereka merupakan golongan kemiskinan yang terbesar. Rakyat Malaysia, terutama kaum bumiputra kebanyakannya terdapat dalam sektor pertanian yang menjadi asas ekonomi negara kita. Walau sekalipun masyarakat sedang mengalami perubahan ke arah perindustrian tetapi pertanian masih dan akan kekal menjadi sumber utama ekonomi negara kita. Jadi sewajarnya diberi perhatian yang lebih untuk meningkatkan lagi taraf mereka di luar bandar dan ini selaras pula dengan tujuan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan menyusun semula masyarakat Malaysia dan mengurangkan jurang perbezaan.

Sungguhpun ekonomi negara kita tumbuh dengan pesat dengan kadar 8.7% setahun tetapi saya berharap perkembangan ini dapat

menyeluruh untuk diikuti oleh seluruh rakyat, khasnya mereka yang tinggal di luar bandar. Sayugia diingatkan bahawa masa untuk melaksanakan penyertaan 30% bumiputra dalam perusahaan masih tinggal hanya 10 tahun sahaja iaitu dua kali sahaja lagi Rancangan Lima Tahun Malaysia boleh diadakan.

Salah satu cara-cara meninggikan lagi golongan pendapatan rendah dan melibatkan peladang-peladang, petani-petani dan nelayan-nelayan dalam pembangunan dengan cara keseluruhan ialah syarikat kerjasama, baik dalam sektor nelayan, petani mahupun peladang. Kegiatan syarikat kerjasama yang ada sekarang masih kekurangan. Saya cadangkan ini mestilah dikaji dan diperbaiki. Bilangan syarikat kerjasama perlulah ditambahkan lagi sehingga menyeluruh dan bimbingan yang berkesan perlu diberikan. Melalui syarikat kerjasama, para peserta syarikat ini hendaklah betul-betul rasa terlibat secara langsung dengan gerakan pembangunan yang dilancarkan oleh Kerajaan. Kerajaan juga mesti terlibat sama dalam gerakan ini kerana kejayaan ahli-ahlinya bererti kejayaan rancangan Kerajaan. Kita tahu ada beberapa lembaga dan agensi seperti Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC), FIDA, RISDA, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), MAJUTERNAK dan MAJUIKAN yang menolong dalam pemasaran, kajian pinjaman dan lain-lain tetapi setakat manakah Kerajaan boleh bekerja dengan sungguh dan sejauh manakah pula boleh berjaya. Usaha-usaha ini masih tidak mencukupi memandang luasnya bidang pertolongan dan bantuan yang diperlukan oleh golongan rakyat yang terbesar itu.

Pada hemat saya Kerajaan mestilah melipatgandakan rancangan syarikat kerjasama di kalangan peladang, nelayan dan petani. Kerajaan hendaklah menumpukan segala kegiatannya di tempat di mana golongan itu berada melalui syarikat kerjasama yang merangkumi segenap aspek perkhidmatan. Usaha untuk meningkatkan lagi taraf hidup mereka mestilah difikirkan dari sekarang untuk dimasukkan di bawah Dasar Pertanian Baru yang sedang dibentuk, juga untuk Rancangan Malaysia Keempat yang akan dilancarkan nanti.

Perkara pokok yang hendak ditegaskan ialah cara memperbaiki taraf mereka dari golongan yang kurang bernasib baik itu. Jika perlu Kerajaan hendaklah mengubah aliran rancangan sekarang untuk menyesuaikan dengan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga walaupun dengan mengadakan perubahan yang radical. Ini bermakna juga jika perlu pemikiran rakyat pun hendaklah diubahsuaikan.

Selagi golongan peladang, petani dan nelayan masih ketinggalan dengan pendapatan mereka yang rendah itu selagi itulah pencapaian 30% bumiputra dalam penyertaan ekonomi negara tidak akan tercapai. Adalah dinyatakan saham-saham orang Melayu atau bumiputra dalam sektor syarikat perusahaan yang besar telah bertambah kepada 10.3% tetapi di samping itu saham yang dimiliki oleh rakyat Malaysia yang lain termasuk penduduk asing telah lagi bertambah 43.7%. Ini menunjukkan perbezaan yang amat jauh. Jika syarikat kerjasama telah menjadi kuat dan kukuh dari segi kewangan maka peranan syarikat-syarikat kerjasama luar bandar dapat berkembang meliputi pembelian saham-saham dan dengan cara ini bertambahlah penglibatan orang-orang Melayu dalam pasaran saham.

Perusahaan kecil yang memainkan peranan penting dalam proses pembangunan ekonomi negara dan ia juga merupakan strategi yang berkesan bagi pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Tetapi pada umumnya pihak-pihak yang berkuasa lebih mengutamakan perusahaan yang besar dan sederhana (export-orientated). Saya bersetuju dengan langkah tersebut kerana bertambahnya peluang-peluang bekerja dalam negara tetapi pada hemat saya sewajarnya Kerajaan patut juga menimbang:

- (a) menggubal dan mewujudkan satu polisi kebangsaan berkenaan perusahaan kecil serta mengatur perancangan yang bersesuaian baginya;
- (b) menubuhkan satu institusi khas misalnya Perbadanan Pembangunan Perusahaan Kecil (Small Enterprise Development) bagi membimbing, mengembang dan memajukan perusahaan-perusahaan kecil dengan mempunyai

tugas semata-mata untuk meningkat lagi perusahaan kecil.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka menyentuh berkenaan pembangunan. Saya mengambil peluang di sini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan yang telah meluluskan bekalan api-letrik di kawasan saya Kuala Kangsar yang mana bekalan telah diperuntukkan daripada Kampung Kuah Jeliang hingga ke Ara Panjang dan dari Bendang Kering terus ke Menora dan seluruh kawasan Beluru dengan anggaran perbelanjaan \$356,293 dan sebuah masjid di Kampong Manong sebanyak \$50,000 dan dengan ini saya mohon kepada pihak Kerajaan supaya perlaksanaannya, sumbangan yang telah diberikan itu agar dapat dibuat dengan secepat mungkin.

Selain daripada itu, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pelajaran iaitu berkenaan dengan keadaan sekolah-sekolah di negeri Perak, khususnya di kawasan saya iaitu di Kuala Kangsar.

Yang pertama, Sekolah Kebangsaan Talang, Kuala Kangsar dan yang kedua, Sekolah Kebangsaan Raja Perempuan Mazuin, Bukit Chandan, Kuala Kangsar. Bangunan sekolah, kantinnya dan bilik perpustakaan tidak sesuai lagi dan menyedihkan. Dan yang ketiga, Sekolah Menengah Raja Perempuan Kelsom juga di Kuala Kangsar yang mempunyai murid lebih 800 orang tanpa padang permainan dan sekolah ini difahamkan telah ditambah bangunannya untuk tujuan menampung ramai lagi murid yang di jangka mendaftar untuk tahun 1979. Tetapi bangunan tambahan itu difahamkan terbengkalai begitu sahaja hampir tiga tahun dengan tidak diketahui sebab-sebabnya. Maka murid-murid yang di jangka belajar ke sekolah ini telah mencari sekolah yang lain sebab tidak mendapat tempat.

Saya juga ingin menyentuh tentang matapelajaran Ugama Islam yang nampaknya ditinjau dari keputusan SRP dan SPM terlalu lemah dan saya menyeru pihak Kerajaan supaya memperkembangkan matapelajaran ini dan dipergiatkan lagi.

Selain daripada itu, kawasan saya iaitu Bandar Di Raja Kuala Kangsar, Perak tidak ada satu sekolah ugama menengah yang didapati benar-benar bagi menampung murid-murid yang ingin maju di bidang ugama yang

dibiayai oleh Kerajaan dan saya mohon pihak Kerajaan memberikan perhatian yang serius terhadap perkara ini.

Pada Kementerian Kesihatan izinkan saya menyentuh tentang rumah-rumah Attendant Hospital yang terdapat di kawasan saya adalah sangat menyedihkan bagi mereka yang mempunyai keluarga 3, 4 atau 5 orang anak kerana rumah-rumah berek yang dikhaskan kepada mereka itu tidak dapat menampung keluarga yang begitu ramai. Jadi, saya harap satu perubahan mengenai rumah-rumah berek ini kerana sudah sampai masanya diberikan perhatian dan tindakan yang sewajarnya patutlah diambil.

Saya juga mengambil kesempatan selanjutnya menyentuh berkaitan dengan lebuhraya dalam Bendang Kering ke Parit yang mana dimulakan sejak 15 tahun dahulu kerjanya masih belum siap. Pangkal jalan yang mula dikerjakan dahulu telahpun menjadi rosak dan menjadi tanda tanya kepada pengundi-pengundi, mengapa hal kerja yang banyak bukan sahaja jalan tetapi rancangan-rancangan yang lain yang dijalankan oleh kontrek-kontrek terbengkalai begitu sahaja di tengah-tengah kerja yang sedang dikerjakan tanpa memberi sebab-sebab mengapa berlakunya terbengkalai tadi. Wang peruntukan sudahpun disediakan dan diumumkan jadi jika kontrek-kontrek ini menyeleweng kita haruslah mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka.

Saya berharap bukan sahaja apa yang terdapat di kawasan saya yang patut diberikan perhatian bahkan secara menyeluruh supaya semua apa yang dijanjikan oleh Kerajaan terlaksana seperti yang dirancangan pada mulanya.

Saya ingin mengesyorkan adalah lebih elok kita sudahkan rancangan-rancangan yang mana masih belum siap daripada kita merencanakan yang baru yang agak sama faedahnya supaya dapat kita berhubung dan mengikuti perkembangan rakyat yang jauh-jauh di luar bandar yang terpencil dan apa yang kita kata terkotalah walaupun lambat dari masa yang dijangkakan.

Saya mengakhiri satu lagi tinjauan saya terhadap Pasukan Sukarela Simpanan Polis (Police Volunteer Reserves). Mengikut tugas mereka hanya dihadkan kepada 48 jam sebulan dan dengan gaji atau elaun mereka mengikut pangkat-pangkat biasanya sehingga

pegawai adalah di antara 40 sen hingga 60 sen satu jam sahaja. Saya mohon gaji mereka yang masih seperti mana tahun 1966 itu dikaji semula dan masa bekerja 48 jam itu dipanjangkan lagi supaya mengurangkan jenayah-jenayah yang kian menjadi di masa ini.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Alor Setar.

5.15 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Sungguh menggembirakan mendengar bahawa peranan eksport-eksport yang kukuh itulah yang telah menjadi dorongan yang terbesar kepada ekonomi bagi tahun-tahun sembilan belas tujuh puluh enam—sembilan belas tujuh puluh lapan (1976—1978), dan ekoran dari ini, eksport-eksport telah menunjukkan kadar perkembangan purata tahunan sebanyak dua puluh dua peratus (22%) berbanding dengan matlamat bagi Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak tiga belas persepuluh enam peratus (13.6%).

Peranan eksport yang bertambah baik ini, bolehlah dipersebabkan kepada berlebihannya eksport barangan-barangan perkilangan kita dan harga-harga getah kita, bijih timah, minyak kelapa sawit dan pengeluaran-pengeluaran daripada kayu kayan yang lebih mahal itu. Saya dapati daripada Kajian Ulangan ini, bahawa eksport-eksport barangan-barangan perkilangan yang telah berkembang maju pada kadar purata tahunan sebanyak dua puluh tiga persepuluh enam peratus (23.6%) itulah yang telah menjadikannya lebih kurang satu per lima (1/5) daripada jumlah eksport-eksport kasar.

Memandang kepada cara-cara sekarang di mana di antara Negara-negara yang telah maju mengambil sikap dasar-dasar pelindung, amatlah mustahak sekali, serta wajib bagi Negara kita mempergiatkan tenaga untuk mendapatkan jalan keluar yang lebih baik

kepada pasarannya dan juga mencari dan menyiasat pasaran-pasaran baru bagi barangan-barangan perkilangannya supaya negara kita tiada payah bersabar lagi dengan telatah Negara-negara yang telah maju itu. Ke arah ini, Malaysia khususnya dan negara-negara ASEAN pada amnya, hendaklah menyelaraskan keazaman mereka mengambil suatu dasar perdagangan yang boleh mendatangkan faedah kepada ASEAN pada keseluruhannya.

Mesyuarat di Jakarta baru-baru ini bagi membincangkan dasar penerbangan yang diamalkan oleh Australia, walaupun tiada mendatangkan kemenangan menyeluruh kepada ASEAN, telah menunjukkan dengan jelasnya, di mana ada kemahuan dan semangat mahu bekerjasama sesama kita di mana tiap-tiap negeri bersedia meletakkan kepentingan serantau ke atas kepentingan negara, ASEAN dapat memainkan peranan yang penting di dalam ekonomi dunia, sebagaimana yang kita semua mengetahui, ASEAN, pada keseluruhannya, mengeluarkan lapan puluh peratus (80%) daripada bijih timah dan getah di dalam pasaran dunia dan kita juga menyumbangkan berapa banyak minyak kelapa sawit dan kayu kayan kepada dunia.

Kejadian baru-baru ini mengenai perbala han MAS-AEU telah menunjukkan dengan nyata sekali bahawa melainkan negara-negara kecil yang sedang membangun bersatu padu dan berbaris sebagai suatu barisan hadapan yang bersatu padu, kita akan sentiasa digugat, diganggu oleh Kesatuan bercorak militan (Militant Unionism), "Budak-budak" Kesatuan berkulit putih sebagai "Kangaroo Wilson" dari "Australia, "Meany George" atau George Meany daripada Amerika Syarikat atau "Pumpkin Lewis" daripada England, berpura-pura bercorak Demokratis atau peri-kemusiaan dan sebagai persaudaraan kesemua pekerja-pekerja di dalam dunia, mereka mahu memeras-ugut negara-negara kecil yang sedang membangun dan tiada menghiraukan perjalanan undang-undang negara itu. Sekiranya "abang-abang" berkulit putih itu sebegitu sekali menitik berat akan hal ehwal saudara-saudara sekerjanya sedunia, saya suka mencadangkan bahawa Kesatuan Australia itu patut meminta Kerajaannya mengadakan gaji-gaji yang lebih baik, pelajaran dan peluang-peluang kerja kepada orang-orang asli (immigrant dengan

Italian) mereka jika tidak hendaklah mereka letakkan alat-alat kerja mereka. George Meany hendaklah maklumkan kepada "Peanut Carter" bahawa melainkan saudara-saudara Negro mereka dan Red Indians diberi cara-cara peri-kemanusiaan yang lebih baik, sekalian pekerja-pekerja akan meletakkan alat-alat kerja mereka. "Pumpkin Lewis" patut beritahu James Gallagher melainkan Kerajaan British/Inggeris beri lebih peri-kemanusiaan dan hak-hak asasi demokratis kepada Irish Republicans atau saudara-saudara Scottish, sekalian pekerja-pekerja mereka akan letakkan alat-alat kerja. Ringkasnya, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang ini bukan bertutur melalui mulut-mulut mereka, tetapi ialah melalui, maafkan bahasa saya (*dengan izin*) talking through their arses. Mereka tiada menghiraukan pekerja-pekerja kita tetapi cuma hiraukan diri mereka sendiri. Saya berharap pekerja-pekerja kita akan berakal budi untuk menyelesaikan masalah-masalah mereka sesama sendiri daripada mereka dipermainkan oleh pihak yang kononnya digelar "Pembela" (Champion).

Ada suatu bidang di dalam Rancangan Malaysia Ketiga di mana Kerajaan mesti memberi perhatian khas lagi cermat iaitu manakala mempertimbangkan pengambilan masuk ke institusi-institusi pelajaran tertinggi, saya telahpun menyuarkan terlebih dahulu di dalam Dewan ini, bahawasanya bukanlah kesemua warganegara Malaysia daripada keturunan Cina berkemampuan menuntut di luar negeri. Mereka yang tiada berkemampuan hendak pergi ke luar negeri kenalah bergantung kepada Universiti-universiti tempatan kita.

Kajian Separuh Penggal menyatakan iaitu di dalam tahun 1978, angka kemasukan bumiputra ke dalam institusi-institusi tempatan ialah sebanyak dua puluh tiga ribu enam ratus delapan puluh tujuh (23,687) atau tujuh puluh perpuhan tujuh peratus (70.7%) daripada jumlah kemasukan sedangkan warganegara Malaysia dari keturunan Cina ialah lapan ribu dua ratus sembilan puluh satu (8,291) atau dua puluh empat perpuhan tujuh peratus (24.7%), warganegara Malaysia dari keturunan India ialah seribu tiga ratus dua puluh dua (1,322) atau empat peratus (4%) dan lain-lain warganegara Malaysia ialah dua ratus satu (201) atau perpuhan enam peratus (0.6%). Jika diperhitungkan

angka-angka kemasukan ke dalam institusi-institusi swasta dan luar negeri, perangkaan bumiputra akan menjadi empat puluh empat perpuhan lapan peratus (44.8%) dan warganegara Malaysia dari keturunan Cina akan menjadi sebanyak empat puluh empat perpuhan sembilan peratus (44.9%). Eloklah juga sekiranya diambil tahu jika empat puluh empat perpuhan sembilan peratus ini termasuk murid-murid yang mempelajari pelajaran separuh ikhtisas seperti, jururawat, gunting rambut, solek-menyolek. Jika murid-murid ini termasuk di dalam perangkaan ini maka ini tiadalah saksama.

Saya rasa patut diadakan kajian yang betul untuk mententeramkan kebimbangan Warganegara-warganegara kita, khasnya keturunan Cina.

5.25 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang digariskan dalam Dasar Ekonomi Baru Kerajaan tujuannya ialah untuk membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

Strategi ke arah pencapaian dasar itu ialah berusaha meninggikan kemajuan ekonomi dan juga menghapuskan pengenalan kaum berasaskan status ekonomi. Matlamat ini adalah jelas kepada kita dari segi ianya sebagai satu program untuk mengatasi masalah kemiskinan dan kepincangan dalam susunan struktur ekonomi masyarakat kita. Tujuan tersebut tidaklah merupakan tujuan yang perlu diberi ulasan yang lebih lanjut justeru ianya jelas dapat difahami, tetapi untuk dijadikan DEB ini sebagai satu program yang bertujuan membentuk satu cara hidup baru bagi rakyat Malaysia sudah tentulah perkara ini perlu diteliti dengan lebih mendalam lagi.

Masalahnya apakah wajar, benar dan memadai cara hidup masyarakat Malaysia yang hendak kita bina itu diasaskan semata-mata di atas kemajuan ekonomi apakah kemajuan ekonomi itu merupakan jaminan hakiki untuk mewujudkan kestabilan, keamanan, kesejahteraan serta perpaduan rakyat Malaysia?

Saya sedar DEB menjadi tumpuan terbesar kegiatan Kerajaan Barisan Nasional. Tumpuan terbesar itu menjadi bukti bahawa DEB

menjadi teras ke arah membentuk satu cara hidup bagi rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Sesungguhnya dalam aspek yang lebih luhur dalam kehidupan manusia yang bertamadun tinggi selain daripada hanya untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan kemajuan ekonomi negara. Arah yang hendak dituju dan di bawa oleh DEB masih lagi samar.

Menurut kenyataan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga ekonomi Malaysia sedang mengalami pertumbuhan dan kemajuan yang pesat bagi tempoh 1976 hingga 1978. Kadar pertumbuhan ekonomi pada keseluruhannya adalah sebanyak 8.7% setahun. Kadar ini melebihi matlamat RMT sebanyak 8.4%, setahun, meskipun kadar pertumbuhan untuh tahun 1977 dan 1978 mengalami kemerosotan jika dibandingkan dengan kadar pertumbuhan 1976. Tetapi adakah pertumbuhan ini mengembang menuju ke arah penyusunan semula masyarakat atau mengukuhkan lagi struktur masyarakat sebelum 13 Mei, 1969. Inilah masalah pokok yang perlu dijadikan tumpuan perhatian dalam menentukan kejayaan sebenar DEB. Adakah perkembangan ekonomi negara kita sekarang ini menuju ke arah menghapuskan pengenalan kaum berasaskan status ekonomi atau ia menambah nyatakan lagi pengenalan itu berasaskan status tersebut. Inilah aspek penting yang tidak dikatakan dengan jelas dalam Kajian Separuh Penggal RMT meskipun dengan diketahui bahawa aspek inilah yang terpenting dalam DEB.

Apakah dalam kajian ini menyatakan dengan jelas mengenai aspek itu memberi makna bahawa rancangan-rancangan dan projek-projek pembangunan sekarang ini tidak lahir sebagai tenaga yang berkesan bagi menghasilkan penagihan imbalan pendapatan antara kaum dan menghapuskan pengenalan kaum berasaskan status ekonomi masing-masing?

Salah satu strategi Kerajaan bagi penyusunan semula masyarakat ialah dengan menambah dengan penglibatan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perusahaan sehingga mencapai kadar 30% dalam masa 20 tahun mulai daripada 1970 sehingga 1990. Matlamat ini sedang menampakkan bayang keagalan yang kian bertambah nyata dengan

kadar pencapaian yang rendah dalam masa RMK dan juga RMT. Struktur sebelum 13 Mei terus wujud dan penglibatan bumiputra dalam perniagaan dan perusahaan masih dan tetap ditahap lama jika dibandingkan dengan perkembangan sektor perdagangan dan perindustrian negara kita umumnya. Penglibatan ekuiti oleh bumiputra dalam semua projek yang diluluskan telah berkurangan dalam RMT, demikian juga pelaburan modal bumiputra perseorangan dalam projek-projek besar telah juga berkurangan. Pemilikan saham bumiputra perseorangan dalam tempoh RMT tidak bertambah dari kadar 3.6% yang dicapai dalam tahun 1975, sedangkan pemastautinan Malaysia telah meningkat saham mereka dari \$2.2 ribu juta atau 34% dalam tahun 1971 kepada \$9.2 ribu juta atau 43% dalam tahun 1978.

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga kemajuan dalam usaha menambahkan ekuiti bumiputra dalam syarikat-syarikat perdagangan dan perindustrian tidak mencapai kemajuan. Usaha-usaha untuk melibatkan bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian ini sebahagian besarnya di amanahkan kepada agensi-agensi Kerajaan seperti UDA, MARA dan sebagainya iaitu sebagai salah satu daripada langkah Kerajaan untuk menolong bumiputra dengan melibatkan diri atau penyertaan langsung Kerajaan dalam bidang perdagangan dan perusahaan dengan menubuhkan agensi-agensi tersebut sebagai saluran untuk menolong bumiputra. Tetapi mengapakah agensi-agensi ini seolah-olahnya wujud terasing daripada masyarakat bumiputra, dengan pengertian kewujudannya tidak memberi kesan yang bermakna dalam menambahkan kadar penglibatan bumiputra perseorangan dalam bidang perdagangan dan perusahaan yang menjadi matlamat sebenarnya yang hendak dicapai menerusi Dasar Ekonomi Baru. Sungguhpun kadar penglibatan kepentingan bumiputra bertambah tetapi ini bukanlah sasaran sebenarnya Dasar Ekonomi Baru. Syarikat-syarikat dan perbadanan-perbadanan yang dimiliki oleh kepentingan bumiputra adalah milik Kerajaan dan kewujudannya tidak dapat dikira secara sebenarnya sebagai milik bumiputra sahaja bahkan ia adalah milik semua

rakyat Malaysia. Kewujudan perbadanan-perbadanan dan syarikat-syarikat ini hanyalah sebagai saluran menambahkan penglibatan bumiputra perseorangan dalam lapangan perdagangan dan perusahaan. Apabila saluran ini tidak mengalirkan sesuatu yang menambahkan kadar penglibatan bumiputra dalam sektor perdagangan dan perusahaan kita sepatutnya bertanya apakah yang telah terjadi padahal peruntukan yang telah dibuat untuk agensi-agensi Kerajaan ini ialah besar?

Pada tahun 1977 sahaja sebanyak \$417 juta telah dibelanjakan dan dalam tahun 1978 kadar perbelanjaan ini bertambah kira-kira 32% . Apakah saluran yang dibentuk untuk menyalurkan keupayaan bumiputra memasuki lapangan perdagangan dan perusahaan ini sebenarnya telah rusak sehingga apa yang hendak disalurkan itu tidak sampai ke tangan bumiputra atau apakah saluran ini mengalirkan sesuatu yang tidak dapat diterima oleh bumiputra atau tidak mencukupi sehingga merugikan penerimanya ataupun bahawa penyaluran itu pincang? Apa juga andainya yang dibuat pada masa sekarang ini natijahnya sama iaitu penglibatan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perusahaan masih ditahap yang lama juga dibandingkan dengan perkembangan sektor perdagangan dan perusahaan di negara kita.

Kenyataan yang disebutkan di atas memaksa kita bertanya lagi dan meletakkan tandatanya yang besar di hadapan agensi-agensi Kerajaan yang diamanahkan untuk memastikan penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Apakah agensi ini hanya berjaya mengambil bumiputra berkelulusan tinggi sebagai pegawai-pegawai eksekutif sedangkan ianya gagal mewujudkan rangkaian perdagangan yang dapat dijadikan tempat bumiputra berpaut dalam persaingan di dunia perdagangan dan perusahaan? Demikianlah tandatanya yang besar yang harus diletakkan di hadapan agensi-agensi Kerajaan tersebut yang diamanahkan untuk menolong bumiputra menceburkan diri dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Sudah tentulah jawapan-jawapan boleh didapati dalam agensi tersebut. Kalau tidak, masakan sudah sekian lama masalah penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perusahaan dibincangkan

dan setahun bermelion-melion juta dicurahkan penyertaan bumiputra masih juga di peringkat yang lama. Dan untuk mendapatkan jawapan tersebut agensi-agensi Kerajaan ini mestilah dikaji semula dan siasat perjalanan dengan saksama dan meneliti semula rancangan yang telah dijalankan dan diselidiki adakah ianya dirancangkan dan dilaksanakan untuk memenuhi Dasar Ekonomi Baru atau hanya untuk kepentingan sementara golongan-golongan yang mempunyai vested interest atau lain-lain faktor yang menghalang kejayaan rancangan itu untuk menempatkan bumiputra dalam dunia perdagangan dan perusahaan? Sama ada rancangan-rancangan itu dibuat lahir daripada niat yang baik atau sebaliknya? Pada pendapat saya Kerajaan hendaklah menubuhkan suruhanjaya penyiasat bagi menyiasat, mengkaji dan meneliti aktiviti-aktiviti dan peranan-peranan badan-badan ini untuk mencari asas-asas baharu dalam usaha meningkatkan penglibatan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perusahaan menerusi agensi-agensi yang telah ditubuhkan itu. Ini adalah soal penting dan menyentuh kejayaan atau kegagalan matlamat pokok Dasar Ekonomi Baru dan kita sudah tentu tidak sanggup melihat dalam masa 5 atau 10 tahun yang akan datang kadar penglibatan bumiputra dalam perdagangan dan perusahaan masih kekal angka 3.6% juga sedangkan impian yang hendak dicapai begitu tinggi iaitu 30% dan untuk terus membuai atau menyedapkan hati bumiputra laporan-laporan untuk Rancangan-rancangan Malaysia Keempat atau Kelima terus mencatatkan peratus-peratus tinggi hanya dalam jangkaan-jangkaan sahaja; jangkaan untuk hadapan yang belum diketahui apa sebenarnya yang akan berlaku. Jika laporan itu dikeluarkan dalam tahun 1980 laporan itu lebih menampakkan kejayaan untuk tahun 1981 untuk menyedapkan hati sahaja.

Kerajaan mungkin berkata, Kerajaan berpuas hati dengan peranan agensi-agensi yang telah ditubuhkan itu. Kalau pun angka dan kadar ianya bergerak menuju matlamat sama kadarnya dengan tahun 1975 tetapi adakah Kerajaan dapat menutup dan mengabui mata bumiputra dalam menghadapi reality hidup mereka yang miskin dan menderita dan angka kegagalan 3.6% itu

masih kekal dalam laporan-laporan tersebut sedangkan ratusan, bahkan ribuan juta ringgit wang rakyat dibelanjakan menerusi badan-badan dan perbadanan-perbadanan yang disebutkan.

Selain daripada langkah-langkah yang berkesan perlu diambil untuk menyusun semula agensi-agensi Kerajaan ini terutamanya mengubahkan peranannya daripada berorientasikan pentadbiran kepada orientasi perdagangan dan perusahaan Kerajaan perlu memikirkan dengan serius penubuhan institusi kewangan yang mempunyai sistem yang khas untuk menolong bumiputra melibatkan diri dalam bidang yang telah disebutkan berulang kali tadi. Institusi kewangan ini ialah yang berasaskan kepada prinsip-prinsip Islam yang telahpun di laksanakan dengan jayanya di setengah-setengah negara Islam. Saya percaya dengan penubuhan institusi kewangan seperti ini akan memberi pertolongan yang besar kepada bumiputra dan perubahan besar akan berlaku dalam sejarah penglibatan mereka dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Sehingga ini saya sungguh merasa hairan mengapa Kerajaan teragak-agak untuk menubuhkan institusi kewangan yang berasaskan prinsip Islam yang dapat memberi pertolongan yang lebih bermakna dan berkesan kepada bumiputra.

Kerajaan seperti mana yang dicatitkan dalam Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga berbangga dengan bertambahnya bilangan bumiputra menerima pinjaman yang disediakan oleh institusi kewangan yang ada dan menganggap ini sebagai satu kejayaan, tetapi pada hakikatnya pinjaman yang diberikan itu belum dapat dijadikan ukuran kejayaan bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perusahaan kerana laporan ini belum mengambil kira berapa banyak bunga yang mesti dibayar oleh bumiputra dalam pinjaman itu, berapa banyak yang dapat memanfaatkan sepenuhnya pinjaman itu dan berapa banyak pula yang muflis akibat pinjaman tersebut. Adakah bantuan kredit di dalam sistem sekarang ini sebenarnya merupakan peluang kepada bumiputra yang masih lemah dalam bidang perdagangan ataupun meluaskan lagi bidang penindasan dan eksploitasi ke atas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga pekebun-pekebun kecil getah yang sebahagian besarnya terdiri daripada bumiputra merupakan 25.5% daripada jumlah isi rumah yang miskin. Kadar kemiskinan di kalangan mereka dianggarkan berkurangan daripada 59% dalam tahun 1975 kepada 48% dalam tahun 1979.

Ternyata daripada kenyataan yang ada bahawa bertambah atau berkurangnya kadar kemiskinan di kalangan mereka dipengaruhi oleh harga getah. Ada dua aspek yang menentukan harga getah ini. Pertama, permintaan pengguna-pengguna; yang kedua ialah daya pengeluaran dan mutu pengeluaran pekebun-pekebun kecil.

Bertambahnya permintaan pengguna bukannya merupakan kesan yang jelas daripada RMT kerana itu kekurangan kadar kemiskinan di kalangan pekebun-pekebun kecil tidaklah dapat dianggap sebagai kejayaan RMT secara mutlak, kerana ia bergantung kepada mood pengguna-pengguna yang tidak tertakluk kepada RMT di dalam menentukan kadarnya. Yang dapat dikatakan kesan secara langsung ialah dengan pengeluaran dan mutu yang mungkin dapat di anggap sebagai hasil usaha yang dijalankan oleh RISDA dan lain-lain agensi Kerajaan. Tetapi sejauh manakah usaha-usaha ini telah benar-benar meningkatkan mutu dan daya pengeluaran pekebun-pekebun kecil secara menyeluruh dan berkesan dan kedudukan mereka sebenarnya berada di dalam keadaan yang tidak tetap yang mendorong pemuda-pemuda kampung keluar mencari pekerjaan di bandar-bandar termasuk Singapura, dan meninggalkan kebun-kebun kecil mereka tidak dikerjakan.

Pekebun-pekebun kecil kadang-kadang menjadi mangsa kepada persaingan agensi-agensi Kerajaan yang ditubuhkan untuk menolong mereka. Misalnya MARDEC bersaing dengan RISDA untuk membeli getah-getah keluaran pekebun-pekebun kecil dan ini akan melemahkan salah satu agensi tersebut dan akan merugikan pekebun-pekebun kecil dalam waktu jangka panjang. Pada hakikatnya usaha-usaha menambahkan pendapatan golongan miskin yang kebanyakan terdiri daripada bumiputra

masih jauh daripada matlamatnya dan penyusunan semula masyarakat dengan menghapuskan pengenalan kaum berdasarkan ekonomi masih lagi di dalam impian. Kegagalan Kerajaan mencapai matlamat DEB ini tidak seharusnya ditutup dengan memujuk bumiputra supaya menyedari bahawa menambahkan pendapatan akan menambahkan beban dan tanggungjawab mereka, kerana apa yang diperjuangkan untuk menghapuskan kemiskinan ialah untuk menegakkan keadilan di dalam pembahagian kekayaan dan bukannya menjadi keistimewaan kepada golongan-golongan tertentu untuk memperjuangkan ini dan yang menjadi tanggungjawab manusia yang berterusan dan untuk menegakkan keadilan itu.

Kegagalan mencapai matlamat DEB yang menjadi matlamat tertinggi Kerajaan bermakna menggagalkan usaha-usaha itu dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional tidak seharusnya mencari helah untuk melekakan bumiputra dan menutup mata mereka daripada menyedari bahawa sebenarnya DEB telah gagal. UMNO sebagai teras daripada Barisan Nasional tidak juga seharusnya bertindak secara putus asa untuk menjadikan cawangan-cawangan UMNO sebagai Jabatan-Jabatan Kerajaan seperti yang telah dijalankan di dalam FELDA. Mereka harus tahu bahawa wang Kerajaan adalah wang rakyat bukan wang UMNO dan rakyat Malaysia bukanlah semuanya ahli-ahli UMNO atau ahli-ahli Barisan Nasional. Tindakan melekakan lagi bumiputra yang dijalankan oleh setengah-setengah pemimpin Kerajaan untuk menutup mata menggagalkan DEB dan tindakan putus asa mereka hendak memaksa bumiputra menyokong UMNO dan membalas dendam terhadap orang-orang yang tidak menyokong UMNO dengan berbagai-bagai cara hanya akan merumitkan lagi keadaan untuk membaiki kehidupan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada perkara yang penting mengenai penyusunan semula masyarakat dengan berasaskan kemajuan ekonomi. Kita mengalu-alukan usaha memajukan ekonomi untuk menyusun semula masyarakat. Tetapi kita juga harus memahami bahawa kemajuan ekonomi semata-mata bukanlah unsur penyusunan semula yang asasi

baikpun penyusunan itu menuju kepada matlamat menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia mahupun matlamat itu untuk membentuk kehidupan yang lebih baik dan sejahtera untuk rakyat kita. Ekonomi semata-mata tidaklah boleh dijadikan asas kehidupan. Tamaddun yang dibina atas kemajuan kebendaan sahaja akan mengakibatkan kehancuran nilai-nilai utama manusia dan apabila kita membina asas-asas hidup itu di atas asas kebendaan semata-mata bermakna kita dari awal-awal lagi menempah kehancuran dan juga keruntuhan. Kemajuan yang sebenarnya dan kemajuan yang seharusnya kita tuju ialah kemajuan yang membina dan memupuk nilai-nilai dan sifat-sifat asasi manusia dan jauh arataupun hakikat asasi manusia itu tidaklah hanya aspek-aspek jasmaniahnya. Kerana itu penekanan terbesar mestilah ditumpukan ke arah pembinaan aspek-aspek yang tidak bersifat benda terutama pembentukan pemikiran yang berasaskan atau yang disusun oleh ketinggian akhlak. Pembinaan pemikiran manusia yang progresif hanya dapat dibentuk dalam suasana yang menjamin kebebasan dan menghormati ilmu yang hanya akan lahir dalam masyarakat yang berkembang ilmunya. Dengan sebab itu saya merasa hairan dengan Kerajaan Barisan Nasional yang cuba hendak menyempitkan kebebasan di Pusat-pusat Pengajian Tinggi dari menara gading kepada castle-castle tahanan, sedangkan Kerajaan melaungkan slogan-slogan untuk kemajuan dan kesejahteraan rakyat.

Sepatutnya pusat-pusat pengajian tinggi sekarang ini hendaklah dibebaskan dari bersifat menara gading kepada pusat ilmu yang menjadi cahaya menerangi usaha-usaha penyusunan semula masyarakat. Apakah perlunya Kerajaan mencipta belunggu-belunggu peraturan yang menghalang pensyarah-pensyarah, kakitangan-kakitangan dan pelajar-pelajar untuk menikmati kebebasan mereka sebagai warganegara biasa. Adakah kerana mereka makan gaji dengan Kerajaan mereka terpaksa membayarnya dengan harga yang mahal iaitu mengorbankan kebebasan mereka dan hak mereka sebagai warganegara dan menjadi warganegara kelas tiga yang dinafikan segala hak dan kebebasan untuk menyatakan pendapat

menyokong sesuatu gagasan idea dan gerakan untuk menentukan masa hadapan negara berasaskan tahap yang dicapai oleh pemikiran dan kajian mereka. Kalau beginilah jalan yang dipilih oleh Kerajaan Barisan Nasional dan teruskan sehingga beberapa generasi yang akan datang walaupun sepuluh kali ganda lagi dikeluarkan jumlah graduan-graduan, kita hanya akan menambahkan orang-orang yang menagih kerja kepada Kerajaan dan bukan warganegara yang hendak menjadi kubu mempertahankan kemurnian cara hidup di negara kita dari serangan-serangan pemikiran, kebudayaan dan penaklukan.

Perjuangan rakyat Malaysia menyusun semula masyarakat yang berasaskan keadilan dan kebebasan tidak dapat dipisahkan dari pergolakan yang terjadi dalam masyarakat antarabangsa dan tidak dapat dipisahkan dari perjuangan masyarakat manusia untuk membebaskan diri dari kezaliman, penindasan, kelaparan, konspirasi dan lain-lain tindakan yang berlawanan dengan keadilan dan peri kemanusiaan dan gerakan-gerakan yang mencabul hak-hak asasi manusia.

Pada hakikatnya masyarakat antarabangsa yang dibentuk atas asas tamadun barat perlu kepada penyusunan semula, baik yang berkaitan dengan sistem ekonomi, politik, kemasyarakatan, mahupun yang berkaitan dengan perhubungan antarabangsa. Asas-asas pembentukan dunia moden yang dibina atas nilai-nilai yang mufli sedang membawa masyarakat manusia menuju kehancuran. Perhubungan antarabangsa yang diarahkan menerusi muncung senjata dan ugutan-ugutan dan konspirasi-konspirasi telah menyeret masyarakat dunia yang cintakan keamanan dan perdamaian ke kancuh peperangan yang tidak berkesudahan.

Pada hari ini sedang berlaku suatu konspirasi jahat yang terbesar dalam sejarah umat manusia. Konspirasi yang bertentangan dengan norani antarabangsa konspirasi yang meletakkan najis di muka keadilan, kebenaran dan keamanan dunia. Perjanjian yang memalukan umat Islam, perjanjian yang menggadaikan Batul-Makdis, perjanjian yang terpaksa diterima dengan pahit oleh pemimpin-pemimpin Mesir akibat konspirasi yang tidak putus-putus ke atas

negara itu dan ke atas rakyat Mesir yang sabar, tabah dan gagah berani. Walaupun perjanjian itu dinamakan perjanjian damai tetapi lebih banyak peperangan akan terjadi di kawasan itu selagi masalah Palestine tidak diselesaikan secara adil. Kerana itu penyelesaian dan usaha-usaha ke arah mewujudkan keamanan dunia tidak mungkin dapat diputuskan melalui konspirasi dan pencabulan terhadap hak-hak asasi manusia dan keperluan ini meyakinkan lagi pendirian kami tentang perlunya masyarakat antarabangsa itu disusun semula.

Perjanjian damai antara Mesir dan Israel tidak diresntui oleh majoriti umat Arab dan umat Islam serta umat manusia yang cintakan keamanan dan keadilan. Ia bertentangan dengan keputusan-keputusan persidangan-persidangan antarabangsa mengenai masalah Palestine. Kerana itu kita menuntut Kerajaan Malaysia yang turut menandatangani beberapa perisytiharan antarabangsa mengenai Palestine supaya berusaha untuk menghancurkan konspirasi Amerika Syarikat dan Zionism antarabangsa dengan sokongan kuasa-kuasa imperialis antarabangsa yang sedang mencabar zahir ataupun norani antarabangsa untuk menggagalkan perjuangan hak dan keadilan rakyat Palestine dan perjuangan-perjuangan untuk kebebasan dan keadilan lainnya di seluruh dunia.

Sikap Kerajaan Malaysia yang membisu sekarang ini terhadap perjuangan yang adil rakyat Palestine dalam hubungan dengan konspirasi Amerika Syarikat dan Zionism antarabangsa yang sedang berlaku sekarang ini merugikan kepentingan negara kita untuk jangka panjang. Justeru negara kita juga sekarang ini sedang menghadapi liku-liku masa hadapan yang penuh tanda tanya dan tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh mengenai usul Perdana Menteri yang meminta kerjasama seluruh rakyat Malaysia dengan Kerajaan untuk menjayakan DEB. Kami daripada Parti Islam sentiasa menghulurkan tangan kerjasama untuk kebaikan dan tidak menyahut seruan-seruan kerjasama untuk kejahatan dan kerosakan iaitu dengan berdasarkan kepada firman Allah Subhanahu wa taala: "Wa ta'a wanu 'alal birri wat-taqwa wala ta'a wanu

'alal ithmi wal "udwan"—ertinya "Dan saling bertolonglah kamu atas asas kebaikan dan ketakwaan dan janganlah bertolongan atas asas keburukan dan pencerobohan".

Dengan kerana itu kami sukalah hendak menegaskan pendirian kami bahawa sebarang usaha yang dilakukan oleh Kerajaan yang mempunyai method dan cara-cara yang baik, yang bebas daripada penyelewengan, yang bebas daripada perkara-perkara mungkar; kami akan tetap menyokongnya tetapi jika sekiranya tindakan-tindakan yang merugikan, tindakan-tindakan yang menambahkan maksiat, tindakan-tindakan yang menambahkan kemungkaran; kami ingin menegaskan dan menyatakan bahawa kami tidak akan dapat memberikan kerjasama yang seumpama itu. Sekianlah, wassalamualaikum.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Belud.

5.55 *ptg.*

Tan Sri Datuk Haji Mohamed Said bin Keruak (Kota Belud): Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri yang begitu dihormati oleh kita semua ketika membentangkan usul bagi meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga telah menunjukkan kepada kita Ahli Dewan yang mulia ini dan yang lebih penting lagi kepada rakyat Malaysia keseluruhannya keupayaan Kerajaan Barisan Nasional memikul dan menunaikan dengan jaya dan ikhlas mandat yang telah diberi oleh rakyat.

Keadaan ekonomi di negara ini telah menghadapi beberapa cabaran yang sungguh merunsingkan di beberapa ketika. Namun demikian Kerajaan telah dapat memperseimbangkan segala cabaran-cabaran ini dan seterusnya berjaya pula meninggikan lagi taraf ekonomi negara pada keseluruhannya. Saya dengan ini sepenuhnya menyokong usul bagi meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah membuat peruntukan yang telah diselidiki dengan begitu rapi dan teliti. Negeri Sabah juga telah diberikan peruntukan yang

berpatutan. Saya sedar bahawa kekurangan pakar-pakar teknikal bukanlah berlaku di negeri Sabah sahaja. Saya sungguh berharap kekurangan pakar teknikal ini dapat diatasi dan dengan adanya peruntukan yang berpatutan, Kerajaan akan dapat melaksanakan projek-projek berkenaan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Ini adalah perlu memandangkan kos-kos projek yang tertandala semestinya akan bertambah oleh sebab faktor-faktor yang tersedia maklum.

Dalam usaha untuk menentukan segala projek-projek Kerajaan berjalan dengan beresnya, saya cadangkan di sini kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan untuk membuat tinjauan kadar dekat ke projek-projek berkenaan, terutamanya bagi projek-projek di negeri Sabah. Saya berpendapat projek-projek Kerajaan tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya hanya dengan kertas-kertas kerja, laporan-laporan yang menarik, taklimat-taklimat dan kertas-kertas warna-warni di Bilik Gerakan yang serba lengkap sahaja. Yang penting sekali patutlah bersama-sama melihat di kawasan-kawasan di mana projek yang akan dilaksanakan dan diperhati bahawa projek itu boleh menguntungkan dan tidak merugikan kepada Kerajaan, jika sekiranya projek itu lebih teratur dan dapat dilaksanakan dengan licin.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguhlah berharap agar cadangan yang saya syorkan di atas ini diberi perhatian yang berat. Jikalau tidak, usaha Kerajaan akan hanya menjadi sia-sia dan membazir sahaja. Rakyat daripada golongan berkenaan mungkin tidak akan dapat menikmati daripada projek-projek tersebut dengan sepenuhnya dan seterusnya ini mungkin menimbulkan pula masalah-masalah keselamatan dan mungkin juga menjejaskan keharmonian di antara golongan kakitangan-kakitangan Kerajaan dan golongan rakyat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada soal ini marilah kita beralih pula ke telefon. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa telefon adalah menjadi salah satu komponen perhubungan negara yang terpenting. Perhubungan pula memainkan peranan yang sungguh penting dalam pembangunan

ekonomi negara, untuk mencapai perpaduan dan sungguh penting untuk kegunaan keselamatan negara. Perpaduan pula jikalau diteliti bukan hanya antara kaum yang miskin dan yang kaya dan kegunaan sahaja, perpaduan juga yang saya maksudkan dan menganggap sungguh penting termasuklah daya usaha untuk merapatkan lagi rakyat Malaysia di negeri Sabah dan juga Sarawak dengan rakyat Malaysia di Semenanjung. Pendapat yang sama juga telahpun diberi oleh rakan sejawat saya beberapa hari yang lepas. Sungguhpun mungkin kami ada perbezaan pendapat di peringkat negeri dalam hal lain, ini menunjukkan kami sanggup demi mementingkan perpaduan negara untuk melupakan perbezaan pendapat kami dan bekerjasama untuk menepakan matlamat-matlamat negara.

Saya mengambil kesempatan ini juga untuk menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama memimpin rakyat menuju ke jalan perpaduan dengan lebih agresif bersefahaman dan realistik. Kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tidaklah patut hanya berpolitik secara kedaerahan dan kenegerian sahaja. Saya pasti bila perasaan cinta kepada negara Malaysia yang indah ini tersemam di setiap hati dan sanubari di seluruh pelusuk negara, saya pasti dan percaya saya mencadangkan supaya Kementerian yang berkenaan juga menimbangkan kemungkinan untuk menurunkan bayaran-bayaran panggilan-panggilan telefon di antara negeri Sabah dan negeri Sarawak dengan negeri-negeri di Semenanjung daripada bayaran yang dikenakan sekarang ini.

Memandangkan Kerajaan ada memberi subsidi kepada perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti rural service, Sistem Penerbangan Malaysia yang menguntungkan lebih sedikit lagi daripada golongan rakyat jikalau dibandingkan dengan perkhidmatan telefon di antara negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh berharap supaya cadangan ini diberi pertimbangan yang sewajarnya dan mungkin pihak Kerajaan ingin memberi penjelasan seterusnya. Di sini saya juga sungguh berharap kepada pihak Kerajaan untuk memberikan sedikit pertimbangan bagi

melanjutkan perkhidmatan jet Sistem Penerbangan Malaysia ke bandar-bandar di negeri Sabah dan negeri Sarawak yang boleh menampung pesawat-pesawat jet. Ini adalah merupakan satu cadangan yang saya anggap sungguh berpatutan memandangkan hasil-hasil yang sungguh menggalakkan bagi penerbangan-penerbangan di sektor-sektor MAS di negeri Sabah dan Sarawak. Saya juga difahamkan bahawa banyaknya penumpang-penumpang yang dibawa di sektor-sektor ini boleh menampung dan adalah adil bagi perkhidmatan jet diadakan di beberapa sektor yang berkenaan. Di sini saya berharap pihak Kerajaan akan memberi sedikit penjelasan tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya sungguh yakin bahawa Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi telah cuba dengan segala upaya untuk merintis dan membuka jalan untuk membuat dan memastikan dengan kehendak Allah s.w.t. supaya negara Malaysia yang dicintai ini terus mencapai perpaduan, kemajuan, keamanan dan keselamatan. Walau bagaimanapun, kita Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mestilah sentiasa memperingati diri kita terhadap mandat yang kita pegang sekarang ini adalah datangnya daripada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas.

6.06 ptg.

Tuan Racha Umong (Bukit Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk menyokong penuh Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri pada minggu yang lalu khasnya yang mana mengenai dengan Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Di dalam perkara ini saya ingin memberi satu dua patah pandangan berhubung dengan rancangan yang telah dijanjikan oleh Kerajaan kepada rakyat iaitu seperti pembinaan jalanraya-jalanraya, taliair, bekalan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar dan memajukan pertanian, pelajaran dan sebagainya harus dilaksanakan dengan secepatnya segera yang boleh kerana ini sangat penting

untuk mencapai kemajuan rakyat bumiputra yang di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita ini masih banyak atau sebilangan besar penduduk-penduduk bumiputra yang di luar bandar, di ulu-ulu sungai ataupun pergunungan yang memerlukan jalanraya-jalanraya supaya mereka rajin berkebun atau bercucuk tanam kerana jikalau tidak ada jalanraya buat apa mereka memperbesarkan kebun-kebun mereka jika tidak ada pengangkutan untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) bahawa dengan adanya nama MAS lebih terkenal di mana-mana. Sebagaimana yang kita ketahui Malaysian Airline System (MAS) ialah Syarikat Penerbangan Kebangsaan negara kita yang terkenal kepada seluruh rakyat kita Malaysia dan yang memberikan hati rakyat sentiasa merasa megah dan berbangga. MAS telah berjaya baik kepada negara dan rakyat kita Malaysia dan berbau harum di kalangan pelancung-pelancung luar negeri mahupun dalam negeri kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan punca masalah iaitu tuntutan mengenai gaji dan layanan-layanan untuk pekerja-pekerja MAS, saya berharap langkah-langkah yang demikian harus diambil berat untuk membolehkan dengan perundingan di antara Kesatuan dan Majikan dengan secepat mungkin untuk menyelesaikan perkara-perkara tersebut agar pekerja-pekerja MAS dapat bertugas semula supaya mereka dapat melancarkan perkhidmatan mereka dengan lebih hebat bagi perkhidmatan antarabangsa dan lebih-lebih lagi untuk kepentingan rakyat di negara kita yang kita cintai ini. Tuan Yang di-Pertua, saya harap hal ini harus diselidiki dan diselesaikan dengan secepat mungkin, kalau tidak rugilah negara kita untuk kemajuan negara kita.

6.12 ptg.

Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, seorang pemimpin

Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan yang berjiwa rakyat, Kerajaan yang bersih dan Kerajaan yang memberi jaminan keselamatan dan kemakmuran kepada rakyat jelata yang berbilang bangsa. Rancangan yang telah dijalankan itu sungguh berjaya dan akan beroleh lebih berjaya hingga akhir Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, jika semua pihak termasuk Pembangkang-pembangkang yang betul-betul jujur, ikhlas dan bertimbang rasa serta bersyukur atas apa yang Kerajaan buat selama ini. Contoh-contoh di atas kejayaan Kerajaan Barisan Nasional adalah sejumlah 320,000 pekerjaan baru dijangka dapat diwujudkan dalam negara menjelang tahun 1980, iaitu satu angka melebihi matlamat Rancangan Malaysia Ketiga.

Sektor pertanian akan menghasilkan 51,100 pekerjaan baru; 16% dari jumlah yang diadakan dalam tempoh masa 1979 dan 1980. Sektor pembuatan juga memainkan peranan penting, 87,000 pekerjaan akan diwujudkan. Tenaga buruh dijangka meningkat dari 4.3 juta orang dalam tahun 1975 kepada 5.1 juta orang menjelang tahun 1980. Dengan bertambahnya tenaga buruh dalam negara adalah dijangka jumlah penduduk di negara ini akan bertambah kepada angka 14,003 juta orang dalam tahun 1980. Dengan meningkatnya purata tahunan sebanyak 2.6% jelas sekali kedudukan ekonomi dan kebajikan sosial golongan rakyat berpendapatan rendah dan miskin tidak kira apa bangsa dan fahaman politiknya telah meningkat naik iaitu hasil daripada pelaksanaan bermacam-macam program susunan kerja, projek pembangunan yang bermatlamat serampang dua mata iaitu Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Orang-orang bukan Melayu atau bukan bumiputra lebih banyak menerima nikmat bantuan kewangan melalui institusi-institusi kewangan antara tahun 1975 hingga 1978. Contohnya, dari jumlah \$12,150 juta pinjaman dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan hingga akhir tahun 1978 hanya \$1,933 juta atau 15.9% sahaja dirasai oleh bumiputra. Pinjaman kredit yang dijalankan oleh Syarikat Jaminan Kredit (C.G.C.) adalah dalam lengkongan 40% telah diberikan kepada bumiputra dan lagi 60% kepada rakyat bukan bumiputra. Ini semua tidak diceritakan oleh Pembangkang

khususnya DAP. Adakah mereka ini buta mata atau pekak telinga tidak tahu ini semua? Mereka dari DAP patut bersyukur kepada Kerajaan Malaysia kerana di negara kita sahaja terdapat orang-orang jenis Ketua Pembangkang, boleh membangkang, boleh jadi wakil rakyat sedangkan di dalam negeri China sekalipun orang-orang jenis ini tidak boleh menjadi pembangkang. Saya percaya kalau wakil dari Petaling duduk di negeri China bukan sahaja tidak boleh hendak jadi pembangkang apatah lagi hendak menubuhkan Kerajaan. Demikian juga kalau wakil dari Menglembu duduk di India, tidak ada can hendak menjadi Pembangkang.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri jalan?

Tuan Hashim bin Endut: Tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri jalan; sila teruskan.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, wakil Kota Melaka berkata DAP menyokong Dasar Ekonomi Baru dengan syarat ianya menguntungkan semua bangsa. Itulah sebenarnya tujuan dan cita-cita Dasar Ekonomi Baru untuk mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa. Tetapi Ketua Pembangkang yang datang dari satu parti terus tidak percaya kepada Dasar Ekonomi Baru, mereka sesama mereka bercanggah seorang kata sokong, seorang kata bangkang. Ini cerita apa? (*Ketawa*)

Wakil DAP dari Kota Melaka berkehendak semua kaum bukan bumiputra hendak pelajaran lebih, tanah lebih, perniagaan, rumah, wang, Universiti Merdeka, semua mereka hendak. Tetapi bila mereka dibenar bentang satu usul Universiti Merdeka mereka dengan sendirinya bersikap pengecut, penakut, mereka sendiri menarik balik usul itu.

Masalah-masalah penting seperti yang kita bincangkan di dalam Dewan ini iaitu masalah MAS dan AEU satu perkara yang penting patut dibincangkan bersama mereka dengan senang dan mudah keluar beramai-ramai bak kata Perdana Menteri: Pak-pak

lang, buntut-membuntut keluar dari Dewan ini beramai-ramai dan diikuti pula oleh seorang yang digelar "Ceng-ceng-ceng". Inikah dinamakan pembangkang bertanggungjawab kepada rakyat yang memilih mereka? Saya lihat ada wakil-wakil DAP yang masih mentah di dalam Dewan ini tidak diberi peluang bercakap oleh ketua mereka. Sayang pada rakyat yang memilih mereka ini. Saya dapati cuma lima orang wakil DAP dibenar bercakap di dalam Dewan ini yang lain entahlah mungkin mereka ini bisu semua.

Tuan Yang di-Pertua, parti DAP mendakwa Rancangan Malaysia Ketiga mencabul. Saya hairan apa yang dimaksudkan mencabul. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca suratkhbar ini.

"DAP hari ini mendakwa....

Tuan Yang di-Pertua: Sabar! Yang Berhormat, suratkhbar apa itu untuk rekod.

Tuan Hashim bin Endut: *Utusan Melayu.*

Tuan Yang di-Pertua: Keluaran berapa haribulan?

Tuan Hashim bin Endut: Hari ini. 26hb Mac, 1979.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang sangat.

Tuan Hashim bin Endut: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. "DAP hari ini mendakwa Rancangan Malaysia Ketiga mencabuli jaminan yang dibuat di bawah Dasar Ekonomi Baru, khususnya di bidang pengajian tinggi di mana pengambilan para pelajar keturunan Cina telah merosot dari tempoh 1976-1978." Perangkaan yang diberi oleh Setiausaha DAP ialah dalam masa 5 tahun cuma merosot 81 orang, ini dikatakan mencabul. Kalau dibahagi tahunnya daripada lima tahun itu cuma 16.2 orang yang kurang setahun. Ini dianggap kepada mereka sebagai mencabul, sedangkan kita memberi peluang kepada mereka, kita bersedia dengan peluru semua supaya membawa usul ini untuk menjamin pelajaran tinggi kepada orang-orang bukan bumiputra. Mereka dengan sendirinya cabut

lari, tidak berani berhadapan dengan kita semua, kita bersedia, inilah yang dianggapkan sebagai wakil-wakil rakyat yang tidak bertanggungjawab, pengecut dan dayus.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkataan “dayus” itu tarik balik!

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik perkataan “dayus” tetapi “pengecut” saya gunakan juga (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan “pengecut” tak apa.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Petaling dengan lantang mencabar wakil dari Pasir Puteh kerana beri teguran membina supaya DAP lebih bertanggungjawab terhadap negara. Teguran wakil dari Pasir Puteh sungguh kena pada tempatnya sebab kadangkala terdapat Ketua Pembangkang ini sangat lebih dari batasan bercakap. Dia bernasib baik berada di dalam negara Malaysia, kalau berada di Negeri China sekalipun dia tidak boleh bercakap seperti apa yang dia sedang bercakap pada masa ini.

Wakil dari Pengkalan Chepa seperti biasa perlahan-lahan bangun turut berdebat bawa cerita lama, masalah tanah tergadai tetapi di Kelantan semasa PAS memerintah bukan tanah sahaja tergadai tetapi hutan belantara yang begitu kaya dipajak kepada bukan bumiputra yang bukan pula rakyat Malaysia. Ini lebih dahsyat lagi dan sebab itulah Tuhan yang maha kuasa rentap, tarik balik kuasa negeri itu dan ditakdirkan Tuhan juga Kerajaan Barisan Nasional—BERJASA pula diserahkan kuasa oleh Tuhan. PAS mesti terima apa yang ditakdirkan oleh Tuhan itu, kalau tidak apa gunanya laungkan itu dan ini. Ini adalah keputusan Tuhan. Kalau Tuhan putuskan pun tak betul, apa betulnya pada PAS ini (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, susunan JKR, wakil dari Rantau Panjang mengatakan “Jangan Kerja Rajin” tetapi istilah saya berlainan sedikit—“Jangan Kerja Ringan”. Masalah yang ditimbulkan oleh JKR yang tak sempat hendak buat kerja itu dan kerja ini bukanlah masalah pegawai teknik semata-mata, malah

pada pendapat saya susunan kerja juga kurang menguntungkan JKR. Sepertimana saya cakapkan dalam persidangan Dewan yang pertama dahulu di negeri Kedah terdapat 3 Jabatan JKR sehingga hari inipun masih terdapat 3 Jabatan JKR—JKR Kedah Utara, Kedah Tengah dan Kedah Selatan wal hasilnya pembangunan-pembangunan lebih banyak di sebelah timur. Sebab itulah saya meminta kepada pihak JKR kalau boleh susun semula pentadbiran pejabat mereka supaya satu pejabat juga diwujudkan di sebelah timur negeri Kedah meliputi bahagian Sik, Baling, Padang Terap dan Pendang.

Seperti yang dikatakan dahulu daerah kawasan Ulu Muda adalah mundur, tidak ada pembangunan, kawasan banyak tanah hutan, MUDA Dam pun ada di situ tetapi rakyat miskin, satu kawasan yang kaya dengan kemiskinan. Di Sik belum ada sebatang tiang LLN hingga ke hari ini. Kalau tak ada kuasa elektrik bagaimana pembangunan terutamanya perindustrian boleh datang ke Sik ataupun Pendang. Sebuah jambatan perlu diadakan di Kuala Jeneri yang mana jambatan ini akan digunakan oleh ratusan ribu murid-murid sekolah sebab sekolah menengah akan dijadikan di seberang sungai sebelah Kuala Jeneri tetapi feeder schoolnya di sebelah tebing di sebalik sana. Sebab itulah jambatan yang saya maksudkan di Kuala Jeneri ini adalah mustahak dan penting untuk daerah Sik dan Pendang.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kali kita dengar masalah kelambatan selalu dibangkitkan kurang pegawai, kurang pegawai-pegawai teknikal dan sebagainya, maka Jabatan Perkhidmatan Awam juga perlu diberi teguran dan patut ambil perhatian yang serius berkenaan dengan kekurangan pegawai. Daripada perangkaan yang diberi di dalam Buku Kajian Separuh Penggal beribu-ribu jawatan masih kosong dan banyak kerja-kerja tak dapat dijalankan dan kebanyakan daripada Kementerian-kementerian apabila dijawabnya tak cukup pegawai, tak cukup kakitangan dan sebagainya. Ini adalah mustahak dan perlu diberi perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Wakil Rakyat datang daripada Kedah saya bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana wujudnya MADA di dalam

negeri Kedah. Kawasan MADA ini telahpun dianggap sebagai jelapang padi kepada Malaysia dan baru-baru ini saya lagi sekali mengucapkan banyak terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana menambah lagi peruntukan yang berjumlah \$400 juta. Dengan peruntukan ini kami percaya dan yakin supaya projek-projek dapat dijalankan dengan lebih sempurna dengan syarat pegawai-pegawai ditempatkan dengan mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya MADA kita create lagi satu masalah di negeri Kedah. Bagi mereka di luar kawasan MADA selalu mengeluh kerana mereka ini tidak dapat perhatian daripada pihak-pihak tertentu. Kalau di dalam kawasan MADA segala nikmat, segala kemudahan dan ekonomi rakyat di dalam kawasan MUDA telah meningkat naik begitu tinggi kalau kita bandingkan dengan mereka di luar kawasan MADA. Oleh yang demikian, saya merayu dan meminta kepada Kerajaan sama ada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat supaya memberi juga perhatian kepada mereka di dalam kawasan luar MADA yang mana kawasan yang saya mewakili ini adalah kebanyakannya 80% terdiri daripada kawasan luar MADA. Jika perlu, satu lembaga patutlah ditubuhkan untuk memberi perhatian kepada penduduk-penduduk, kepada pembangunan-pembangunan di dalam kawasan luar daripada rancangan peraitan MUDA.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kawasan saya dan juga di negeri Kedah peluang masuk rancangan tanah kurang diberi perhatian, terutama sekali rancangan FELDA dan FELCRA. Rancangan FELCRA yang ada satu di Pulau Belantik yang diwujudkan oleh Kementerian Kemajuan Tanah menjadi begitu rumit dan sukar kepada orang di situ sebab kebanyakan penghuni-penghuni dan pengambilan peserta-peserta rancangan FELCRA itu datangnya daripada orang luar wal hasilnya orang yang berdekatan tidak diberi peluang oleh pihak-pihak tertentu untuk menikmati segala pembangunan yang datang berhampiran dengan mereka. Oleh kerana tanah banyak apa salahnya saya merayu kepada Menteri berkenaan supaya FELDA atau FELCRA dibawa terus ke kawasan Ulu Muda. Rakyat tidak bertanah sangat banyak

di sini, rumah rakyat masih banyak bertiang buluh, lantai buluh, dinding buluh, atap bertam dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa di dalam kawasan Ulu Muda ini masih banyak rakyat yang miskin perlu kepada tanah.

Menyentuh berkenaan dengan pelajaran saya sungguh hairan keciciran banyak berlaku sebelum sampai Darjah VI. Kalaupun yang boleh pergi ke Tingkatan VI habis tinggi sampai LCE atau SRP dengan kegagalan-kegagalan, juga dengan kepujian-kepujian 9 mata tiap-tiap matapelajaran. Kepada mereka di sana keputusan ini dianggap sebagai keputusan toge, mengapa jadi begini? Mungkin kerana perhatian Kementerian Pelajaran kurang kepada murid-murid desa. Masih terdapat murid-murid di kawasan saya bersekolah di bawah pohon kayu kerana tak cukup bilik darjah. Contohnya yang habis dekat sekali iaitu Sekolah Kampung Belantik dan Sekolah Kubang Kesom adalah contoh yang baik di mana terdapat murid-murid masih belajar di luar bangunan sekolah. Kerusi meja

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

RAYUAN PEKERJA-PEKERJA PERUSAHAAN ELEKTRONIK

6.30 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Speaker, dalam satu minggu yang lalu, kami menghadapi satu taktik sabotaj yang dilakukan oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan saya berharaplah Ahli-ahli Parlimen rakan saya dari Barisan Nasional dalam Dewan ini hari ini tidak akan mensabotajkan sekali lagi.

Tuan Speaker, saya tentu tahu bahawa Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat tentu akan mengatakan bahawa perusahaan elektronik adalah berlainan dan berasingan daripada perusahaan elektrik.

Tuan Speaker, menurut satu memorandum

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 13 didapati koram di dalam Majlis ini tidak mencukupi.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang daripada 26 Ahli hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Masih tidak cukup koram.

Dewan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari Selasa, 27hb Mac, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.33 petang.